

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.03/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 29 MAC 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.03/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 29 MAC 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.2/2013 bertarikh 28 Februari 2013.
4. Kertas Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat (JKAPK) Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 01/2013.
5. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.3/2013.
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.3/2013 .
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.3/2013.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.3/2013.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.3/2013.
 - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.5/2013.
 - 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.6/2013.

6. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Haji A Yazid Bin Alias.
7. Penutup.

SULIT

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.03/2013**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.02/2013.
2. Lampiran-lampiran :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.03/2013.
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.03/2013.
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.03/2013.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.03/2013.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.03/2013.
 - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.05/2013.
 - 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.06/2013.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 2/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 28 FEBRUARI 2013
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob
Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Hamsah bin Djabir | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 6. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 7. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 8. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 9. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 10. | Tn. Hj. Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 11. | Tn. Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | " |
| 12. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 13. | Tn. Hj. Ali bin Ismail | - | " |
| 14. | Tn. Hj. Mat Jusoh bin Dollah | - | " |
| 15. | Tn. Hj. A. Yazid bin Alias | - | " |
| 16. | Tn. Abdul Aziz bin Ahmad | - | " |

- | | | | |
|-----|--------------------------------|---|-------------|
| 17. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | Ahli Majlis |
| 18. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 19. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 20. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain | - | Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Tn. Jafrien bin Muhammad
Ahli Majlis, MPAJ
2. Tn. Wong Khai Pun
Ahli Majlis, MPAJ
3. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis, MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarodin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Yazid bin Sarkom
Jabatan Bangunan dan Senibina
3. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
4. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia dan Masyarakat
5. En. Khairulazmi bin Ab. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
6. Mohd Fazrin bin Ab. Rahman
Bahagian Audit Dalam
7. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan

8. Pn. Rosliza binti Mohd
Jabatan Perancangan Korporat
9. En. Mohd Yusuf bin Sulaiman
Jabatan Khidmat Pengurusan
10. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
11. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
12. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
13. Pn. Siti Aishah binti Salim
Jabatan Undang-Undang
14. Pn. Noor Farhana binti Roselan
Bahagian Audit Dalam
15. En. V. Suntharamurthy
Jabatan Penguatkuasa
16. Pn. Norhayati binti Ahmad
Jabatan Perancangan Korporat (PRO)
17. Pn. Norlela binti Kamsi
Bahagian Urusetia - Urusetia
18. Pn. Noryani binti Roslan
Bahagian Urusetia - Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan.

2. UCAPAN Pengerusi

Y. Bhg. Dato' Mohammad bin Yacob, Yang Di Pertua, selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013.

Y.Bhg Dato' Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 2.1. Tarikh akhir bayaran Bil Cukai Taksiran bagi Penggal Pertama Januari – Jun adalah pada 28 Februari 2013. Bagi mengelakkan daripada dikenakan denda sekiranya dibayar pada saat akhir, pemilik harta disaran untuk menggunakan e-banking sebelum jam 12.00 tengah malam.

Sehingga kini, jumlah kutipan yang telah diterima oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) adalah berjumlah **RM11.37** juta iaitu Cukai Taksiran semasa sebanyak **RM 10.11** juta dan tunggakan cukai taksiran sebanyak **RM 1.26 juta**.

- 2.2. Pihak MPAJ akan meneruskan tindakan undang-undang ke atas mereka yang gagal membayar cukai taksiran dengan pendekatan yang lebih tegas di mana pihak MPAJ akan membuka akaun CTOS bagi memasukkan data-data pelbagai tunggakan bayaran sebagai salah satu cara mengurangkan jumlah tunggakan hasil di MPAJ. Tunggakan-

tunggakan ini termasuklah hutang emolumen, klinik panel, sewa gerai, kompaun dan cukai taksiran. Di samping itu, tindakan menggulungkan syarikat di bawah peruntukan Seksyen 218, Akta Syarikat 1956 dan tindakan menahan dan menjual hartanah di bawah peruntukan Seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dilaksanakan.

2.3. Melalui program penampalan jalan 2013, sepanjang tempoh Januari – Februari 2013 pihak MPAJ telah menampal sebanyak 2,065 jalan berlubang dengan keluasan 51,742.04m². Penampalan jalan-jalan berlubang ini adalah bagi menjamin keselesaan masyarakat dan meningkatkan taraf infrastruktur jalan-jalan di kawasan pentadbiran MPAJ.

2.4. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1,046,106.62 menggunakan peruntukan MARRIS untuk MPAJ melantik Kumpulan IKRAM bagi melaksanakan Kajian Kerja-Kerja Penstabilan Cerun di kawasan MPAJ. Sebanyak lima (5) lokasi terlibat dalam kerja-kerja penstabilan cerun ini.

Pihak MPAJ telah melantik Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. pada 19 Februari 2013 dengan tempoh pelaksanaan kerja-kerja kajian dan rekabentuk penstabilan selama 8 minggu bermula dari 19 Februari 2013 hingga 16 April 2013. Kerja-kerja penstabilan cerun dijangka akan bermula pada bulan Mei / Jun 2013 bergantung kepada kaedah pelantikan kontraktor iaitu sama ada secara sebutharga/tender terbuka atau pelantikan terus Kumpulan IKRAM Sdn Bhd sebagai pelaksana.

2.5. Ketika ini, MPAJ sedang diaudit oleh Jabatan Audit Negara Negeri Selangor bagi pengurusan kompaun. Majlis `Entrance` Audit telah diadakan pada 20 Februari 2013 dan proses audit ini akan berlangsung selama dua (2) bulan.

2.6. Satu Sesi Dialog YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew bersama Pemimpin Komuniti MPAJ sempena Tahun Baru Cina akan diadakan pada 5 Mac 2013 (Selasa) di Galeri, Aras 4, Menara MPAJ mulai jam 2.30pm.

Fokus dialog adalah kepada pemimpin komuniti, perniagaan cina dan isu-isu setempat. Ahli Majlis, Persatuan Perniagaan, Persatuan Peniaga dan Persatuan Penduduk adalah dijemput hadir bersama dan penglibatan pelbagai kaum adalah digalakkan.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 1/2013

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 1/2013 bertarikh 23 Januari 2013 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Puan Cheong Chye Wah dan disokong oleh Tuan Ahmad Sabri bin Abu Bakar.

4. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

5. KERTAS MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1 /2013

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 menerima dan mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 1/2013 bertarikh 30 Januari 2013.

6. PERTIMBANGAN LAPORAN

6.1. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 2/2013 yang telah diadakan pada 22 Februari 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Razali bin Ramly dan disokong oleh Tuan Hamsah bin Djabir.

MAKLUMAN

6.2. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 2/2013 yang telah diadakan pada 13 Februari 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramy a/l Sinnapayal dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

MAKLUMAN

SULIT

6.3. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 2/2013 yang telah diadakan pada 15 Februari 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Puan Cheong Chye Wah dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis.

MAKLUMAN

6.4. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 2/2013 yang telah diadakan pada 20 Februari 2013 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramy a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Hamsah bin Djabir.

6.4.1. LESEN PERNIAGAAN PUSAT SIBER/KAFE SIBER

Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memutuskan menarik balik arahan pembekuan lesen perniagaan pusat siber/kafe siber di PBT Selangor. Majlis Perbandaran Ampang Jaya sehingga kini telah menerima lebih kurang 60 permohonan baru. Semua permohonan ini diproses mengikut Garis Panduan Pengawalan Perniagaan

Pusat Siber dan Kafe Siber Negeri Selangor melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor SPBT 2/2012.

Dato' Pengerusi menjelaskan semua premis perniagaan pusat siber/kafe siber yang mengemukakan permohonan baru tidak boleh beroperasi sehingga permohonan lesen perniagaan mereka diluluskan.

MAKLUMAN

6.5. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 2/2013 yang telah diadakan pada 21 Februari 2013 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramy a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Fong Teck Keong.

MAKLUMAN

6.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 3/2013 dan Bil. 4/2013 bertarikh 8 Februari 2013 dan 25 Februari 2013.

(Nota : Tuan Hj. Mat Jusoh bin Dollah telah mengistiharkan kepentingan meninggalkan mesyuarat semasa pengesahan laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 4/2013 bertarikh 25 Februari 2013 kerana berkepentingan di perkara 2.4 di muka surat 375)

MAKLUMAN**7. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN FONG TECK KEONG**

Tuan Fong Teck Keong mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 2/2013.

Dalam ucapannya, beliau menyampaikan ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan dan pegawai-pegawai MPAJ atas bantuan yang diberikan kepada beliau sebagai seorang Ahli Majlis yang baru. Sepanjang 11 bulan perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis, beliau telah dapat bermesra dan berjumpa dengan komuniti pelbagai kaum. Perkara-perkara yang sering dibangkitkan oleh penduduk adalah berkaitan dengan lesen perniagaan. Sebahagian besar para perniaga merungut sukar mendapat lesen perniagaan walaupun permohonan mereka mengikut peraturan yang ditetapkan dan telah mengeluarkan duit yang banyak.

Sehubungan itu, beliau memohon supaya pihak Majlis dapat mempermudah urusan permohonan lesen perniagaan dan memperbaharui lesen perniagaan bagi kesenangan orang ramai. Dengan cara ini, lebih ramai orang dapat menjalankan perniagaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan Majlis melalui hasil bukan cukai.

Selain dari masalah lesen perniagaan, masalah berhubung dengan perkhidmatan sisa pepejal dan kebersihan kawasan sering dibangkitkan oleh penduduk. Penduduk mengadu kontraktor kawasan tidak mengangkut sampah mengikut jadual, punggutan sampah yang ditetapkan dan longkang tidak dibersihkan. Situasi ini menyebabkan air bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Beliau berharap masalah kebersihan kawasan ini dapat ditangani dan diselesaikan dengan segera kerana Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil berat tentang kebersihan kawasan supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan yang bersih, selesa, aman damai dan harmoni.

Seterusnya beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada MPAJ di atas pengiktirafan 4 bintang dalam penilaian STAR RATING tahun 2011. Beliau berkeyakinan dengan kewibawaan MPAJ untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk. Beliau berharap dalam penilaian STAR RATING 2012, MPAJ akan menunjukkan komitmen yang tinggi dan seterusnya mencapai kecemerlangan perkhidmatan yang lebih baik.

Akhir sekali, tidak terlewat bagi pihak beliau mengucapkan `GONG XI FA CAI' sempena Tahun Baru Cina 2013 dan selamat maju jaya pada tahun ular pada tahun ini.

8. PENUTUP

Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan tersebut dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.28 pagi.

Disediakan oleh:-

(ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Setiausaha

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

.....dan disokong oleh

(DATO' MOHAMMAD BIN YACOB, DSIS,SIS,KMN)

Pengerusi Mesyuarat

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

*Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPM 2 2013 - 28.2.2013*

4.1
MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK)
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIL.1/2013

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.3/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**MAKLUMAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT
DAN PENGURUSAN KORPORAT (JKAPK)
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.1/2013**

BAHAGIAN AUDIT DALAM

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 3 berhubung minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 1/2013 yang telah diadakan pada 18 Mac 2013.

2.0 LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat (JKAPK) hendaklah diminitkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis setelah mendapat persetujuan Yang Di Pertua Majlis selaras dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil. 5/2010.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**3.1 PENGURUSAN ADUAN AWAM.**

Jabatan Perancangan Korporat memaklumkan kerja menaiktaraf Sistem Aduan Majlis sedang dilakukan pada tahun 2013. Dimaklumkan juga bahawa laporan aduan mengikut zon pada masa ini telah boleh diakses oleh setiap Ahli Majlis. Satu sesi taklimat berkaitan kaedah capaian kepada Sistem Aduan tersebut dijadualkan akan diadakan bersama Ahli Majlis pada hari Mesyuarat Penuh bulan Mac 2013.

Tindakan:

Jab. Perancangan Korporat

3.2 LAPORAN AUDIT YANG DIBENTANG DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JKPA) BIL. 1/2013.

JKAPK mengambil maklum ke atas laporan audit yang telah dibentangkan di dalam JKPA Bil. 1/2013 yang di pengerusikan oleh Tuan Timbalan YDP pada 13 Februari 2013. Bahagian Audit Dalam (AD) diminta membuat tindakan susulan ke atas penemuan yang telah dibangkitkan.

Tindakan

Bahagian Audit Dalam

3.3 SASARAN KERJA TAHUNAN BAHAGIAN AUDIT DALAM

Sasaran Kerja Tahunan Bahagian Audit Dalam bagi tahun 2013 yang telah diluluskan oleh Y.Bhg. Dato'YDP turut sebulat suara diluluskan oleh JKAPK untuk pelaksanaan dan pemantauan oleh Bahagian Audit Dalam.

Tindakan

Bahagian Audit Dalam

3.5 PEMBENTANGAN PRESTASI PROJEK-PROJEK PENSWASTAAN MPAJ OLEH JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Laporan prestasi projek-projek penswastaan dari tahun 2006 hingga 2012 yang dibentangkan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta diambil maklum oleh JKAPK. Secara dasarnya JKAPK bersetuju agar projek-projek penswastaan yang dapat memberikan pulangan yang baik kepada Majlis diteruskan pada masa-masa akan datang.

Tindakan

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.6 HAL-HAL LAIN

3.6.1 Tuan Supiraman A/L Sinnapayal memaklumkan bahawa terdapat kelemahan di dalam pengurusan Jabatan Majlis yang berkaitan di dalam menyelaraskan bantuan semasa program gotong-royong dengan penduduk yang dianjurkan oleh Ahli Majlis. Komitmen dan respon Jabatan perlu ditambahbaik agar program berkaitan dapat dijalankan dengan lancar di tapak.

Tindakan

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.6.2 Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan diminta untuk membentangkan laporan prestasi kerja kontraktor - kontraktor yang telah dilantik untuk menjalankan pengurusan pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal di bawah seliaan Jabatan di dalam Mesyuarat JKAPK Bil.2/2013.

Tindakan

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.35 pagi dengan ucapan terima kasih dari Tuan Pengerusi.

Disediakan Oleh :

(NOOR FARAHANA BT. ROSELAN)
Juruaudit
Bahagian Audit Dalam
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

18 Mac 2013

Disemak Oleh :

(MOHD FAZRIN B.RAHMAN)
Ketua Bahagian/Juruaudit
Bahagian Audit Dalam
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

18 Mac 2013

5.1
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.3/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.03/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 19 MAC 2013 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI – 11.54 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN AHLI MAJLIS

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 5. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 7. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 8. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 9. | Tn. Wong Khai Pun | - | " |
| 10. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 11. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |

- | | | | |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| 12. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | Ahli Majlis |
| 13. | Tn. Abd. Aziz Bin Ahmad | - | ' ' |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|-----------|
| 1. | Y.Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob | - | YDP, MPAJ |
|----|---------------------------------|---|-----------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 03/2013**

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN
TAKSIRAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 03/2013 telah diadakan pada 19 Mac 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2013.**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Jun 2013 ialah sebanyak RM46.30juta dan tunggakan cukai sebanyak RM12.53juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 166,946 bil bagi tempoh penggal pertama dalam tahun 2013.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 28 Februari 2013 ialah sebanyak RM29.03juta. Pencapaian kutipan semasa cukai taksiran adalah RM26.28juta; 56.76% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM2.75juta; 21.96%.

2.1.3. Berikut adalah perbandingan kutipan cukai taksiran bagi tempoh 28 Februari 2013 dan 29 Februari 2012.

Perbandingan kutipan cukai taksiran			
Perkara	01/01/13 – 28/02/13	01/01/12 – 28/02/12	Ulasan
Kutipan cukai semasa	RM26.28juta	RM24.53juta	Peningkatan kutipan cukai semasa RM1.75juta; 6.66%
Kutipan tunggakan cukai	RM2.75juta	RM2.89juta	Penurunan kutipan tunggakan cukai RM0.14juta; 4.84%
Jumlah	RM29.03juta	RM27.42juta	Peningkatan kutipan keseluruhan RM1.61juta; 5.55%

2.1.4. Laporan Tunggakan Cukai taksiran 1 Januari 2012 sehingga 28 Februari 2013 dan senarai 50 pemaju serta 100 individu Tunggakan Cukai Taksiran adalah seperti di **Lampiran 1**.

2.1.5. Analisa pencapaian kutipan cukai taksiran dilaporkan sehingga 28 Februari 2013 dengan sasaran kutipan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK			
Jenis cukai taksiran	Sasaran kutipan arahan SUK	Pencapaian Majlis	Kekurangan sasaran
Cukai semasa	RM41.67juta	RM26.28juta	RM15.39juta
Tunggakan cukai	RM8.77juta	RM2.75juta	RM6.02juta

2.1.6. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006 yang lalu.

- c) Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
- d) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran secara eBanking melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- e) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media.
- f) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.
- g) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilikan individu dan syarikat tegar.

h) Menyenaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke ***Convergent Technologies Operating System (CTOS)***.

2.1.7. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum** Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2013 sehingga 28 Februari 2013.

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2013 DARI 1 JANUARI 2013 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2013.

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi bajet 2013 sehingga 28 Februari 2013.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2013 adalah sebanyak RM118,000,000.00. Majlis telah membelanjakan sehingga 28 Februari 2013 sejumlah RM10,070,631.32 atau 8.53% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan telah diperuntukan sebanyak RM1,000,000.00 bagi tahun 2013.

2.2.3. Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari 1 Januari 2013 hingga 28 Februari 2013 seperti di **Lampiran 2**.

2.2.4. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis sehingga 28 Februari 2013 adalah sebanyak RM21,045,536.28. Majlis telah membelanjakan sejumlah RM20,234,975.39 atau 96.15%. Laporan perincian Perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 3**.

2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum** Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2012 dari 1 Januari 2012 sehingga 28 Februari 2013.

2.3. MAKLUMAN DERAF PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012.

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan Deraf Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 selaras dengan arahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk penyerahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada Jabatan Audit Negara bagi tujuan audit pada atau sebelum 30 April 2013.

2.3.2 Penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2012 serta perbandingan 2011 adalah seperti berikut :

	TAHUN 2012	TAHUN 2011
PENDAPATAN	RM141,204,269	RM129,416,173
PERBELANJAAN	RM124,560,864	RM116,982,753
LEBIHAN/KEKURANGAN	RM16,643,405	RM12,433,420

Penyata terperinci pendapatan meliputi hasil cukai, hasil bukan cukai, geran keseimbangan, geran MARRIS, pelunasan geran dan terimaan dan sumbangan manakala penyata perbelanjaan meliputi emolumen, perkhidmatan & bekalan, aset, pemberian & kenaan tetap, susutnilai, peruntukan hutang ragu cukai taksiran

dan peruntukan kelab sukan kebajikan dan kebudayaan.

2.3.3 Lembaran imbangan melaporkan fakta-fakta mengenai aset, tanggungan dan pembiayaan aset yang melibatkan:

- i) Hartanah dan peralatan : RM56,965,141
- ii) Simpanan Tetap : RM61,403,054
- iii) Wang Dalam Tangan Dan Di Bank : RM25,163,608
- iv) Akaun Belum Terima : RM44,859,737
- v) Akaun Belum Bayar : RM7,789,809

Laporan terperinci penyata pendapatan dan perbelanjaan serta lembaran imbangan berakhir pada 31 Disember 2012 seperti di **di Lampiran 4.**

2.3.4 Mesyuarat **mengambil maklum dan menerima deraf penyata kewangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.**

2.4. LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA TASKFORCE KHAS BILLBOARD DAN MENARA TELEKOMUNIKASI BIL.1/2013 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA.

2.4.1. Mesyuarat dikemukakan Laporan Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.1/2013 untuk memaklumkan perkembangan perkara yang telah dibincangkan dan cadangan serta syor yang telah dikemukakan seperti di **Lampiran 5.**

2.4.2. Mesyuarat mengambil **maklum dan meluluskan** syor yang dibentangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil.1/2013 seperti berikut:-

2.4.2.1. **Status Menara Telekomunikasi**

Mesyuarat bersetuju dengan syor Mesyuarat Task force iaitu melaksanakan tindakan pemotongan elektrik ke atas Telco yang gagal menjelaskan sewa permit struktur.

2.4.2.2. **Permohonan Mendirikan 4 Unit Papan Iklan Jejambat oleh Tetuan Alloy Advertising**

Mesyuarat meluluskan permohonan tersebut dengan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang.

2.4.2.3. **Permohonan Mendirikan Papan Iklan Luaran Jenis V-Shape oleh Tetuan Big Tree Outdoors**

Mesyuarat meluluskan permohonan tersebut dengan mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang

2.4.2.4 **Permohonan Mendirikan Papan Iklan Luaran Jenis Unipoles oleh Tetuan Material Art Sdn Bhd**

Mesyuarat menolak permohonan tersebut kerana Kerajaan Negeri tidak lagi

membenarkan permohonan TOL di atas rizab jalan.

2.4.2.5. Permohonan Mendirikan Papan Iklan Luaran Jenis Unipole oleh Tetuan ME EVENT Sdn Bhd

Mesyuarat menangguhkan permohonan untuk Majlis mengedarkan notis bantahan kepada penduduk berjiran.

2.4.3. Mesyuarat juga mengambil maklum perkara-perkara lain yang dibincangkan oleh Mesyuarat Taskforce Khas Billboard dan Menara Telekomunikasi Bil. 1/2013 seperti di **Lampiran 5**.

2.5. KERTAS MAKLUMAN MENGENAI PERTAMBAHAN KAWASAN BAGI PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL PREMIS DAN KEDIAMAN YANG TELAH DIKENAKAN CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA.

2.5.1. Mesyuarat dikemukakan pertambahan kawasan bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal premis dan kediaman yang telah dikenakan cukai taksiran Majlis Perbandaraan Ampang Jaya.

2.5.2. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tender Bil.1/2012 bertarikh 5 Februari 2012 dan Mesyuarat Sebut Harga Bil.2/2012 bertarikh 18 Januari 2012 telah meluluskan perlantikan kontraktor bagi memberi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada pihak Majlis.

- 2.5.3. Jadual kutipan sisa pepejal domestik bagi kediaman seperti rumah teres, rumah berkembar dan banglo dibuat 3 kali seminggu dan 6 kali seminggu di kawasan komersial seperti rumah kedai, kedai pejabat dan bangunan berstrata seperti Flat, Apartmen dan Kondominium.
- 2.5.4. Bagi kutipan sisa pepejal domestik kontraktor perlu menggunakan lori kompaktor manakala sampah pukal hendaklah dikutip seminggu sekali dengan menggunakan roro/open tipper.
- 2.5.5. Pertambahan kawasan bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal premis dan kediaman yang telah dikenakan cukai taksiran adalah seperti **Lampiran 6**.
- 2.5.6. Perbelanjaan sebulan yang terlibat bagi Perkhidmatan Pengurusan Kutipan Sisa Pepejal berjumlah RM41,141.79. Pelaksanaan kerja diserahkan kepada kontraktor sedia ada di premis dan kediaman terletak dalam kawasan perkhidmatan mereka dan jumlah yang terlibat adalah seperti di **Lampiran 7**.
- 2.5.7. Mesyuarat mengambil maklum dan **bersetuju** mengenai pertambahan kawasan bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal premis dan kediaman yang telah dikenakan cukai taksiran dan pelaksanaan kerja oleh kontraktor sedia ada serta tarikh pelaksanaan 6 bulan selepas tarikh CF dikeluarkan.

3. MESYUARAT TURUT MENGAMBIL MAKLUM PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1 TUNGGAKAN BAYARAN SYARIKAT SUASA EFEKTIF SDN. BHD.

Mesyuarat dimaklumkan jumlah tunggakan sewa Suasa Efektif sehingga bulan Februari 2013 ialah RM243,369.54.

**Tindakan :
Jabatan Perbendaharaan**

3.2 PENGURUSAN PERKHIDMATAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN KAWASAN

Mesyuarat dimaklumkan, beberapa siri perbincangan telah dibuat bersama pihak QS dan keputusan anggaran telah diterima oleh Jabatan pada 18 Mac 2013. Semakan dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain juga telah dibuat bagi mencari formula yang berkesan dan sesuai dengan Arahan Perbendaharaan.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.3. ISU TANAH YAP AH LOY DI PEKAN AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan Majlis belum menerima maklumbalas daripada Pengarah Tanah Galian Selangor berhubung dokumen hakmilik untuk proses lelongan. Kali terakhir pihak peguam menghantar surat memohon geran adalah pada 5 Mac 2013. Pihak Jabatan akan memantau perkembangan kes ini dengan teliti.

**Tindakan :
Jabatan Undang-Undang**

3.4. STATUS GERAI-GERAI B.O.T. DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, status gerai B.O.T tersebut masih sama di mana Lesen Menduduki Sementara telah ditolak oleh Pejabat Tanah selaras dengan polisi Kerajaan Negeri. Sehingga 28 Februari 2013 jumlah penjaja adalah seramai 95 orang dengan hasil kutipan lesen berjumlah RM13,560.00.

Makluman

3.5 STATUS DEWAN JALAN H, KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembinaan bangunan di jangka akan dimulakan dalam waktu terdekat selepas Jawatankuasa Pemandu Geran SELANGORKU mengeluarkan keputusan pemilihan syarikat untuk membina semula Dewan Jalan H kepada pihak Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

3.6 STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, merujuk kepada sebab penolakan oleh kontraktor yang dipilih iaitu harga kos membina dewan melebihi anggaran jabatan. Sehubungan itu, pihak Majlis telah mengemukakan permohonan tambahan peruntukan di bawah Tabung Dana Kemudahan Awam dan Infrastruktur yang kini sedang dalam proses kelulusan.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

4. HAL-HAL LAIN**TUAN RAZALI BIN RAMLY****4.1. PERUNTUKAN MARRIS BAGI TAHUN 2013**

Beliau ingin tahu sama ada peruntukan MARRIS bagi tahun 2013 telah diterima oleh pihak Majlis atau belum.

Pihak Jabatan Kejuruteraan memaklumkan telah menghantar maklumat kepada Perbendaharaan Kewangan Negeri bagi memohon peruntukan MARRIS bagi tahun 2013. Jumlah yang dimohon adalah sebanyak RM28 juta dan pihak Jabatan tiada maklumat bila peruntukan tersebut akan diterima oleh pihak Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS**4.2. MOHON SEMAKAN PERMOHONAN PEMBINAAN KONKRIT DI PADANG PERMAINAN DI PANDAN UTAMA**

Beliau menerima aduan daripada penduduk berkenaan terdapat pembinaan konkrit di padang permainan berhampiran rumah kos rendah di Pandan Utama. Beliau mohon pihak Jabatan membuat semakan sama ada terdapat permohonan untuk membina konkrit di padang tersebut dan kebersihan padang tersebut adalah di bawah kelolaan Majlis atau tidak.

Pihak Jabatan tidak mendapat apa-apa maklumat dan sebarang permohonan berkenaan pembinaan konkrit di padang permainan tersebut. Pihak Jabatan akan menyemak status pembinaan konkrit tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Belia Masyarakat**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin)

PUAN SIAN KENG ENG

4.3. TONG SAMPAH KITAR SEMULA DI KAWASAN MAJLIS

Beliau mendapat aduan daripada NGO berkaitan pihak Majlis tidak membenarkan tong sampah kitar semula diletakkan di kawasan-kawasan Majlis. Beliau mohon tong kitar semula tersebut diletakkan semula di kawasan zon beliau.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

TUAN WONG KHAI PUN**4.4. MASALAH BANJIR DI FLAT KOS RENDAH PANDAN MEWAH**

Beliau mendapat aduan daripada penduduk di flat kos rendah Pandan Mewah masalah longkang tersumbat. Setiap kali hujan akan mengakibatkan air naik dan banjir di kawasan tersebut. Lawatan tapak telah dibuat bersama wakil Jabatan Kejuruteraan dan sampah-sampah di longkang telah dibersihkan tetapi masih berlaku lagi banjir setiap kali hujan.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.5. PENURAPAN JALAN DI JALAN 2/8, TAMAN LEMBAH MAJU

Beliau mendapat aduan daripada penduduk No.22, Jalan 2/8, Taman Lembah Maju, selepas menurapan jalan keadaan permukaan jalan menjadi lebih tinggi dan apabila hujan air akan memasuki rumah pengadu.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

PUAN WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN**4.6. KEKEMASAN KERJA PENAMPALAN JALAN**

Beliau menyatakan ketidakpuasan hati berkenaan dengan kekemasan kerja penampalan jalan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik. Beliau mohon pihak Jabatan memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor dari masa ke semasa.

Pihak Jabatan akan menyelaras semula kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

TUAN HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH**4.7. PROSES PENAMPALAN JALAN**

Beliau menyatakan proses penampalan jalan tidak menarik dan kurang memuaskan dan mohon pihak Majlis menurap semula jalan-jalan di kawasan Majlis.

Pihak Jabatan memaklumkan jika ingin menurap semula jalan-jalan di seluruh kawasan Majlis memerlukan kos yang tinggi dan Majlis tidak mempunyai kemampuan untuk menurap semula jalan-jalan di seluruh kawasan Majlis.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.8. DEWAN DATO' AHMAD RAZALI DIUBAHSUAI

Beliau mohon Dewan Dato' Ahmad Razali diubahsuai dan dinaiktaraf kepada 2 atau 3 tingkat. Beliau juga mohon agar pihak Majlis dapat merancang bajet pengubahsuaian dewan tersebut pada tahun hadapan.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

TUAN HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID

4.9. PENYEWAAN 'FOOD COURT' MAJLIS DI PANDAN JAYA

Beliau menerima aduan daripada penduduk kebanyakan peniaga di 'food court' tersebut bukan penyewa asal tetapi telah menyewakan 'food court' tersebut kepada orang lain. Beliau mohon pihak Jabatan menyemak isu tersebut dan penyelesaian isu tersebut di mesyuarat akan datang.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

5.2.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.3/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.03/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 14 MAC 2013

MASA : 9.30 PAGI – 11.41 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Tim.YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Abd. Latif Bin Shaari | - | " |
| 4. | Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 6. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Tn. Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 9. | Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | " |
| 10. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob, DSIS, SIS - YDP, MPAJ
2. Tn. Haji Ali Bin Ismail - Ahli Majlis
3. Tn. Mohamad Bin Samad - ''

SULIT

LAMPIRAN B

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.03/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.03/2013 telah diadakan pada 14 Mac 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara berbangkit seperti berikut:

**2.1. KERTAS CADANGAN PEMILIHAN KAWASAN/LOKASI ZON
BERSIH SIRI KE EMPAT TAHUN 2013**

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan dengan kertas cadangan pemilihan kawasan/lokasi zon bersih siri ke empat tahun 2013.

2.1.2. Syarat-syarat pemilihan lokasi dan pelancaran Zon Bersih Siri ke Empat tahun 2013 ialah:

- i. Pihak SPBT telah menetapkan kawasan perumahan(40%), komersial(25%-30%) dan kawasan hijau 30%).
- ii. Pihak SPBT telah menetapkan bagi Majlis Pelancaran Zon Bersih 2013 akan melibatkan semua PBT Negeri Selangor dan dilancarkan di satu lokasi sahaja iaitu di Kuala Selangor.

2.1.3. Hasil perbincangan dengan Ahli Majlis, pihak Jabatan telah mengesyorkan kawasan Bukit Indah, Dewan Undangan Negeri Lembah Jaya untuk dijadikan lokasi pilihan Zon Bersih siri ke Empat bagi tahun 2013.

2.1.4. Pihak Majlis komited terhadap pelaksanaan Program Zon bersih dan perbelanjaan Pelancaran akan ditanggung secara bersama oleh semua PBT di Negeri Selangor.

2.1.5. Peruntukan sebanyak RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Seratus ribu Sahaja) yang diterima daripada Kerajaan Negeri akan digunakan bagi tujuan promosi dan pelaksanaan.

2.1.6. Mesyuarat bersetuju kawasan Bukit Indah dipilih sebagai kawasan /lokasi zon bersih siri ke empat bagi tahun 2013.

2.2. KERTAS MAKLUMAN KAEDAH PENGGUNAAN OVITRAP UNTUK PENGAWASAN NYAMUK AEDES DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.2.1. Mesyuarat dikemukakan dengan Kertas Makluman Kaedah Penggunaan Ovitrap Untuk Pengawasan Nyamuk Aedes di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.2.2. Penggunaan Ovitrap ini digunakan untuk kenal pasti spesis nyamuk aedes dan kepadatan nyamuk di sesuatu lokaliti denggi terutama di kawasan wabak.

2.2.3. Indeks Ovitrap adalah untuk mewujudkan Sistem Alert untuk tindakan segera bagi mengawal pembiakan nyamuk di sesuatu Lokaliti Denggi.

2.2.4. Kaedah ini digunapakai untuk mempertingkatkan tahap pemahaman dan mengubah sikap sambil lewa masyarakat dalam menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes.

2.2.5. Isu dan masalah yang akan dihadapi bagi penggunaan Ovitrap:

- a. Ovitrap bersifat ringan dan mudah alih, mudah dicuri atau dibersihkan oleh pencari besi buruk.

- b. Jika semakan dan kutipan secara berkala tidak dilakukan dengan sempurna, ovitrap akan menjadi tempat pembiakan nyamuk dan sangat berpotensi menjadi penyebab sebagai penyebar wabak demam denggi.
- c. Vandalisma juga boleh berlaku terhadap ovitrap yang dirosakkan dan seterusnya menjadi punca pembiakan nyamuk aedes.

2.2.6. Cara pelaksanaan Ovitrap di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya:

1. Sebanyak 20 Lokaliti Denggi wabak telah dikenal pasti untuk diletakkan 120 unit ovitrap dalam 200 meter radius setiap unit bagi setiap DUN.
2. Kajian akan dijalankan sejurus aktiviti semburan kabus dijalankan di sesuatu Lokaliti Denggi(LD) berkenaan.
3. Ovitrap akan dikaji bagi tempoh masa 7 hari sekali dan jumlah nyamuk yang terperangkap akan direkodkan. Hasil kajian nyamuk yang terperangkap akan direkodkan. Hasil kajian dengan penggunaan kaedah Ovitrap adalah untuk menilai:

- a. Spesis nyamuk aedes yang terdapat di sesuatu lokaliti denggi dan,
 - b. Kepadatan nyamuk aedes di sesuatu lokaliti.
4. Melalui Indeks Ovitrap kita dapat mengetahui kepadatan dan spesis nyamuk di sesuatu LD, Alert System akan mewujudkan kerjasama masyarakat setempat seperti JKP, JMB, KRT, Skuad Pasukan COMBI dan persatuan penduduk lain dalam menangani wabak demam denggi dengan menjalankan langkah-langkah kawalan seperti gotong-royong aedes pertandingan mencari larva dan COMBI.

2.2.7. Mesyuarat bersetuju menerima kaedah penggunaan ovitrap untuk pengawasan nyamuk Aedes di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan membuat hebahan.

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

3.1. ASPEK KESIHATAN

3.1.1 PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI SEKITAR AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan sehingga Mac 2013 iaitu sehingga epid ke 11 terdapat 223 kes , hanya 2 kawasan wabak terkawal di lokaliti denggi iaitu di Bukit Indah dan Bandar Baru Ampang(Flat Sri Nilam).

Mesyuarat turut dimaklumkan 6 kawasan baru program COMBI ialah di Flat Ampang Hilir, Taman Muda, Bukit Antarabangsa, Pandan Indah, Flat Sri Inai dan Sungai Sering. Manakala JKP yang telah membuat taklimat tapi belum melaksanakan program pula ialah Jalan J, Taman Melawati, Ukay Perdana, Jalan Enggang Timur, AU1A Keramat Permai dan Kg. Cheras Baru.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan program Tangkap Tikus di Tasek Permai telah diadakan pada 25 Februari 2013 hingga 8 Mac 2013 hanya berjaya menangkap 3 ekor sahaja. Lokasi berikutnya adalah di Pandan Perdana.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan pemeriksaan premis makanan bagi tahun 2013 dijalankan secara rutin sehingga Feb 2013, sebanyak 254 premis telah disemak dan sebanyak 174 premis dalam kategori premis bersih (gred A dan B) manakala 78 premis adalah gred C. Bagi statistik program peningkatan tahap kebersihan premis makanan yang bermula pada Jun 2012 sehingga 28 Feb 2013. Sebanyak 89% daripada 654 premis yang disemak mendapat gred A dan B (kategori premis bersih). Bagi premis yang mendapat

gred C tindakan penguatkuasaan dan penutupan bersama PKD Hulu Langat /Gombak. Bagi bulan Feb 2013, operasi penutupan bersama PKD Hulu Langat telah dijalankan pada 20 Februari 2013 (Rabu) manakala PKD Gombak pada 28 Februari 2013 (Khamis). Keseluruhan premis disemak sebanyak 27 dan 14 premis diarahkan ditutup dibawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983. Status keseluruhan premis makanan dan laporan operasi penutupan seperti di **Lampiran 1.**

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.4. ANJING LIAR DI TAMAN KOSAS DAN BUKIT INDAH

Mesyuarat dimaklumkan operasi yang dilaksanakan pada 14,16,19 21 dan 24 Februari 2013 berjaya menangkap 2 ekor sahaja. Operasi akan diteruskan berpandukan aduan dari masa ke semasa.

Makluman

3.1.5. BINATANG LIAR

Semakan telah dibuat oleh jabatan pada 14 Februari 2013 berkenaan binatang liar di Jalan Mulia Tmn Bkt Mulia tapi tiada sebarang tangkapan dapat dibuat, Jabatan telah menghubungi pihak pengadu tiada masalah berulang, walau bagaimanapun pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa oleh pihak jabatan.

Makluman

3.2. ASPEK ALAM SEKITAR

3.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 3005 Notis telah dikeluarkan kepada premis perniagaan dan pihak peniaga digalakkan menggunakan 'two wheel bin' yang bertutup. Pihak jabatan akan membuat semakan dan pemantauan bagi memastikan pemilik premis mematuhi notis yang telah dikeluarkan.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.2. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI SEKITAR PEJABAT JKP ZON 17

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan mengikut pelan tindakan pada 18 Februari 2013. Kerja-kerja pembersihan akan dijalankan setiap 4 bulan mengikut jadual.

Makluman

3.2.3. PEMBUANGAN SAMPAH SISA BINAAN OLEH SYARIKAT KK MUTHU (WTC) DI KAWASAN ZON 19

Mesyuarat dimaklumkan kompaun yang dikenakan kepada syarikat tersebut telah dijelaskan pada 08 Mac 2013. Kerja-kerja pemindahan tong sampah telah selesai dilaksanakan oleh pihak KK Muthu. Tong disimpan di Jalan Merdeka (tapak disewa).

Mohon tindakan diambil terhadap kontena yang diletakkan di hadapan rumah KK Muthu.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

3.2.4. SUMP/CULVERT DIPENUHI AIR TERUTAMA PADA MUSIM HUJAN LEBAT DI JALAN 11, TAMAN PUTRA

Kerja-kerja pembersihan culvert telah dilaksanakan pada 9 Mac 2013. Kerja-kerja berikutnya pada 27 Mac 2013. Bahagian Penjaja akan memantau aktiviti penjaja di kawasan terbabit.

Makluman

3.2.5. KUTIPAN SAMPAH MENGGUNAKAN LORI OPEN TIPPER DI TAMAN BKT TERATAI

Pihak Syarikat Nubsayu (PPSP 34) telah menggunakan lori kompektor bagi menjalankan kerja-kerja PPSP mulai 4 Mac 2013.

Makluman

3.2.6. KAWASAN LAPANG YANG SEMAK DI ANTARA JALAN BUNGA TANJUNG 9 DAN BUNGA TANJUNG 8A

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan pada 1 Mac 2013. Kerja-kerja pembersihan akan dijalankan sekiranya pemilik gagal mematuhi notis selepas 14 hari.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.7. SAMPAH TIDAK DIKUTIP MENGIKUT JADUAL DI RUMAH PANGSA DAHLIA UKAY BESTARI

Mesyuarat dimaklumkan kutipan sampah mengikut jadual iaitu 6M kecuali hari Ahad.

Makluman

3.2.8. SAMPAH HARAM

Mesyuarat dimaklumkan masalah sampah haram di Jalan Bkt Antarabangsa (di antara Impian Selatan/Kyoto Garden) dan Jalan Bkt. Jaya 3 di hujung jalan telah selesai diambil tindakan. Manakala masalah sampah haram di Jalan Mulia 1/1 (hadapan bekas tapak kelab) sedang dalam tindakan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.9. PAPAN TANDA AMARAN LARANG MEMBUANG SAMPAH

Pemasangan papan tanda amaran 'Dilarang Membuang Sampah' di lokasi-lokasi berikut Jalan H Tasek Permai, Jalan J berhampiran rumah TNB dan Jalan Permai A adalah dalam proses pemasangan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2.10.LORI KOMPEKTOR DI LETAK DI TEPI JALAN 6/10 TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan lori kompektor yang diletakkan di tepi Jalan 6/10 Tasek Tambahan adalah bukan milik kontraktor MPAJ. Walau bagaimanapun pihak jabatan akan sentiasa membuat pantauan dari masa ke semasa.

Makluman

3.2.11.MONSOON DRAIN YANG TIDAK DI SELENGGARA DI JALAN ENGGAN SELATAN

Kerja-kerja pembersihan akan dijangka bermula pada 15 Mac 2013 dan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Makluman

3.3. ASPEK KEMASYARAKATAN

3.3.1. GELANGGANG SEPAK TAKTRAW DI TASEK TAMBAHAN

Pihak jabatan masih menunggu proses penyerahan daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.2. PERMOHONAN TUKAR GUNA GELANGGANG BOLA KERANJANG KEPADA FUTSAL DI JALAN KOSAS 2/6

Pihak jabatan akan menggunakan peruntukan Majlis untuk melaksanakan tukar guna gelanggang bola keranjang ke gelanggang futsal.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.3. NAIK TARAF PADANG MAJU JAYA JALAN BUNGA MELATI FASA 2

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja menaik taraf padang telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.3.4. TANAH KOSONG MILIK JAIS DICADANGKAN UNTUK TAPAK PERMAINAN KANAK-KAKAN DI JALAN 6/1 PANDAN INDAH

Mesyuarat dimaklumkan pihak JAIS melalui surat bertarikh 25 Februari 2013 tidak dapat mempertimbangkan cadangan menjadikan tapak sebagai tapak permainan kanak-kanak dan berpendapat untuk mengekalkan tapak surau tersebut bagi memenuhi keperluan di masa akan datang.

Makluman

3.3.5. TAMAN PERMAINAN BERSEBELAHAN PANGSAPURI KOJAYA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja mengadakan taman permainan kanak-kanak sedang dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.6. BAIK PULIH TEMPAT RIADAH DI JALAN MAJU 2/6 TAMAN LEMBAH MAJU

Mesyuarat dimaklumkan, pihak pemaju hendaklah melakukan kerja-kerja pembersihan pokok di kawasan gelanggang tenis dan membersihkan kawasan tersebut daripada sisa pembuangan sampah terlebih dahulu sebelum membuat penyerahan kepada pihak Majlis.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.7. PEMOTONGAN POKOK DI KAWASAN FLAT 610 PANDAN INDAH

Kerja-kerja pemotongan pokok telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.3.8. CANTASAN POKOK DI JALAN 47, KG CHERAS BARU

Pihak jabatan akan membuat cantasan pokok di Jalan 47, Cheras Baru.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.9. NAIK TARAF PADANG BOLA SEPAK JALAN F1 TAMAN MELAWATI

Mesyuarat dimaklumkan pihak jabatan akan membaiki padang bola sahaja. Manakala kerja-kerja pembersihan kawasan akan dilaksanakan oleh kontraktor kawasan mengikut jadual.

Tindakan:
**Jabatan Belia & Masyarakat/
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.3.10. CANTASAN POKOK DI HADAPAN FOODCOURT PANDAN CAHAYA

Mesyuarat dimaklumkan tindakan hanya diambil pada pokok yang condong dan yang mendatang bahaya sahaja.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.11. CANTASAN POKOK DI JALAN 4 TAMAN MAWAR

Semakan akan dibuat oleh pihak jabatan untuk tindakan cantasan pokok di Jalan 4, Taman Mawar.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.3.12.PEMBERSIHAN KAWASAN DI KAWASAN PEMAJU TAMAN MESTIKA

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan kepada pemilik Syarikat Tenaga Sahabat Sdn. Bhd. dengan 14 hari notis mulai 12 Mac 2013.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.3.13.TEBANG POKOK KETAPANG DI DATARAN ANAK MUDA DI AMPANG JAYA

Semakan akan dibuat oleh pihak jabatan untuk tindakan menebang pokok ketapang selanjutnya.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

3.4. LAIN-LAIN ASPEK

3.4.1. PENEMPATAN SETINGGAN BERHAMPIRAN FLAT 700 PANDAN PERDANA

Pihak jabatan masih belum menerima maklumbalas daripada pihak zakat mengenai bantuan kepada setingggan tersebut.

Ahli Majlis kawasan memohon supaya Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Penguatkuasa membuat semakan di lokasi samada setingggan

tersebut masih tinggal di situ kerana diadukan penghuninya membuat reban ayam di kawasan berkenaan dan tindakan selanjutnya.

Tindakan:
**Jabatan Perancang Bandar/
Jabatan Penguatkuasa**

3.4.2. STATUS TAPAK TANAH KOSONG DI SEBELAH KUIL HINDU JALAN 9/10 PANDAN PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan status tapak adalah rezab jalan dan Ahli Majlis kawasan akan mengemukakan gambar di tapak kepada jabatan berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

3.4.3. LALUAN PEJALAN KAKI DI DEWAN ORANG RAMAI JALAN 3/3 PANDAN INDAH

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:
Jabatan kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke JK Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

3.4.4. AIR MASUK KE DALAM DEWAN TERUTAMA MUSIM HUJAN DI DEWAN MPAJ KG CHERAS BARU

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan Pengurusan Harta dan Penilaian telah membuat semakan dan tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah air masuk ke dalam dewan dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan untuk meyelesaikan masalah tersebut. Pihak Jabatan juga dikehendaki mengkaji kesesuaian cadangan mengadakan kolam tadahan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tindakan:
**Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta/
Jabatan Kejuruteraan**

3.4.5. PAPAN TANDA LARANGAN BERNIAGA

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pemasangan papan tanda larangan berniaga di kawasan Permai Court 1, Taman Dato' Ahmad Razali sedang dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.4.6. PEMBINAAN BONGGOL

Mesyuarat dimaklumkan hasil semakan Jabatan mendapati tiada keperluan untuk mengadakan bonggol sekitar Jalan 10/4 Pandan Perdana kerana kawasan tersebut jauh daripada kemudahan asas, walau bagaimanapun keperluan akan dilihat dari masa ke semasa.

Makluman

3.4.6. KABIN

Mesyuarat dimaklumkan kabin yang diletakkan di Jalan 4/15 Pandan Indah telah diambil tindakan sita pada 22 Februari 2013.

Makluman

3.4.7. ADAPTASI KAEDAH 5S

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan sentiasa menghebahkan kaedah 5S kepada penduduk sekitar di setiap ceramah kebersihan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

Makluman

3.4.8. PAPAN TANDA TUNJUK ARAH PANGSAPURI SERI CAHAYA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemasangan papan tanda tunjuk arah hanya dibuat untuk kawasan perumahan utama sahaja.

Makluman

3.4.9. BONGGOL DI JALAN E2 TAMAN MELAWATI

Hasil semakan Jabatan mendapati tiada keperluan untuk pembinaan bonggol kerana panjang jalan tersebut hanya 150m dan di lokasi tidak terdapat sekolah, rumah ibadat dan pusat komuniti.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan diminta menyemak semula diadakan bonggol di Jalan E2 – E9 di mana keadaan jalan yang curam dan merbahaya kepada pengguna jalan raya.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

3.4.10.TURAP JALAN

Kerja-kerja penampalan jalan di Jalan Merdeka Permai 2 (sekitar flat Sri Tanjung), Jalan Seri Merdeka (flat Taman Sri Merdeka) ,Jalan Wawasan 2/3 Bandar Baru Ampang dan Jalan Merdeka Ria 1 telah siap dilaksanakan.

Makluman

3.4.11.LORI PARKIR BERHAMPIRAN SIMPANG EMPAT DI BKT PERMAI 1

Mesyuarat dimaklumkan kompaun telah dikeluarkan pada 11 Mac 2013 atas Seksyen 46(1)(g) Akta 133. Pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa oleh pihak jabatan.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN**TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI****4.1. PEMBUANGAN SISA-SISA JUALAN DI TEPI JALAN**

Beliau memaklumkan terdapat penjaja yang membuang sisa-sisa jualan di tepi jalan seperti penjaja air 'kelapa shake' di Jalan Enggang Taman Keramat berhampiran Jalan Enggang 11, dan mohon pemantauan terhadap penjaja berkenaan.

Tindakan:**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan****4.2. PENERANGAN BERKENAAN "GUARDED COMMUNITY"**

Beliau mencadangkan diadakan sesi penerangan berkenaan garispanduan "Guarded Community" dan senarai kawasan kawasan yang terlibat kepada semua Ahli Majlis.

Tindakan:**Jabatan Perancang Bandar**

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin)

4.3. PINTU GERBANG TANAH PERKUBURAN TAMAN KOSAS ROSAK

Beliau menerima cadangan daripada pihak luar untuk dibina semula pintu gerbang masuk ke tanah perkuburan di Taman Kosas yang telah rosak, mohon agar mendapat pertimbangan daripada jabatan berkaitan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN HAMSAH BINTI DJABIR

4.4. NAIK TARAF TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI JALAN 1 AMPANG JAYA

Beliau memohon menaik taraf taman permainan kanak-kanak di Jalan 1, Ampang Jaya.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

4.5. TAMAN KELAHIRAN DI HOSPITAL PAKAR AMPANG PUTERI

Beliau memohon supaya papan tanda nama di Taman Kelahiran di Hospital Pakar Ampang Puteri diperbaiki.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR

4.6. PEMAKAIAN APRON BERSLOGAN "SELANGOR KU"

Pemakaian apron bagi pemilik dan pekerja pada setiap waktu berniaga untuk menjaga kebersihan adalah diwajibkan, oleh itu beliau mencadangkan pihak Majlis hendaklah mengagihkan apron yang berlogo 'Selangor Ku' kepada pemohon lesen(gerai) menandakan gerai yang dibuka telah dilesenkan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN ABDUL JALIL BIN HASAN

4.7 GELANGGANG FUTSAL DI JALAN PANDAN INDAH 4/16

Beliau mencadangkan dibina gelanggang futsal di Jalan Pandan Indah 4/16, Pandan Indah Fasa 4.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN HO AH NGOH @ HO TZE LONG

4.8. LONGKANG TERSUMBAT

Beliau memaklumkan terdapat longkang tersumbat dengan sampah dan air tidak dapat mengalir di antara Jalan Pandan Indah dengan Pangsapuri Sri Inai membawa kepada pencemaran bau busuk dan mohon tindakan diambil segera oleh jabatan berkenaan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN LIM FONG LEN

4.9. SAMBUNGAN BUMBUNG YANG PANJANG MENGHALANG LORI MASUK UNTUK KUTIPAN SAMPAH DI JALAN BUNGA TANJUNG 8A

Beliau memaklumkan terdapat sambungan bumbung di lorong belakang Jalan Bunga Tanjung 8B di mana ia menghalang untuk lori masuk bagi kerja-kerja pungutan sampah. Dimaklumkan juga kontraktor hanya mengutip sekali sahaja dan selebihnya akan dibuang ke dalam longkang. Mohon pemantauan agar perkara ini dapat diselesaikan dengan segera oleh jabatan berkenaan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL

4.10. PELEKAT-PELEKAT DI PAPAN TANDA, SUB STATION DAN `FIDER PILLAR`

Beliau ingin mengetahui di bawah tanggung jawab siapa untuk membersihkan pelekak-pelekak terutama di papan tanda, sub station dan `fider pillar` TNB dan Telekom kerana keadaan tersebut menyakitkan mata memandang.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembersihan adalah di bawah tanggung jawab kontraktor pembersihan. Mesyuarat turut mencadangkan supaya `fider pillar` kepunyaan TNB dan Telekom diserahkan kepada agensi

tersebut membersihkan hakmilik mereka dan Majlis hanya bertanggungjawab membersihkan harta milik Majlis sahaja.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.11. MEMBAIKI PAPAN TANDA NAMA JALAN

Beliau memohon supaya Majlis dapat membaiki mana-mana papan tanda nama jalan dan tunjuk arah yang telah condong.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

4.12. PEMBERSIHAN JALAN DI JALAN 52, KG CHERAS BARU

Beliau memohon supaya dibersihkan daun-daun pokok di hadapan Pejabat JKP Zon 21 di Jalan 52, Kg Cheras Baru.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD

**4.13. PEMBERSIHAN KAWASAN TAPAK PEMAJU METROPLEX DI
TAMAN KOSAS**

Beliau memohon supaya Majlis dapat mengambil tindakan ke atas kawasan semak samun di tapak pemaaju Metroplex di Taman Kosas.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
18MAC2013

**5.3.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN BIL.3/2013**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.3/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 15 MAC 2013

MASA : 9.30 PAGI – 10.57 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Dato' Mohammad Bin Yacob
(Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Jafrien Bin Muhammad | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 4. | Tn. Fong Teck Keong | - | " |
| 5. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 6. | Pn. Cheong Chye Wah | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Tn. Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | " |
| 9. | Tn. Haji Ali Bin Ismail | - | " |
| 10. | Tn. A Yazid Bin Alias | - | " |
| 11. | Tn. Mohamad Bin Samad | - | " |
| 12. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 13. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain | - | TYDP, MPAJ |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | Ahli Majlis |
|----|-------------------------------|---|-------------|

LAMPIRAN C**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.3/2012****LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN****1. TUJUAN**

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 3/2013 telah diadakan pada 15 Mac 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. PEMBINAAN RESTORAN TANPA KEBENARAN DI ATAS TANAH
REZAB JPS DI LORONG AWAN 14, KUALA AMPANG, MUKIM
HULU KELANG**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh Pejabat Tanah Daerah Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Tindakan :

SULIT

Pejabat Tanah dan Daerah Gombak**2.2. ISU PENEMPATAN SETINGGAN DI PANDAN JAYA DI BAWAH REZAB TNB**

Pihak Jabatan sentiasa memantau lokasi setingan. Merujuk kepada surat YB. Tuan Iskandar bertarikh 25 Oktober 2012 kepada YAB MB, di mana pihak YB mencadangkan setingan Pandan Jaya di bawah TNB dimasukkan ke dalam Program Pinjaman Kerajaan Negeri. Sehingga kini pihak jabatan masih belum menerima sebarang maklumbalas.

Tindakan:**Jabatan Perancang Bandar****2.3. BANGUNAN DIBINA BERSEBELAHAN KOLAM IKAN DI TAMAN BUKIT MULIA**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh Pejabat Tanah Daerah Gombak telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang ditetapkan.

Tindakan:**Pejabat Tanah dan Daerah Gombak****2.4. BANGUNAN DI KAWASAN LAPANG DI BAWAH RINTISAN REZAB TNB DI TAMAN NIRWANA FASA 1**

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan oleh pihak TNB ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

2.5. BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A, KG PANDAN (NO. 68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan masih menunggu maklumbalas daripada pihak TNB berhubung aduan sebahagian struktur memasuki rezab TNB dan pemilik masih belum mengemukakan permohonan pelan di bawah program pemutihan.

Pihak Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat memaklumkan telah memohon ke Jabatan Ukur Tanah untuk semakan keluasan tapak rumah tersebut.

Mesyuarat juga dibangkitkan dengan aduan pembinaan dan penambahan struktur tanpa kelulusan di kawasan Kg Pandan sehingga membawa kepada isu sampah dan sisa bahan binaan terutama di Lorong A hingga Lorong F. Sehubungan itu, Jabatan Bangunan dan Senibina dan Jabatan Penguatkuasa dikehendaki mengeluarkan notis.

Tindakan;

Jabatan Bangunan & Senibina/

Jabatan Penguatkuasa

2.6. GERAJ MAKAN DI REZAB TNB BERHADAPAN MASJID NURUL HIDAYAH KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan keadaan gerai masih kekal seperti sedia ada iaitu struktur gerai didirikan di atas bahu jalan. Tindakan perobohan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang diberitahu kelak.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.7. MEDAN SELERA DI TIARA DUTA AMPANG HILIR

Mesyuarat dimaklumkan kes ini dibatalkan oleh Mahkamah. Ini adalah kerana Mahkamah berpendapat kes telah menjadi akademik. Pihak plaintif telah memohon relif untuk mendapatkan perintah certiorari bagi membatalkan notis-notis membatalkan lesen perniagaan plaintif untuk tahun 2012. Oleh kerana kes ini telah didengar pada tahun 2013, maka Mahkamah memutuskan untuk membatalkan kes ini.

Makluman

2.8. CADANGAN PENYELESAIAN UNTUK KOMPLEKS MEMBELI BELAH SPEKTRUM BANDAR BARU AMPANG

Mesyuarat dimaklumkan pelan Bomba telah diluluskan dan permohonan pelan ubahsuai telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.

Makluman

2.9. BANCIAN AKTIVITI PERNIAGAAN DI KG PANDAN DALAM

Mesyuarat dimaklumkan tindakan sitaan telah dilakukan pada 26 Februari 2013 terhadap peniaga nasi kukus di tepi Taman Nirwana 1.

Majlis diminta mengambil tindakan ke atas peniaga nasi lemak pandan yang meninggalkan kenderaan (lori) selepas waktu perniagaan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.10. KEDAI CUCI KERETA DI HADAPAN GOLDEN PLUS LEMBAH JAYA UTARA

Mesyuarat dimaklumkan pengusaha kedai cuci kereta tersebut telah dikompaun dan sitaan pada 11 Mac 2013 dan 13 Mac 2013 di bawah Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MPAJ) 2007.

Makluman

2.11. TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan kertas siasatan (IP) telah didaftarkan dan sedang menunggu tarikh untuk sebutan di Mahkamah Majistret Ampang.

Tindakan:

Jabatan Undang-Undang

2.12 GERAJ HARAM (BANANA CAFE) DI AMPANG WATER FRONT

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan di tetapkan.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

2.13 GERAJ-GERAJ HARAM DI HADAPAN SEKOLAH KEBANGSAAN LEMBAH JAYA DAN SEKOLAH AGAMA LEMBAH JAYA

Semakan pada 1 Mac 2013, didapati tiada peniaga yang aktif menjalankan perniagaan di lokasi tersebut. Pemantauan berterusan dilakukan dari masa ke semasa.

Makluman

2.14 PEMBINAAN PARKIR KERETA (GARAJ) DI ATAS REZAB JALAN

Mesyuarat memaklumkan tindakan perobohan pembinaan parkir kereta(garaj) di atas rezab jalan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Makluman

2.15. STATUS GERAJ UPEN DITUKAR DI JALAN 5 PANDAN JAYA

Semakan pada 11 Mac 2013 mendapati kerja-kerja pembaikan struktur gerai UPEN seperti asal belum dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja menanggalkan struktur gerai yang diubahsuai telah dilaksanakan.

Tindakan:**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan****2.16. TAMBAKAN TANAH HARAM DI CERUN JALAN WANGSA 5A**

Kertas kerja (IP) sedang dalam semakan akhir sebelum mendapat izin dakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Tindakan:**Jabatan Undang-Undang****2.17. RUANG PERNIAGAAN DI BINA DI KAWASAN LAPANG PANDAN JAYA**

Lokasi atau tapak baru yang sesuai masih belum dapat dikenalpasti lagi setakat ini. Walau bagaimanapun

dicadangkan mana-mana perhentian bas yang tidak aktif dikaji untuk dijadikan kiosk gerai. Lawatan tapak bersama Ahli Majlis perlu dibuat untuk menentukan tapak-tapak yang sesuai.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.18. STATUS TAPAK BILLBOARD DI HADAPAN PERABUT CEMPAKA, TAMAN DAGANG

Pihak Jabatan mendapatkan semula ulasan Jabatan Teknikal dalaman dari aspek kesesuaian lokasi dan keselamatan.

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

2.19. STATUS TANAH HADAPAN KEDAI KEONG HENG CHERAS INDAH

Mesyuarat dimaklumkan notis telah dikeluarkan kepada Keong Heng Auto Sdn. Bhd. pada 8 Mac 2013, di bawah Seksyen 46(1)(a), Akta Jalan Parit & Bangunan 1976 (Akta 171). Pemilik diberi tempoh 7 hari supaya membuka semula khemah yang dipasang di kawasan lapang hadapan premis tersebut.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

2.20. REBAN AYAM LAGA DI BELAKANG IKS KG. PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan tindakan perobohan telah diambil pada 15 Februari 2013.

Makluman

2.21. PEMASANGAN PAPAN TANDA “DILARANG MENJAJA”

Mesyuarat dimaklumkan pemasangan papan tanda “Dilarang Menjaja” dihadapan 7-11 di Jalan Wangsa 1, Bukit Antarabangsa adalah tidak bersesuaian.

Makluman

2.22. CADANGAN DATARAN BELIA DI KAWASAN TANAH LAPANG DI KG SRI, TAMAN BARU

Mesyuarat dimaklumkan lokasi cadangan dataran belia telah ditukar ke Padang Tasek Tambahan dan sedang dalam proses penyerahan kepada Majlis.

Makluman

2.23. SERAH MILIK DATARAN ANAK MUDA JALAN H1, TAMAN MELAWATI

Penyerahan telah dibuat kepada pihak Majlis. Pihak Jabatan sedang membuat pelarasan bersama pihak TNB berhubung penukaran nama setelah mendapat surat dari pemohon.

Tapak kabin adalah rezab kawasan lapang yang dalam proses pewartaan. Oleh itu sebarang pendirian struktur adalah tidak dibenarkan berada di tapak lapang kecuali untuk tujuan rekreasi.

Makluman

2.24. STATUS GERAJ STATIK DI SEBELAH DEWAN PERMATA 4

Pada 28 Februari 2013, pihak Jabatan telah mengeluarkan kompaun kepada 4 orang penjaja atas kesalahan menjaja tanpa lesen. Pemantauan perlu dibuat ke atas penjaja baru yang membuka perniagaan pada waktu tengahari di padang tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.25. PEMBAIKAN PADANG AWAM DI JALAN PERSIARAN 7, PANDAN JAYA

Pembaikan padang di Jalan Persiaran 7, Pandan Jaya dalam tindakan penyelenggaraan Jabatan.

Tindakan:
Jabatan Belia & Masyarakat

(Minit dipindahkan ke Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

2.26. SEMAKAN TAPAK DI TAMAN NIRWANA 3

Mesyuarat dimaklumkan tapak gerai makanan Milinium telah

mendapat TOL atas nama perseorangan dan telah tamat tempoh. Mesyuarat juga dimaklumkan struktur bangunan yang berada berhampiran dan terletak di atas rezab kerajaan dan disemak oleh PTD Hulu Langat.

Tindakan:

Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat

2.27. KABIN

Jabatan Penguatkuasa telah menyita pada 21 Februari 2013. Status tanah adalah kawasan lapang berkeluasan 2 ekar telah diwartakan. Oleh itu sebarang pendirian struktur adalah tidak dibenarkan berada di tapak kawasan lapang kecuali untuk tujuan rekreasi.

Makluman

3.0 HAL-HAL LAIN

TUAN JAFRIEN BIN MUHAMMAD

3.1. BANGUNAN HARAM DI KAMPUNG KEMENSAH

Terdapat pembinaan struktur bangunan gerai haram selepas jambatan di Kg. Kemensah menuju ke jalan Taman Zoo View.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS

3.2. STATUS PREMIS PERNIAGAAN SIBER KAFE DI PANDAN UTAMA

Beliau memohon semakan dan tindakan ke atas premis perniagaan siber kafe di Pandan Utama.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

3.3. PEMBETULAN PAPAN TANDA TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK DI IKS KG PANDAN

Beliau memohon pembetulan papan tanda di Taman permainan kanak-kanak IKS Kg. Pandan yang tercatat di dalam Zon 22 ditukar ke Zon 15, kerana tapak tersebut berada di Zon 15 untuk mengelakkan sebarang kekeliruan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.4. KENDERAAN BESAR DIPARKIR MENYEBABKAN TEMPAT LETAK KERETA TIDAK MENCUKUPI

Kenderaan besar lori Sky lift milik Syarikat Kejuruteraan Elektrik Pandan yang tidak digunakan diletakkan di tempat letak kereta Pandan Utama menyebabkan tempat letak kereta di kawasan tersebut tidak mencukupi untuk kegunaan penduduk kawasan berkenaan.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

TUAN HJ A YAZID BIN ALIAS

**3.5. VISUAL BERKENAAN 5 TAHUN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR
DI BAWAH PENTADBIRAN PAKATAN RAKYAT**

Beliau bagi pihak Ahli Majlis DUN Hulu Klang bercadang untuk memohon tapak billboard yang sesuai di semua zon kawasan DUN Hulu Klang sebagai satu usaha hebahan dengan memaparkan visual sempena sambutan 5 tahun pentadbiran Negeri Selangor di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat.

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

TUAN HJ ALI BIN ISMAIL

3.6. PERHENTIAN BAS DIJADIKAN KIOSK GERAJ

Beliau mencadangkan perhentian bas di Jalan H Tasek Permai yang tidak digunakan dikaji untuk dijadikan gerai 'take away'.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.7. PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, TASIK PERMAI

Beliau memohon disemak aduan berkenaan pembinaan di cerun di Lot 153, Lorong 8, Tasik Permai yang telah diberi notis berhenti kerja tetapi masih menjalankan kerja-kerja di tapak.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

TUAN LIM FONG LEN

3.8. SAMBUNGAN BUMBUNG DI JALAN BUNGA TANJUNG 8B DAN JALAN BUNGA TANJUNG 9

Beliau memaklumkan penyambungan bumbung di Jalan Bunga Tanjung 8B dan Jalan Bunga Tanjung 9 menyebabkan perkara di bawah berlaku dan diambil tindakan segera:

1. Menyebabkan sampah tidak diangkat dengan sempurna.
2. Menghalang laluan lori sampah masuk untuk membuat kutipan ke Jalan Bunga Tanjung 8B.
3. Menghalang laluan pihak Bomba jika berlaku sebarang kebakaran.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

TUAN MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID

3.9. SAMPAH TIDAK DIANGKAT KERANA TIADA RUANG UNTUK LORI SAMPAH MASUK

Beliau memohon supaya diambil tindakan ke atas masalah lori sampah tidak dapat masuk untuk mengangkut sampah di

lorong belakang kawasan Flat M14 , M8 - M 15 Pandan Jaya. Bahagian belakang flat tersebut menghadap jalan besar dan mencacatkan pandangan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.10. MASALAH TEMPAT LETAK KERETA DI BLOK M14 DAN M 15 PANDAN JAYA

Beliau membangkitkan aduan penduduk di Blok M 14 dan M15 Pandan Jaya berhubung kekurangan tempat letak kereta di Blok berkenaan supaya dapat diatasi segera.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.11. GELANGGANG ANAK MUDA DI JALAN PERSIARAN 7, PANDAN JAYA

Beliau memohon agar disegerakan penyerahan gelanggang Anak Muda yang dibina oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat kepada pihak Majlis untuk memberi laluan kepada penduduk sekitar menjalankan aktiviti.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

TUAN MOHAMAD BIN SAMAT

3.12. PEMBINAAN RUMAH TANPA MENGIKUT PELAN KELULUSAN DARIPADA PIHAK MAJLIS

Beliau memohon semakan ke atas pembinaan rumah di no. 2 Jalan Perdana 6/9, Pandan Perdana kerana didapati pemilik pembuat pembinaan tidak mengikut pelan kelulusan.

Tindakan:

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.13. GERAJ TERBIAR DI TAMAN SAGA

Terdapat struktur gerai yang terbiar dan ditinggalkan di Taman Saga, telah dijadikan tempat pembuangan sampah dan tempat pembiakan nyamuk.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.14. PEMASANGAN BENDERA PARTI

Pemasangan bendera parti banyak terdapat di kawasan Taman Saga walaupun pilihanraya belum lagi berlangsung. Mohon semakan terhadap yang berkenaan.

Tindakan:

Jabatan Penguatkuasa

3.15. SEMAKAN PERSEMPADANAN KAWASAN DI JALAN 1/2E TAMAN BUKIT TERATAI 1

Beliau memohon disemak taman perumahan di Jalan 1/2E, Taman Bukit Teratai 1, terletak di kawasan Selangor atau Kuala Lumpur.

Tindakan :

SULIT

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

SULIT

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
18MAC2013

5.4.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.3/2013

MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.03/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

IT

KEHADIRAN

1.	Y.Bhg .Dato' Mohammad Bin Yacob	-	Pengerusi
2.	Tn. Razali Bin Ramly	-	Ahli Majlis
3.	Tn. Jafrien Bin Muhammad	-	"
4.	Tn. Hamsah Bin Djabir	-	"
5.	Pn. Sian Keng Eng	-	"
6.	Pn. Cheong Chye Wah	-	"
7.	Tn. Abdul Jalil Bin Hasan	-	"
8.	Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said	-	"
9.	Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan	-	"
10.	Tn. Haji A Yazid Bin Alias	-	"
11.	Tn. Supiramany a/l Sinnapayal	-	"
12.	Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long	-	"
13.	Tn. Abd. Hamid Bin Hussain	-	Timb. YDP

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Tn. Wong Khai Pun - Ahli Majlis

TURUT HADIR (AGENSI LUAR)

1. Tuan DSP Hj. Abd. Rahman Bin Hj. Hasnan (Timb. Pengerusi) - IPD Ampang Jaya
2. En. Muhammad Zuhairi Bin Zanudin - Bomba
3. En. Ahmad Bin Muhd Yusoff - PTD H/Langat
4. En. Abd. Hamid Bin Mohd Shariff - PTD Gombak

LAMPIRAN D

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 03/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN
DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.03/2013 telah diadakan pada 20 Mac 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN
PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN**

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan bagi tahun 2013.

2.1.2 Pusat kecantikan - mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau dandanan rambut tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di

bawah Akta Perubatan 1971, rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana establisymen lain yang sama dengannya.

2.1.3 Pusat penjagaan kesihatan – mana-mana premis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

Jenis rawatan :-

- Rumahurut
- Urutan tradisional
- Urutan orang kurang upaya
- Refleksologi
- Aromaterapi
- Urutan moden menggunakan alat
- Fisioterapi
- Akupunktur
- Bekam
- Sauna/spa dan jakuzi
- Aerobik / fitness centres / gymnasium
- Pusat Meditasi
- Lain-lain rawatan kesihatan

2.1.4 Masa operasi bagi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dihadkan dari pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 pagi sahaja.

2.1.5 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat

kecantikan dan penjagaan kesihatan di bawah seperti di **Lampiran 1** :

- i. Pak Yang Traditional Massage - Lulus
- ii. Reachwell Distributor – Tolak
- iii. Steven Tradisional Massage – Lulus

2.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN PUSAT SIBER/KAFE SIBER

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber/kafe siber bagi tahun 2013.

2.2.2 Pusat Siber adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

2.2.3 Kafe Siber adalah premis yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan.

2.2.4 Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber dihadkan dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja. Pengunjung bawah umur 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga jam 10.00 malam sahaja.

2.2.5 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen premis perniagaan pusat siber / kafe siber di bawah seperti di **Lampiran 2** :

- i. Achik Internet Café – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun dan surat sokongan Bomba.
- ii. Smart Spirit – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun.
- iii. Pro Hi Q Internet – Lulus.
- iv. Victory Technology Enterprise – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun dan surat sokongan Bomba
- v. Sector Eight Internet –Lulus
- vi. Strike Tanker Internet – Lulus
- vii. Prelude Station Sdn Bhd – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun.

2.3 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN – PUSAT HIBURAN AWAM – KARAOKE

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan awam-Karaoke bagi tahun 2013.

2.3.2 Pusat hiburan awam : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas. Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.

2.3.3 **Karaoke** bermaksud satu bentuk hiburan di mana seseorang menyanyi lagu-lagu popular secara solo yang dibantu dengan lagu yang telah dirakamkan.

2.3.4 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja.

2.3.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – pusat hiburan awam- Karaoke oleh Music Star Sdn.Bhd. dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun seperti di **Lampiran 3**.

2.4 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN- PUSAT HIBURAN AWAM – SNUKER

2.4.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Awam – Snuker bagi tahun 2013.

2.4.2 **Pusat Hiburan Awam** : pusat hiburan di bawah kategori ini mesti mempunyai komponen ruang yang selesa dan luas. Pengunjung-pengunjungnya melakukan aktiviti-aktiviti seperti tarian, mendengar muzik, makan dan minum serta aktiviti riadah.

2.4.3 **Snuker** bermaksud sejenis permainan dalaman (**indoorgame**) di mana bola-bola (sebiji bola putih, 15 biji bola merah dan 6 biji berlainan warna) diletakkan di atas meja berukuran empat segi tepat yang

mempunyai hujung berkusyen dan ditolak menggunakan kayu panjang dan tirus (the cue).

2.4.4 Masa operasi bagi pusat hiburan awam dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja.

2.4.5 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Awam – Snuker oleh Nova Seasons Sdn.Bhd. dengan syarat menjelaskan bayaran kompaun seperti di **Lampiran 4**.

2.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN ISTIREHAT - KAFE

2.5.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat – Kafe bagi tahun 2013.

2.5.2 **Pusat hiburan istirehat** : ruang untuk berehat serta disediakan makan dan minum sambil diiringi oleh persembahan muzik.

2.5.3 **Kafe** bermaksud restoran atau 'coffee house' yang sederhana yang terdapat juga minuman beralkohol.

2.5.4 Masa operasi bagi pusat hiburan istirehat dihadkan dari pukul 4.00 petang hingga 1.00 pagi sahaja. Wang cagaran sebanyak RM10,000

2.5.5 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Istirehat di bawah seperti di **Lampiran 5** :

- i. Chestnut Bistro – Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran
Kompaun dan surat sokongan Bomba
- ii. J Robs Sdn.Bhd.– Lulus dengan syarat menjelaskan bayaran
Kompaun
- iii. Lucky Star Karaoke & Café - Lulus.
- iv. Formula One Lounge & Café – Lulus.
- v. Heart Wish Café – Lulus

2.6 PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN - PUSAT HIBURAN KELUARGA

2.6.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan Pusat Hiburan Keluarga bagi tahun 2013.

2.6.2 **Pusat Hiburan Keluarga (PHK)** : merupakan satu ruang yang luas yang menyediakan beberapa bentuk hiburan seperti kiddy ride, mesin simulator dan beberapa bentuk hiburan yang lain yang sesuai digunakan oleh semua anggota keluarga termasuk anak-anak.

2.6.3 Jenis hiburan yang dibenarkan di PHK adalah yang sihat, beroperasi dalam suasana yang bersih, selamat dan meceriakan.

2.6.4 Persekitaran PHK hendaklah dihias dengan menarik, tidak tertutup dan tidak bercermin gelap.

2.6.5 Masa operasi bagi pusat hiburan keluarga dihadkan dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam sahaja.

2.5.6 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan permohonan pembaharuan lesen hiburan dan tempat hiburan – Pusat Hiburan Keluarga di bawah seperti di **Lampiran 6:**

- i. Absolute Reliance Sdn. Bhd. – Lulus
- ii. Holiday Planet (M) Sdn. Bhd. – Lulus
- iii. Sembil Enterprise Sdn.Bhd. – Lulus
- iv. Kumiko Enterprise (Pandan Capital) – Lulus
- v. Kumiko Enterprise (Mid Point) - Lulus
- vi. Nova Seasons Sdn.Bhd. - Lulus.

2.7 PERMOHONAN BARU LESEN – PESTARIA (FUN FAIR)

2.7.1 Mesyuarat dikemukakan dengan 2 (dua) permohonan baru lesen – Pestaria (Fun Fair).

2.7.2 Pesta Ria dikategorikan di bawah hiburan apabila aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam pesta ria tersebut termasuk di bawah tafsiran hiburan.

2.7.3 Garispanduan hiburan sedia ada tidak menggariskan sebarang panduan untuk pelaksanaan pesta ria. Berdasarkan aktiviti-aktiviti hiburan yang dijalankan di dalam satu-satu pesta ria, ianya boleh dikategorikan sebagai Pusat Hiburan Keluarga.

2.7.4 Tempoh operasi adalah 10.00 pagi sehingga 10.00 malam.

2.7.5 Mesyuarat bersetuju untuk menolak permohonan baru lesen – Pestaria (Fun Fair) oleh Pesta Ria Bunga Raya dan Omar & Song Amusement Trade Fair kerana terdapat bantahan dari penduduk seperti di **Lampiran 7**.

2.8 KERTAS PERTIMBANGAN BAGI PERMOHONAN TAMBAHAN HARI OPERASI PASAR MALAM DI TAMAN KERAMAT PERMAI (AU 1A/4) PADA HARI KHAMIS DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.8.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas pertimbangan bagi permohonan tambahan hari operasi pasar malam di Taman Keramat Permai (AU 1A/4) pada hari Khamis di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.8.2. Pihak JKP Zon 3 mengendalikan pasar malam di lokasi berikut:

a) Taman Keramat Permai AU 1 (Isnin)

Jalan AU1A/4 (Tempat Letak Kereta)

- Bilangan peniaga : 125 orang
- Bilangan petak : 309 petak
- Purata kutipan petak (sehari) : RM 1,236.00

b) Taman Keramat AU 2 (Rabu)

Jalan Enggang (Hadapan Rumah Flat PKNS)

- Bilangan peniaga : 29 orang
- Bilangan petak : 53 petak

- Purata kutipan petak (sehari) : RM 212.00

c) Taman Keramat AU 3 (Isnin)

Jalan AU3 /1 (Tempat Letak Kereta Flat)

- Bilangan peniaga : 68 orang
- Bilangan petak : 129 petak
- Purata kutipan petak (sehari) : RM 516.00

d) Taman Keramat AU 4 (Jumaat)

Jalan AU4 /

- Bilangan peniaga : 34 orang
- Bilangan petak : 64 petak
- Purata kutipan petak (sehari) : RM 256.00

2.8.3 Isu dan masalah yang dihadapi adalah seperti berikut:

- a) Pasar malam Taman Keramat Permai AU1A pernah beroperasi 2 kali seminggu iaitu pada malam Isnin dan malam Khamis.
- b) Pada tahun 2001, Majlis telah membuat penutupan pasar malam ini yang beroperasi pada hari Khamis adalah kerana telah menerima banyak aduan berkaitan kesesakan lalulintas dan lain-lain aspek kacauganggu yang disebabkan lokasi tersebut adalah pusat Bandar dan terdapat kawasan perumahan yang padat disekeliling lokasi ini.
- c) Sepanjang tahun 2012, pihak Majlis telah menjalankan tindakan penguatkuasaan di lokasi pasar malam ini dan mengeluarkan 19 kompaun

kepada peniaga tanpa lesen dan sitaan ke atas peniaga warga asing dan penjual VCD.

- d) Bagi pasar malam Taman Keramat AU2 dan AU4 yang beroperasi pada hari Rabu dan Jumaat, pihak Majlis juga telah menerima aduan berkaitan kesesakan lalulintas dan peniaga tanpa lesen.

2.8.4. Bagi menimbangkan permohonan tambahan operasi pasar malam, pihak jabatan telah meminta supaya pihak pengurus Pasar Malam untuk mendapatkan pandangan orang awam, pemilik premis dan pelanggan-pelanggan yang berjiranan dengan lokasi ini.

2.8.5. Hasil dari soal selidik yang diijalankan pada minggu pertama bulan Mac 2013 (1 hingga 7 Mac 2013), seramai 78 responden telah ditemuduga yang melibatkan peniaga di kawasan kejiranan, pengunjung yang datang berurusan dan penduduk sekitar lokasi pasar malam tersebut. 52 (67%) responden bersetuju dan 26 (33%) responden tidak bersetuju.

2.8.6. Mereka yang tidak bersetuju membangkitkan isu kesesakan lalulintas, kebersihan makanan dan persekitaran selepas aktiviti perniagaan, wujudnya penjaja haram dan tindakan penjaja-penjaja yang membuka perniagaan terlalu awal, seawal jam 3.00 petang.

2.8.7. Pihak Pengurus Pasar Malam juga telah mendapatkan pandangan dari penjaja-penjaja pasar malam di Taman Keramat AU2 dan Taman Keramat AU4 berhubung dengan cadangan penutupan lokasi ini.

Berikut adalah hasil bancian tersebut :-

BIL	LOKASI	RESPONDEN	BERSETUJU	TIDAK BERSETUJU
1.	Taman Keramat AU2	21	19 (90 %)	2 (10 %)
2.	Taman Keramat AU4	33	7 (21 %)	26 (79)

2.8.8. Berdasarkan laporan soal selidik yang telah dilakukan pihak jabatan mengesyorkan cadangan tambahan hari operasi Pasar Malam Taman Keramat Permai (AU1) pada hari Khamis tidak dapat dipertimbangkan disebabkan peratus responden yang bersetuju hanya 67% sedangkan syarat daripada garis panduan Pasar Malam MPAJ menetapkan persetujuan sekurang-kurangnya 85%.

2.8.9. Mesyuarat memutuskan untuk menangguhkan kertas pertimbangan bagi permohonan tambahan hari operasi pasar malam di Taman Keramat Permai (AU 1A/4) pada hari Khamis di Majlis Perbandaran Ampang Jaya supaya Jabatan membuat kajian yang lebih teliti dan mengedarkan notis bantahan kepada penduduk berjiran.

**2.9. PERMIT SEMENTARA PASAR JUADAH SEMPENA BULAN
RAMADHAN 1434 HIJRAH (2013 MASIHI) DI MAJLIS
PERBANDARAN AMPANG JAYA**

2.9.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan permit sementara pasar juadah sempena bulan Ramadhan 1434 Hijrah (2013 Masihi) di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.9.2 Permit Sementara Pasar Juadah telah dikeluarkan pada setiap tahun bermula tahun 1997. Pada tahun 2012, pihak jabatan telah menyediakan 1776 petak melibatkan 34 lokasi. sebanyak 1573 petak telah berjaya ditempah dan diniagakan oleh peniaga-peniaga pasar juadah.

2.9.3 Pada tahun 2013, pihak Jabatan bercadang untuk menyediakan **1626 petak di 24 lokasi** di seluruh kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan cadangan beberapa lokasi dipindahkan dan diganti dengan lokasi baru serta ditutup kerana tidak mendapat sambutan pada tahun 2012. Senarai lokasi dan petak yang ditawarkan di setiap DUN seperti di **Lampiran 8.**

2.9.4. Pengambilan borang permohonan akan bermula pada **2 Mei 2013 (Khamis)**, jam 8.30 pagi bertempat di tingkat 14, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan, Menara MPAJ.

2.9.5. Pemulangan borang dan pemilihan petak akan bermula pada **4 Jun 2013 (Selasa)** sehingga **14 Jun 2013 (Jumaat)**, jam 8.30 pagi, bertempat di **Galeri MPAJ, tingkat 4**, Menara MPAJ. Sistem tempahan petak adalah menggunakan kaedah “**First Come First Serve**”. Penggunaan orang tengah “**Agen**” adalah tidak dibenarkan.

2.9.6. Bayaran Permit Sementara Pasar Juadah sepetak adalah seperti di bawah :

(A)

a)	Bagi penjualan makanan dan minuman	RM 200.00
-	Lesen	RM 48.00
-	Cat Petak	RM 12.00
-	Caj Pembersihan	RM 90.00
b)	Apron / Topi	RM 40.00
c)	Laminate Permit	RM 10.00

	Jumlah Keseluruhan	RM 200.00
		=====

(B)

a)	Bagi penjualan air tebu & kelapa	RM 250.00
-	Lesen	RM 48.00
-	Cat Petak	RM 12.00
-	Caj Pembersihan	RM 140.00
b)	Apron / Topi	RM 40.00
c)	Laminate Permit	RM 10.00

	Jumlah Keseluruhan	RM 250.00
		=====

2.9.7. Pembersihan lokasi akan diselenggarakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh pihak Majlis dengan bayaran RM 30.00 sepetak/ sebulan dan pembersihan tersebut hendaklah dilakukan pada hari yang sama iaitu selepas waktu perniagaan selesai dijalankan dan dilupuskan ke tempat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.

2.9.8. Pihak Majlis juga mewajibkan setiap peniaga menghadiri Kursus Pengendalian Makanan dan mendapatkan suntikan TY2 (termasuk pembantu) serta bagi penambahan setiap seorang pembantu bayaran sebanyak RM 10.00 akan dikenakan dan perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

2.9.9. Pihak jabatan memohon supaya diberi pengecualian ke atas syarat pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** kepada pemohon-pemohon memandangkan tempoh perniagaan yang singkat iaitu 30 hari (sebulan) sahaja dan kebanyakan mereka ini hanya berniaga semasa bulan Ramadhan sahaja.

2.9.10. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan permit sementara pasar juadah sempena bulan Ramadhan 1434 Hijrah (2013 Masihi) di Majlis Perbandaran Ampang Jaya namun tertakluk kepada beberapa lokasi untuk dibincangkan dengan Ahli Majlis yang terlibat terutama bagi lokasi yang dicadang pindah dan tutup. Pemohon tidak diberi pengecualian dan perlu mengemukakan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

2.10 PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA BAZAR RAYA BAGI TAHUN 2013 DI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.10.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan Permit Sementara Bazar Raya bagi tahun 2013 di Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.10.2 Pihak Jabatan merancangan proses permohonan bazar raya bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

- a) Tarikh mula permohonan : 1 April 2013
- b) Tarikh tutup permohonan : 15 Mei 2013
- c) Tempoh edaran notis bantahan : 16 Mei 2013 hingga 31 Mei 2013.
- d) Pembentangan kertas : Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bulan Jun 2013
- e) Tempoh mula bazar raya : Julai 2013
- f) Notis makluman akan dipamerkan di papan kenyataan Majlis di Lobi Aras 4, Menara MPAJ dan Laman Web MPAJ.
- g) Mematuhi garis panduan permohonan penganjuran bazar raya bagi tahun 2013.

2.10.3. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan permohonan permohonan Permit Sementara Bazar Raya bagi tahun 2013 di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan syarat tambahan mengadakan publisiti akhbar dan menolak permohonan selepas tarikh tutup.

3. **MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

3.1 GERAJ PLB DI JALAN 3/10 PANDAN INDAH

Jabatan memaklumkan semakan bersama Unit Ukur Bahan telah dibuat pada 16 Disember 2012 dan mengesahkan struktur Gerai PLB No. 1 tidak selamat untuk diduduki.

Selain itu, bagi Gerai PLB No. 8 peniaga asal yang ditawarkan gerai tersebut tidak memasuki gerai sehingga tamat tempoh yang diberikan, notis pemberitahuan pembatalan tawaran telah dikeluarkan pada 14 Mac 2013 dan pihak Jabatan akan memberi tawaran gerai tersebut kepada calon simpanan pertama.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

3.2 AKTIVITI PENIAGA DI JALAN HULU LANGAT/AMPANG SAUJANA

Semakan mendapati peniaga-peniaga masih menjalankan aktiviti perniagaan di lokasi ini. Terdapat 11 peniaga yang aktif dan senarai nama telah dihantar ke Jabatan untuk diproses. Tiada longgokkan sampah akibat dari aktiviti peniaga.

Makluman

3.3 PEMINDAHAN PENJAJA DI JALAN 16 A KE JALAN SERAYA

Jabatan memaklumkan penjaja di tempat parkir kereta Flat Permai Court di Jalan 16A Taman Dato' Ahmad Razali telah berpindah ke lokasi baru ke Jalan Seraya.

Jabatan memaklumkan telah mengeluarkan surat tawaran dikeluarkan pada 12 Mac 2013 kepada 4 orang pemohon. Semakan dan pemantauan berterusan akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Makluman

3.4 KEDAI TANPA LESEN DI PERSIMPANGAN JALAN MULIA DAN JALAN MULIA 1/1

Jabatan telah mengambil tindakan terhadap 10 gerai tanpa lesen yang berniaga di sekitar Taman Mulia Jaya dengan tindakan berikut:

- i) Notis dikeluarkan pada 15 Januari 2013 dan 21 Januari 2013.
- ii) Tindakan sitaan ke atas gerai warga asing pada 31 Januari 2013

Pihak jabatan akan memantau penjaja di kawasan tersebut dari masa ke semasa.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &
Kesihatan/ Jabatan Penguatkuasa**

3.5 TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAJ

Surat daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat bertarikh 4 Januari 2013 memaklumkan bahawa tapak cadangan gerai iaitu di simpang empat menuju Ampang Avenue tersebut adalah tanah kerajaan. Jabatan telah memanjangkan perkara ini ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta untuk semakan dan permohonan TOL.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan /

Jabatan Perancang Bandar /

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.6 STATUS FOOD COURT DI TIARA DUTA

Kes ini telah dibatalkan oleh Mahkamah. Ini adalah kerana Mahkamah berpendapat kes telah menjadi akademik. Pihak plaintif telah memohon relif untuk mendapatkan perintah certiorari bagi membatalkan notis-notis membatalkan lesen perniagaan plaintif untuk tahun 2012. Oleh kerana kes ini telah didengar pada tahun 2013, maka Mahkamah memutuskan untuk membatalkan kes ini.

Makluman

3.7 ISU PENYEWAAN GERAJ UPEN

Surat penamatan telah dikeluarkan kepada pemilik gerai UPEN no. 10 dan no. 11 pada 12 Disember 2012 di mana tempoh tamat adalah pada 31 Disember 2012. Semakan ke atas kedua-dua gerai mendapati pihak yang menyewa gerai tersebut daripada pemilik lesen masih aktif menjalankan perniagaan. Notis pengosongan telah dikeluarkan pada 13 Februari 2013, penyewa mohon rayuan dan pihak jabatan telah menolak rayuan kedua-dua pemohon pada 12 Mac 2013. Tarikh temuduga adalah pada minggu pertama April 2013.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.8 GERAJ DI TAMAN BUKIT SEGAR

Kompaun telah dikeluarkan pada 16 November 2012 terhadap sebuah gerai yang menjual nasi lemak di hadapan bangunan rumah kedai baru di Taman Bukit Segar yang meninggalkan payung di lokasi tersebut setelah selesai berniaga. Kompaun juga telah dikeluarkan kepada pemilik gerai menjual burger.

Jabatan memaklumkan tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada penjaja pada 14 Mac 2013 atas kesalahan menjaja tanpa lesen.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.9 ADUAN BERKENAAN STOR BARANG DI BALAI POLIS PANDAN INDAH

Pihak polis memaklumkan tapak baru akan dibina bagi stor penyimpanan barang rampasan di stor Balai Polis Pandan Indah. Pihak polis juga memaklumkan tapak tersebut dicadangkan untuk pembinaan Balai Polis Trafik sekiranya Lebuhraya SUKE dilaksanakan.

Makluman

3.10 ISU PENIAGA GERAJ YANG MENYIMEN TAPAK GERAJ

Tindakan sitaan telah dibuat pada 14 Mac 2013 terhadap penjaja yang meninggalkan barang selepas waktu perniagaan di gerai di Jalan Perdana 2/1.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan /
Jabatan Penguatkuasa

3.11 ISU PENGUNCI KERETA YANG DILARIKAN

Pihak Polis masih meneruskan siasatan berkenaan isu pengunci kereta yang dilarikan di Flat Pandan Mewah seperti yang dilaporkan oleh pihak JMB di flat berkenaan.

Makluman

3.12 PERNIAGAAN BUAH SEMPENA TAHUN BARU CINA

Semakan telah dibuat pada 20 Februari 2013 di Bulatan Taman Mawar dan mendapati hanya seorang peniaga sahaja yang aktif. Pihak jabatan telah menasihati penjaja tersebut supaya tidak mengakibatkan kacau ganggu lalulintas di sana.

Makluman

3.13 GERAJ TOSEI DAN CAPATI YANG TIDAK BERLESEN

Jabatan memaklumkan semakan pada dokumen jabatan jumlah statistik pemohon bangsa India yang memohon lesen berniaga tosei dan capati adalah 15 permohonan. 4 permohonan telah diluluskan, 5 telah ditolak manakala 6 permohonan lagi dalam tindakan jabatan.

Semakan akan terus dibuat dan sekiranya permohonan dan lokasi adalah bersesuaian jabatan tiada masalah untuk mengeluarkan lesen tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.14 GERAJ UPEN DI HADAPAN FLAT UTM AU3

Jabatan memaklumkan notis pengosongan gerai telah dikeluarkan kepada pemilik gerai UPEN yang difahamkan telah menyewakan gerai kepada pihak lain di hadapan Flat UTM AU3. Beliau telah membuat rayuan dan jabatan telah menolak rayuan beliau.

Mesyuarat ada mencadangkan supaya gerai tersebut diberikan kepada wanita yang berniaga berhampiran gerai tersebut. Walau bagaimanapun, setakat ini peniaga wanita tersebut masih belum mengemukakan permohonan kepada jabatan untuk menyewa gerai UPEN tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.15 GERAJ UPEN DI LRT PANDAN JAYA

Sesi temuduga bagi gerai UPEN di LRT Pandan Jaya yang telah diserahkan semula kepada majlis akan dibuat pada minggu pertama bulan April 2013.

Kerja-kerja pembersihan 'monsoon drain' di belakang gerai tersebut dalam tindakan kontraktor kawasan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.16 LESEN BERNIAGA SEMENTARA DI HADAPAN MASJID AL AZIM

Semakan pada 1 Mac 2013 mendapati 4 orang penjaja aktif berniaga. Semua penjaja tidak mempunyai permit perniagaan. Kacau ganggu kesesakan lalu lintas akan berlaku pada tengahari hari Jumaat.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.0 HAL-HAL LAIN

TUAN HAMSAH BIN DJABIR

4.1 LOKASI PASAR PAGI DI JALAN 1, AMPANG JAYA

Beliau memaklumkan lokasi pasar pagi di Jalan 1, Ampang Jaya yang diadakan pada setiap pagi Ahad kurang sesuai dan mohon dipindahkan ke tapak pasar malam sediada. Jabatan memaklumkan semua peniaga pasar pagi tersebut mempunyai lesen dan akan mengkaji semula isu ini.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
22Mac2013

LAMPIRAN 1

LAMPIRAN 1

SULIT

1) PAK YANG TRADISIONAL MASSAGE (6-10102 Jld. 2)

- Nama pemohon : Chew Kin Boon
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 40-A, Jln. Pandan Indah 4/6A,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Disokong pada 13/3/2013.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 30/11/2012.
- Ulasan PBK :
- Ulasan PK : Disyorkan untuk kelulusan.
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Tiada
- Jumlah pekerja : 10 orang (10 perempuan)
- Sijil Kelayakan : Pertubuhan Refleksologi Malaysia.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan
yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

2) REACHWELL DISTRIBUTOR (6-11268 Jld. 2)

- Nama pemohon : Lee Chee Hong
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 2-2M, Jln. 6/4, Tmn. Komersial Pandan Indah.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Tidak sokong pada 8/3/2013.
 - Pemohon enggan memberikan kerjasama untuk mengemukakan salinan pasport dan permit kerja pekerja asing yang diupah.
- Ulasan Bomba : Disokong pada 4/10/2012.
- Ulasan PBK : Disyorkan untuk kelulusan.
- Ulasan PK : -
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 1 kompaun.
7.3.2012 – UUK10, UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan MPAJ 2007.
 - Gagal mempamerkan lesen.
- Jumlah pekerja : 4 orang (1 lelaki, 3 perempuan)
(Tempatan – 1, Warganegara Thailand - 3)
- Sijil Kelayakan : Rawatan Tradisional Ali.
- Syor : Dikemukakan untuk pertimbangan ahli mesyuarat.
- Keputusan : Tolak

3) STEVEN TRADISIONAL MASSAGE (6-13200 Jld. 2)

- Nama pemohon : Low Teck Kim
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 2759, Jln. Changkat Permata,
Tmn. Permata.
- Kawasan : Taman Permata.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Urut Tradisional
- Ulasan Polis : Tidak sokong pada 27.2.2013.
 - Pembaharuan lesen 2012 tidak disokong oleh PDRM bertarikh 26.1.2012.
 - Pemohon menghantar rayuan untuk sokongan PDRM bagi sokongan lesen 2012 pada 4.6.2012 tetapi PDRM masih tidak menyokong rayuan tersebut bertarikh 29.6.2012.
 - 26.2.2013 - Aduan Rukun Tetangga Tmn. Permata .
 - Pusat urut terbuka kepada dan lelaki dan perempuan yang boleh menyebabkan gejala sosial.
 - Boleh mendatangkan masalah sosial dan moral di kalangan muda mudi di Tmn. Permata.
 - Boleh mendatangkan kemudaratan sekiranya pusat itu digunakan untuk kegiatan perjudian dan enyalahgunaan dadah.
 - Pelanggan juga terdiri dari

orang Indonesia dan Bangladesh.

- Pelanggan bukan sahaja menggunakan pintu hadapan tetapi juga pintu belakang.
- PDRM tidak menyokong permohonan pembaharuan lesen 2013 untuk mengelakkan perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratannya kepada penduduk setempat.
- PDRM mengesyorkan lesen ditarik balik atau dibatalkan serta merta.

- Ulasan Bomba : Disokong pada 8.11.2012.
- Ulasan PBK : Disyorkan untuk kelulusan
- Ulasan PK : -
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.

Permohonan ini telah ditangguhkan dalam Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan bil. 1/2013 untuk mendapatkan maklumbalas semula dari PDRM.

Kronologi Pembaharuan Lesen 2012:

21/2/2012 - di bawa ke Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan bil .2/2012 dan

Usahawan
disahkan dalam Mesyuarat

Penuh bil 2/2012.

- **TOLAK** kerana terdapat aduan dan rungutan penduduk setempat. 19/3/2012 - Surat rayuan pemohon. 17/4/2012 - di bawa ke Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan

bil. 4/2012 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh bil. 4/2012.

- **TANGGUH** dan semakan semula Ahli Majlis Kawasan. 16/5/2012 - di bawa ke Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan bil. 5/2012 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh bil. 5/2012.

-**LULUS**, wbp, pihak JKP kawasan boleh memberi maklumat dalam Mesyuarat Penuh setelah semakan bersama Ahli Majlis kawasan dijalankan di premis terbabit. 19/6/2012 - di bawa ke Mesyuarat J/K Pelesenan dan Pembangunan Usahawan bil. 5/2012 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh bil. 5/2012.

- Kompaun : Tiada
- Jumlah pekerja : 3 orang (1 lelaki, 3 perempuan)
- Sijil Kelayakan : Rawatan Tradisional Ali
- Syor : Dikemukakan untuk pertimbangan ahli mesyuarat.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 2

LAMPIRAN 2

- 1) ACHIK INTERNET CAFE (6-12117(KS) Jld.2)**

- Nama pemohon : Mazni b. Fadzil
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 220, Jln. Negara 2, Tmn. Melawati,
53100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Taman Melawati.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 18.2.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 2 kompaun :
 - 20.2.2012 - UUK 14(j), UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ
 - 2007
 - membenarkan pelajar berpakaian seragam sekolah masuk @ berada di premis.
 - 7.1.2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007
 - menjalankan aktiviti pusat siber tanpa lesen.
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun dan mengemukakan sokongan bomba dalam tempoh 2 bulan.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran kompaun dan surat sokongan bomba

LAMPIRAN 2**2) SMART SPIRIT SDN. BHD. (6-14304 (KS) Jld.2)**

- Nama pemohon : Kim Hoon
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : G20 & G21, Jln. Dagang B/3A, Tmn. Dagang, 68000 Ampang.
- Kawasan : Taman Dagang.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 19.2.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 2 kompaun :
 - 8.1.2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007.
 - Menjalankan perniagaan pusat siber tanpa lesen.
 - 5.3.2013 - UUK 14(1), UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007
 - Membenarkan mana-mana orang merokok dalam premis.
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran kompaun

LAMPIRAN 2

3) PRO HI Q INTERNET (6-11017 (KS))

- Nama pemohon : Kong Fook Chyang
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 18, Jln. Bunga Tanjung 9, Tmn. Muda, 68000 Ampang.
- Kawasan : Tmn. Muda.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 19.2.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 19.11.2012.
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 2**4) VICTORY TECHNOLOGY ENTERPRISE (6-7247 (KS) Jld.2)**

- Nama pemohon : Mah Woei Aik
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 61, Jln. Bunga Tanjung 8B, Tmn. Seraya, 56100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Taman Seraya
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 17.10.2012
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Terdapat 1 kompaun :
 - 16.1.2013 - UUK 3, UUK Pusat Siber dan Kafe Siber MPAJ 2007.
 - Menjalankan perniagaan pusat siber/ kafe siber tanpa lesen.
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun dan mengemukakan sokongan bomba dalam tempoh 2 bulan.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran kompaun

LAMPIRAN 2**5) SECTOR EIGHT INTERNET. (6-13220 (KS) Jld.2)**

- Nama pemohon : Ng Kai Tatt
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 19, Jalan Pandan Indah 1/23D,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 19.2.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 11.11.2012
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 2**6) STRIKE TANKER INTERNET (6-13574 (KS) Jld.2)**

- Nama pemohon : Lee Yow Chun

- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : M2-A-25, Jln. 4/1A, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 19.2.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 28.11.2012
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 2**7) PRELUDE STATION SDN. BHD. (6-13315 (KS) Jld.2)**

- Nama pemohon : Chan Kok Hing

- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : No. 20 & 22, Jln. Pandan Indah 4/10,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe Siber
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 16.11.2012
- Ulasan PK :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012.
- Kompaun : 2
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran
kompaun

LAMPIRAN 3

LAMPIRAN 3

- 1) MUSIC STAR SDN. BHD. (6-21754 (H))**

- Nama pemohon : Swa Toh Chun
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Unit 3A-3-1, 3A Floor, Galaxy
Ampang , Tmn. Dagang, 68000
Ampang.
- Kawasan : Taman Dagang.
- Lokasi : Kompleks Membeli Belah.
- Aktiviti : Karaoke
- Ulasan Polis : Disokong pada 18.2.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 19.10.2012.
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : 3
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran
kompaun

LAMPIRAN 4

LAMPIRAN 4

1) NOVA SEASONS SDN. BHD. (6-19965 (H) JLD. 2)

- Nama pemohon : Mong Choy Min

- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : Lot. 2.12, 2nd Floor, Mid Point Shopping Centre.
- Kawasan : Pandan Indah
- Lokasi : Kompleks Membeli Belah.
- Aktiviti : Snuker
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 23.11.2012
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen pada tahun 2012
- Kompaun : 3
- Syor : Lulus - mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan. .
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran kompaun

LAMPIRAN 5

LAMPIRAN 5

1) CHESTNUT BISTRO (6-22402(H))

- Nama pemohon : Harry Dass a/l Archuthan

- Jawatan : Pengurus
 - Alamat premis : C2G, Jln Selaman 1, Dataran Palma, 68000 Ampang.
 - Kawasan : Ampang Point.
 - Lokasi : Kedai Pejabat.
 - Aktiviti : Kafe
 - Ulasan Polis : Disokong pada 18.2.2013.
 - Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
 - Ulasan P(K) :
 - Catatan : Berlesen tahun 2012
 - Kompaun : Terdapat 1 kompaun.
- 25.1.11 - Enakmen 6(1), Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan 1995.
- Menjalankan aktiviti hiburan tanpa lesen.
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun dan mengemukakan sokongan Bomba dalam tempoh 2 bulan.
 - Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran kompaun dan surat sokongan

bomba

LAMPIRAN 5

2) J ROBS SDN. BHD. (6-21489(H))

- Nama pemohon : Jason Jude Lee
- Jawatan : Pengurus
- Alamat premis : A8-G, Jln. Selaman1/2, Dataran Palma, 68000 Ampang.
- Kawasan : Ampang Point
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 5.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 19.11.2012
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : Terdapat 1 kompaun.
18.2.2012 - Enakmen 6(1), Enakmen Hiburan dan
Tempat Hiburan 1995.
- Menjalankan hiburan tanpa lesen.
- Syor : Lulus – dengan syarat membuat pembayaran kompaun.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran kompaun

LAMPIRAN 5**3) LUCKY STAR KARAOKE & KAFE (6-21903 (H))**

- Nama pemohon : Ong Kooi Eng
- Jawatan : Pemilik
- Alamat premis : No. 26A, Jln. Pandan Indah 4/6A,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 30.11.2012
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 5**4) FORMULA ONE LOUNGE & CAFE (6-16008(H) JLD. 2)**

- Nama pemohon : Yap Soo Lin

- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : No. 3G, Jln. Pandan Indah 4/6,
Pandan Indah.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai Pejabat.
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 16.12.2012
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 5**5) HEART WISH CAFE (6-9858 (H) JLD. 3)**

- Nama pemohon : Yap Yit Yoon
- Jawatan : Pengarah

- Alamat premis : No. 12 & 14, Jln. Pandan Indah 4/6, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kedai
- Aktiviti : Kafe
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 30.11.2012
- Ulasan P(K) :
- Catatan : Berlesen tahun 2012
- Kompaun : 1
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus dengan menjelaskan bayaran kompaun

LAMPIRAN 6

LAMPIRAN 6

1) ABSOLUTE RELIANCE SDN. BHD. (6- 21470 (H))

- Nama pemohon : Saw Mok Huat

- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : Lot. 1.07, 1.08 & 1.09, Level 1, Menara Maxisegar, Jln. Pandan Indah 4/2, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Bangunan Perniagaan.
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 23.1.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan P(K) :
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – dengan syarat mengemukakan sokongan Bomba dalam tempoh 2 bulan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 6**2) HOLIDAY PLANET (M) SDN. BHD. (6- 8175 (H) JLD.2)**

- Nama pemohon : Lee Hong Kee

- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : Lot. 2.6 & 2.7, 2nd Floor,
Mid Point Shopping Centre,
Jln. Pandan Indah 1/25, Pandan Indah,
55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kompleks Membeli Belah
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 23.1.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan P(K) :
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – dengan syarat mengemukakan
sokongan Bomba dalam tempoh 2
bulan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 6**3) SEMBIL ENTERPRISE SDN. BHD. (6- 9875 (H) JLD.2)**

- Nama pemohon : Lee Hong Kee
- Jawatan : Pengarah
- Alamat premis : Lot. 3/1-5, 43, 43A, 45-48 & Walkway
Blok B, Pandan Kapital Shopping
Complex, Pandan Indah, 55100 Kuala
Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kompleks Perniagaan.
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 31.1.2013
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan P(K) :
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – dengan syarat mengemukakan
sokongan Bomba dalam tempoh 2
bulan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 6**4) KUMIKO ENTERPRISE. (6- 18104(H) JLD.2)**

- Nama pemohon : Mohamad Nor b. Abdullah
- Jawatan : Pengurus.
- Alamat premis : L2/16 & 17, 18 & 19, Pandan Kapital,
Pandan Indah.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Pusat Membeli Belah
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 23.11.2012
- Ulasan P(K) :
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan
garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 6**5) KUMIKO ENTERPRISE. (6- 18113(H) JLD.2)**

- Nama pemohon : Mohamad Nor b. Abdullah
- Jawatan : Pengurus.
- Alamat premis : Lot. 2.4, 2.5 & 2.10, Tkt. 2, Mid Point Shopping Centre, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Pusat Membeli Belah
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 23.11.2012
- Ulasan P(K) :
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 6**6) NOVA SEASONS SDN. BHD. (6- 20879(H))**

- Nama pemohon : Mong Choy Min

- Jawatan : Pengurus.
- Alamat premis : Lot. 2.1A & 2.14, 2nd Floor, Mid Point Shopping Centre, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
- Kawasan : Pandan Indah.
- Lokasi : Kompleks Membeli Belah
- Aktiviti : Pusat Hiburan Keluarga
- Ulasan Polis : Disokong pada 13.3.2013
- Ulasan Bomba : Disokong pada 23.11.2012
- Ulasan P(K) :
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Lulus – mematuhi syarat dan garispanduan yang ditetapkan.
- Keputusan : Lulus

LAMPIRAN 7

LAMPIRAN 7

1) PESTA RIA BUNGA RAYA (6-215709(H) JLD. 2)

- Nama pemohon : Chan Sun Seng

- Jawatan : Pengarah
- Tempat dipohon : Tanah Lapang Bersebelahan Galaxy Mall , Ampang.
- Cadangan Tarikh : 22 Mac 2013 - 5 Mei 2012.
- Masa : 6.00 petang - 12.00 malam.
- Lokasi : Tanah Lapang.
- Aktiviti : Pesta Ria .

(skill games, mini train, tea cup, UFO, ferris wheel, bumper car, merry go round, super jet, skyrider)

- Ulasan Polis : Sokong pada 8/2/2013.
- Ulasan Bomba : Sokong pada 13/2/2013.
- Catatan : Pemohonan mengadakan 'fun fair' ini pernah diiluluskan 2 kali pada tahun 2012 di lokasi yang sama.
 - i) 7/4/2012 - 6/5/2012 dilanjutkan 7/5/2012 - 21/5/2012 dengan bayaran : RM7,058.00.
 - ii) 5/10/2012 - 18/11/2012 dengan bayaran RM6,903.00.
- Kompaun : Tiada.
- Ulasan Jabatan : **Perancang Bandar :**
 - Dalamannya i) Tiada halangan menyokong permohonan tersebut kerana selaras dengan status tanah komersial milik KAB Corporation dan zoning perniagaan Rancangan Tempatan MPAJ dengan syarat aktiviti bersifat sementara dalam tempoh tidak melebihi sebulan tertakluk kepada syarat-syarat Majlis.

Kejuruteraan :

- i) -

Penguatkuasa :

- i) Tiada halangan bagi mengadakan Pesta Ria di kawasan yang dipohon dengan syarat tidak menimbulkan kacauganggu kepada penduduk berdekatan seperti berikut :-
 - a. Hendaklah meminimumkan bunyi-bunyian semasa Pesta Ria sedang beroperasi.
 - b. Menyediakan pengawal trafik dan tempat letak kereta pengunjung untuk mengelakkan kesesakkan aliran lalulintas trafik di kawasan tersebut.
 - c. Kenderaan pengunjung tidak dibenarkan diletakkan di jalan besar Taman Dagang bagi mengelakkan kesesakkan lalulintas.

Belia dan Masyarakat :

- i) Tapak cadangan bukan kawasan lapang milik Majlis tetapi adalah tanah hak milik pamaju iaitu Tetuan Rilil (M) Sdn. Bhd.

- Notis Bantahan Awam:
 - i) Tarikh hantar notis : 1 Mac, 2013 .
 - ii) Jumlah notis : 250 notis.
 - iii) Lokasi penghantaran :
 - a. Galaxy Ampang Mall,
 - b. Kedai Pejabat - Pusat Perniagaan Taman Dagang,

- c. Apartmen (5 blok) termasuk surau,
- d. Petronas,
- e. McDonald Tmn.Dagang,
- f. Kawasan perumahan teres berhampiran.

iv) Jumlah bantahan diterima : 1 bantahan daripada penduduk flat blok mawar.

v) Alasan bantahan : tiada.

vi) Tempoh Notis : 1 - 14 Mac 2013.

- Kadar lesen :
 - i) Tempat hiburan : RM 10.00 sehari
 - ii) Lesen hiburan : RM 5.00 setiap gerai sehari. Bagi setiap jenis hiburan lain hendaklah tertakluk kepada fee hiburan yang ditetapkan bagi jenis hiburan itu.
- Cagaran : Disyorkan sebanyak RM 5,000.00.
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Ditolak dan memadangkan pihak Majlis mengekalkan semula dasar tidak membenarkan aktiviti funfair memandangkan pemohon telah menjadikan aktiviti ini seperti rutin setiap kali cuti persekolahan.
- Keputusan : Tolak.

2) OMAR & SONG AMUSEMENT TRADE FAIR (6-23633(H))

- Nama pemohon : Song Sun Long
- Jawatan : Pengurus

- Tempat dipohon : Tanah Lapang Jalan 3/1, dan persimpangan Jalan Perdana 6/2, Pandan Perdana.
- Cadangan Tarikh : 16 Mac 2013 – 28 April 2013.
- Masa : 6.00 petang – 28 April 2013.
- Lokasi : Tanah lapang.
- Aktiviti : Pesta ria

(buaian pusing, kuda pusing haidralik, angsa pusing, keretapi disney, mini jet, alibaba, panda pusing dll)

- Ulasan Polis : Tidak dikemukakan.
- Ulasan Bomba : Tidak dikemukakan.
- Ulasan Jabatan : **Perancang Bandar :**
Dalam
i) Tidak menyokong permohonan ini kerana tapak merupakan kawasan lapang yang telah diwartakan.

Kejuruteraan :

- i) -

Penguatkuasa :

- i) Tiada halangan dengan syarat :
Pihak penganjur menyediakan pengawal lalulintas untuk mengelakkan pengunjung meletakkan kenderaan di Jln. Perdana 3/1 dan Jln. Perdana 6/2 bagi mengelakkan kesesakan aliran trafik.
- ii) Meminimumkan bunyi-bunyian kerana rumah-rumah kediaman berada agak berhampiran dengan kawasan yang dipohon.

Belia dan Masyarakat :

- i) -
- Notis Bantahan Awam :
 - i) Tarikh hantar notis : 1 Mac 2013
 - ii) Jumlah notis : 250 notis.
 - iii) Lokasi penghantaran : Persekitaran Pandan Perdana.
 - Rumah kedai jalan 6/4, 6/5, 6/6. 6/7, 6/8, 6/9. 6/10.
 - Perumahan teres yang berhampiran.
 - iv) Jumlah bantahan diterima :
1 bantahan daripada Persatuan Penduduk Pandan Perdana.
 - v) Alasan bantahan : Mengganggu trafik, masalah parking, bising, penaja haram dan aktiviti judi.
 - vi) Tempoh Notis : 1 - 14 Mac 2013.
- Kadar lesen :
 - i) Tempat hiburan : RM 10.00 sehari
 - ii) Lesen hiburan : RM 5.00 setiap gerai sehari. Bagi setiap jenis hiburan lain hendaklah tertakluk kepada fee hiburan yang ditetapkan bagi jenis hiburan itu.
- Cagaran : Disyorkan sebanyak RM 5,000.00.
- Kompaun : Tiada.
- Syor : Tolak.
- Keputusan : Tolak.

LAMPIRAN 8

LAMPIRAN 8

TARIKH PENGHANTARAN BORANG DAN TEMPAHAN PETAK PASAR JUADAH TAHUN 2013

TAHUN				2012		2013		TARIKH HANTAR BORANG
BIL	DUN	BIL. LOKASI	LOKASI	BIL PETAK	BIL PETAK DIJUAL	CADANGAN		
						LOKASI	PETAK	
1	CEMPAKA	1	PANDAN INDAH (TLK PADANG PERBANDARAN MPAJ)	217	217	KEKAL	217	4 JUN 2013 (SELASA)
		2	PANDAN JAYA (TLK JALAN PANDAN 3)	60	60	KEKAL	60	5 JUN 2013 (RABU)
		3	PANDAN CAHAYA (TLK JALAN PANDAN CAHAYA 1/1)	20	20	KEKAL	20	
		4	KG PANDAN (TLK PANDAN UTAMA)	20	10	KEKAL	20	
		5	MEDAN SELERA ANGSANA HILIR (TLK)	25	25	KEKAL	25	
		6	LEMBAH MAJU (BERHAMPIRAN SIMPANG EMPAT)	10	0	KEKAL	10	6 JUN 2013 (KHAMIS)
		7	KOMPLEKS MUHIBBAH (TAMAN NIRWANA)	120	120	KEKAL	120	
		8	PANDAN INDAH JALAN 3/2B (HADAPAN 7- ELEVEN)	10	10	KEKAL	10	
		9	PANDAN INDAH FASA 2B (JALAN PANDAN INDAH 5/7 - TAPAK PASAR MALAM)	50	24	TUTUP	0	
		10	PANDAN PRIMA (JLN PANDAN PRIMA 1 - TEPI KK HOME & TESCO AMPANG)	20	20	TUTUP	0	
JUMLAH				552	506		482	

TAHUN				2012		2013		TARIKH HANTAR BORANG
BIL	DUN	BIL. LOKASI	LOKASI	BIL PETAK	BIL PETAK DIJUAL	CADANGAN		
						LOKASI	PETAK	
2	TERATAI	11	CHERAS INDAH (HADAPAN DEWAN KOMUNITI)	24	23	KEKAL	24	7 JUN 2013 (JUMAAT)
		12	PANDAN MEWAH (TLK SEBELAH PADANG)	20	19	PINDAH	20	
		13	PANDAN PERDANA (HADAPAN HONG LEONG - JLN PERDANA 4/6)	10	0	TUTUP	0	
		14	TAMAN BUKIT SEGAR JAYA - JLN BUKIT SEGAR 9	10	0	TUTUP	0	
		15	TAMAN BUKIT PERMAI - JLN MEDAN BKT PERMAI 1	20	0	TUTUP	0	
		16	KG CHERAS BARU - HADAPAN MASJID AL-NUR SAADAH	10	1	TUTUP	0	
JUMLAH				94	43		44	
3	ULU KELANG	17	TAMAN MELAWATI (HADAPAN RESTORAN NASI KANDAR DEEN)	300	297	PINDAH	300	10 JUN 2013 (ISNIN)
		18	TAMAN PERMATA (HADAPAN PASARAYA HARI-HARI)	10	10	KEKAL	10	11 JUN 2013 (SELASA)
		19	TAMAN MELAWATI (JALAN E1)	10	8	KEKAL	10	
		20	AU 2, KERAMAT (JALAN AU 2 A/16)	70	70	KEKAL	70	
		21	AU 4/1, KERAMAT (HADAPAN MEDAN SELERA)	10	0	TUTUP	0	
		22	AU 5, KERAMAT (TLK HADAPAN MEDAN SELERA)	30	30	KEKAL	30	
		23	KERAMAT PERMAI (JALAN AU 1 D)	80	80	KEKAL	80	
		24	AU 3 (TLK FLAT PKNS 13 & 14)	10	0	TUTUP	0	
JUMLAH				520	495		500	

TAHUN				2012		2013		TARIKH HANTAR BORANG
BIL	DUN	BIL. LOKASI	LOKASI	BIL PETAK	BIL PETAK DIJUAL	CADANGAN		
						LOKASI	PETAK	
4	BUKIT ANTARA BANGSA	25	KG. MELAYU (JALAN JATI)	10	0	KEKAL	10	12 JUN 2013 (RABU)
		26	BUKIT ANTARABANGSA (JALAN KELAB UKAY)	25	25	KEKAL	25	
		27	UKAY PERDANA, JALAN UKAY PERDANA 1/5 (HADAPAN RESTORAN HIDAYAH MAJU)	65	65	KEKAL	65	
		28	AMPANG JAYA (TLK JALAN 1)	40	35	KEKAL	40	
		29	TAMAN KOSAS (TLK JLN KOSAS 1/1)	10	1	TUTUP	0	
JUMLAH				150	126		140	
5	LEMBAH JAYA	30	KG . TASEK PERMAI (HADAPAN MASJID)	10	0	TUTUP	0	
		31	TAMAN MELOR/TAMAN SRI BAYU (TLK)	200	170	KEKAL	200	13 JUN 2013 (KHAMIS)
		32	AMPANG WATER FRONT (TLK FASA 2)	30	13	KEKAL	30	14 JUN 2013 (JUMAAT)
		33	BANDAR BARU AMPANG (PASAR BBA)	120	120	KEKAL	130	
		34	BUKIT INDAH (SEBELAH RESTORAN DALILA - TLK)	100	100	KEKAL	100	
JUMLAH				460	403		460	
JUMLAH KESELURUHAN BILANGAN PETAK PASAR JUADAH 2012 & 2013				1776	1573		1626	

5.5
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.3/2013

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.03/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 13 MAC 2013
MASA : 9.30 PAGI - 12.19 TGH HARI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,TINGKAT 16, MPAJ
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN AHLI MAJLIS

- | | | |
|---|---|-------------|
| 1. Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. Tn Razali Bin Ramly | - | Ahli Majlis |
| 3. Tn. Abdul Latif Bin Shaari | - | " |
| 4. Tn. Hamsah Bin Djabir | - | " |
| 5. Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 6. Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 7. Tn. Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 8. Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | " |
| 9. Tn. Hj Ali Bin Ismail | - | " |
| 10. Tn. Haji Mat Jusoh Bin Dollah | - | " |

- | | | |
|-----------------------------------|---|-------------|
| 11. Tn. Abdul Aziz Bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 12. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | '' |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | |
|-----------------------------------|---|------------|
| 1. Y.Bhg Dato' Mohammad Bin Yacob | - | YDP, MPAJ |
| 2. Pn. Sian Eng Keng | - | Ahi Majlis |
| 3. Tn. Wong Khai Pun | - | '' |
| 4. Tn. A. Yazid Bin Alias | - | '' |
| 5. Tn. Mohamad Bin Samat | - | '' |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 03/2013**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 03/2013 telah diadakan pada 13 Mac 2013 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN BAGI
PROGRAM PENGGANTIAN PAIP LAMA DI KAMPUNG
AMPANG CAMPURAN, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU
LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.**

2.1.1. Mesyuarat dikemukakan dengan kertas permohonan permit korekan jalan bagi Program Penggantian Paip Lama di Kampung Ampang Campuran, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

- 2.1.2 Pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) telah mengemukakan permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 5172.11 meter di sekitar Kampung Ampang Campuran bagi program penggantian paip lama.
- 2.1.3 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan utama dan jalan kawasan perumahan. Berdasarkan pemerhatian di tapak, pihak jabatan mendapati cadangan pengorekan jalan melibatkan jalan yang baru diturap oleh pihak Jabatan atau oleh pihak utiliti lain pada tahun 2012 .
- 2.1.4 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 1,194,757.41 dan yuran proses sebanyak RM 2,586.55 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan. Untuk makluman, pihak SYABAS memaklumkan bahawa Wang Cagaran Berkelompok bernilai RM 5.0 juta telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor sepertimana yang dipersetujui oleh Mesyuarat MMKN Selangor Bil 7/2006 bertarikh 5hb April 2006.
- 2.1.5 Wang Cagaran dalam bentuk Jaminan Bank kepada Kerajaan Negeri Selangor juga telah diperbaharui dan berkuatkuasa dari 1hb Januari 2013 sehingga 31hb Disember 2013 dengan nilai cagaran berjumlah RM 2.0 juta.

2.1.6 Pihak SYABAS perlu melaksanakan kerja-kerja pengorekan jalan bagi penggantian paip lama kepada paip jenis '**Ductile Iron**' bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air dan tekanan air rendah yang sering dihadapi oleh penduduk sekitar Kampung Ampang Campuran.

2.1.7 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- a) Pemohon perlu mengemukakan bayaran yuran proses sebanyak RM 2,586.55 kepada pihak majlis.
- b) Pemohon perlu mengemukakan salinan bayaran wang cagaran sebanyak RM 2.0 juta yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor kepada pihak majlis.
- c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- d) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.

- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan.
- f) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan melibatkan bahu jalan.
- g) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- h) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan pelaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.
- i) Pihak SYABAS perlu mengemukakan pelan pengurusan trafik serta papan tanda secara terperinci kepada pihak majlis sebelum kelulusan diberikan.

j) Pihak SYABAS perlu mengemukakan cadangan penggantian paip lama secara berfasa dan penurapan akhir perlu dilaksanakan setelah penggantian paip siap sepenuhnya di sebahagian fasa tertentu termasuk ujian-ujian berkaitan seperti ujian kebocoran dan sebagainya untuk mengelakkan sebarang permasalahan di tapak dan mengelakkan timbulnya ketidakselesaian pengguna jalan raya.

2.1.8 Mesyuarat bersetuju dengan permohonan permit korekan jalan bagi Program Penggantian Paip Lama di Kampung Ampang Campuran, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dengan mengambil kira syor jabatan.

2.2 KERTAS KERJA PERMOHONAN PERMIT KOREKAN JALAN DI JALAN WATAN, JALAN WATAN 7 DAN JALAN WATAN 14, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas permohonan permit korekan jalan di Jalan Watan 7 dan Jalan Watan 14, Mukim Ampang , Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

2.2.2 Tenaga Nasional Berhad telah mengemukakan permohonan permit korekan jalan meliputi kerja pengorekan jalan sepanjang 320 meter dari Pencawang Elektrik Taman Halaman ke Pencawang Elektrik Taman Watan.

- 2.2.3 Kerja-kerja pengorekan jalan ini melibatkan jalan utama dan jalan kawasan perumahan. Berdasarkan pemerhatian di tapak, pihak jabatan mendapati cadangan pengorekan jalan melibatkan jalan yang baru diturap oleh pihak Jabatan pada 27hb Ogos 2012 bagi Jalan Watan 7 dan 14 dan pada 13hb Julai 2012 bagi Jalan Watan Utama melalui peruntukkan MARRIS .
- 2.2.4 Susulan dari itu, pihak jabatan telah mengeluarkan surat maklumbalas kepada pemohon untuk tidak mempertimbangkan permohonan berkenaan dan pemohon perlu mengemukakan kaedah alternatif untuk melaksanakan korekan di Jalan berkenaan.
- 2.2.5 Pihak Tenaga Nasional Berhad seterusnya telah mengemukakan maklumbalas rayuan kepada pihak jabatan mengenai permasalahan kabel 11kv di tapak. Pihak pemohon juga memberi akujanji akan melaksanakan penurapan secara kisar dan turap pada keseluruhan lebar jalan.
- 2.2.6 Berdasarkan semakan permohonan, pihak pemohon perlu mengemukakan Wang Cagaran sebanyak RM 65,520.00 dan yuran proses sebanyak RM 160.00 sebelum sebarang kelulusan boleh dikeluarkan.
- 2.2.7 Pihak Tenaga Nasional Berhad perlu melaksanakan kerja- kerja pengorekan jalan bagi penyelenggaraan kabel 11kV untuk mengelakkan gangguan bekalan elektrik kepada pengguna di sekitar kawasan Taman Halaman, Taman Watan dan Taman Dagang Jaya.

2.2.8 Pihak Jabatan mengesyorkan agar permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat seperti berikut:-

- a) Pemohon perlu mengemukakan bayaran yuran proses sebanyak RM 160.00 kepada pihak majlis.
- b) Pemohon perlu mengemukakan bayaran wang cagaran sebanyak RM 65,520.00 sama ada dalam bentuk bank draf atau jaminan bank kepada pihak majlis.
- c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat am berkaitan kerja-kerja pemasangan kemudahan awam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- d) Pemohon perlu melaksanakan kerja pembaikan pada bekas korekan jalan dengan serta merta setelah kerja-kerja pengorekan jalan siap sepenuhnya dan sentiasa memantau bekas korekan jalan agar pembaikan segera boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kerosakan pada bekas korekan yang telah diturap.
- e) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan akhir dengan penurapan keseluruhan lebar jalan sepanjang kawasan yang terlibat dengan kerja pengorekan jalan.

- f) Kerja-kerja penanaman rumput dan membaiki semula bahu jalan hendaklah dilaksanakan sekiranya pengorekan jalan dibuat pada bahu jalan.
- g) Pemohon perlu melaksanakan kerja-kerja penurapan akhir di tapak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat kelulusan permit korekan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan surat arahan penurapan akhir kepada pihak pemohon supaya melaksanakan kerja penurapan akhir.
- h) Sekiranya pihak pemohon gagal mengemukakan maklumbalas dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta penurapan akhir, maka pihak jabatan mengesyorkan agar pemotongan wang cagaran dibuat dan pelaksanaan pembaikan akhir akan dilaksanakan oleh pihak jabatan melalui proses lantikan kontraktor.

2.2.9 Mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan permohonan permit korekan jalan di Jalan Watan 7 dan Jalan Watan 14, Mukim Ampang , Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan sehingga pilihanraya. Walau bagaimana pun sekiranya ada kerja-kerja kritikal yang perlu dilaksanakan di tapak jabatan boleh mengambil tindakan tersebut.

**3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
SEPERTI BERIKUT :**

**3.1 KAJIAN PENYELESAIAN TRAFIK DI JALAN DAGANG DAN SUSUR
MASUK BALAI POLIS AMPANG**

Pihak JKR akan mengeluarkan peruntukan untuk membina lampu isyarat di Jalan Dagang dan susur masuk ke Balai Polis Ampang dijangka akan diperolehi dalam bulan Mac 2013 dan kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan dalam tahun ini.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

3.2 KAJIAN ALIRAN TRAFIK

Pihak Jabatan akan mengeluarkan sebutharga kerja pada bulan Mac 2013 bagi cadangan projek mengatasi masalah aliran trafik di hadapan Masjid Bandar Baru Ampang dan Flat Sri Nilam melalui peruntukan SELANGORKU.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

**3.3 JALAN SUSUR DI MRR2 (BERHAMPIRAN JALAN F KG PANDAN)
DIBESARKAN**

Lawatan tapak telah dibuat bersama pihak JKR Ibu Pejabat berhubung isu keselamatan di jalan susur di MRR2 (berhampiran Jalan F Kg Pandan) pada 18 Februari 2013. JKR telah mengeluarkan ulasan pembangunan dan sedang memohon peruntukan untuk kerja-kerja pembaikan jalan tersebut.

**Tindakan:
JKR Ibu Pejabat**

3.4 KERJA-KERJA PELEBARAN PERSIMPANGAN DARI KAJANG

Kerja-kerja pelebaran persimpangan dari Kajang hadapan Bukit Segar Jaya 2 (di tepi tapak zon hijau) dalam tindakan pihak kontraktor dan dijangka siap pada bulan April 2013.

Makluman

3.5 CADANGAN UNTUK PEMBAHAGI JALAN

Kerja-kerja penggantian pembahagi jalan di seluruh kawasan MPAJ dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 14 Mac 2013.

Makluman

3.6 MENAIKTARAF JALAN

Kerja-kerja bagi permohonan menaiktaraf Jalan F, sepanjang jalan dari simpang MRR2 hingga simpang Jalan B, Kg. Pandan akan dicadangkan untuk dimasukkan dalam senarai MARRIS 2013.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.7 MOHON DISEDIAKAN JALAN DI KAWASAN PERUMAHAN

Kerja-kerja pembinaan laluan khusus di Jalan 28 Tasik Permai dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 14 Mac 2013.

Makluman

3.8 MASALAH BANJIR DI TAMAN SERAYA

Pihak Jabatan Kejuruteraan telah memohon peruntukan Selangorku bagi projek mengatasi banjir di sekitar Jalan 5 dan Jalan 8 serta di Jalan Bunga Cempaka 19A tetapi masih belum menerima maklumbalas daripada MBI.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.9 HAKISAN TEBING SUNGAI KERAYONG

Wakil JPS Hulu Langat memaklumkan, pihak sedang memohon kelulusan peruntukan untuk mengatasi masalah hakisan tebing Sungai Kerayong yang berlaku di Jalan 29/1 Taman Putra. Lawatan tapak juga telah dibuat dan tindakan akan diambil dalam tempoh sebulan. Kerja-kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan pada awal bulan April 2013.

Tindakan:
JPS Hulu Langat

3.10 KEJADIAN BANJIR DI JALAN F TAMAN MELAWATI

Jabatan telah menghantar surat makluman kepada pihak kontraktor Carta Indah Sdn.Bhd. dan pihak JPS pada 25 Februari 2013 berkaitan kejadian banjir yang berlaku disebabkan halangan dari pembinaan perangkap sampah di 'monsun drain' berhampiran di Jalan F taman Melawati untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.11 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja mengadakan 'speed breaker' sebelum bonggol di hadapan Pangsapuri Cengal, Cheras Hartamas dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.12 KEPERLUAN 'SPEED BREAKER'

Pihak JKR dalam proses permohonan peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja meletakkan 'speed breaker' di simpang jalan ke Jalan Cempaka 8 (simpang ke Petronas dan Caltex) kerana kenderaan dari Taman Dagang terlalu laju.

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.13 PERMOHONAN 'SPEED BREAKER' DI TAMAN BUKIT INDAH

Kerja-kerja penyediaan 'speed breaker', petak kuning dan mengecat semula garisan jalan di jalan utama dan jalan-jalan di Bukit Indah dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 14 Mac 2013.

Makluman

3.14 MOHON BINA DAN CAT BONGGOL

Jabatan dalam proses mendapatkan kelulusan untuk pembinaan bonggol di Jalan 6. Manakala di Jalan 4 Taman Halaman tiada keperluan pembinaan bonggol.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.15 TURAPAN JALAN

Semakan jabatan mendapati kerosakan jalan di Jalan Cheras Hartamas adalah tidak kritikal dan dicadangkan untuk dimasukkan di dalam program 'Zero Potholes'.

Makluman

3.16 TURAP JALAN

Semakan jabatan mendapati kerosakan jalan di kawasan tempat letak kereta Pangsapuri Anggerik Taman Bukit Permai adalah tidak kritikal dan kerja-kerja pembaikan jalan akan dicadangkan untuk dimasukkan di dalam program 'Zero Potholes'.

Makluman

3.17 TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan telah disenaraikan untuk dilaksanakan menggunakan peruntukkan MARRIS 2013 bagi lokasi berikut :-

- a) Di Jalan Kosas Utama 2 dari 'BP Station' sehingga ke Sekolah Menengan Taman Kosas.
- b) Di Jalan Utama Taman Bukit Indah hingga Taman Kosas iaitu dari pasar pagi Kg Tengah sehingga Dewan Taman Ampang Indah.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.18. TURAP JALAN

Kerja-kerja penurapan jalan di Jalan 6 Taman Dagang Jaya telah dilaksanakan pada 5 Mac 2013.

Makluman

3.19 TURAP JALAN

Kerja-kerja penurapan jalan di Jalan 1 Ampang Jaya telah dilaksanakan oleh pihak TNB.

Makluman

3.20 TURAP JALAN

Kerja-kerja penampalan jalan di Jalan Cheras Hartamas telah dilaksanakan.

Makluman

3.21 TURAP JALAN

Kerja-kerja penampalan ajalan berlubang di Jalan Besar Bukit Belacan (hadapan blok B3, Desa Lembah Permai) telah dilaksanakan.

Makluman

3.22. TURAP JALAN

Jabatan akan menyenaraikan dalam perancangan tahun 2013 bagi kerja-kerja penurapan jalan di Jalan Bunga Tanjung 7, Jalan Bunga Mawar 4, Jalan Teratai 1 / 2 serta Jalan Bunga Mawar 2.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.23 JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja pemasangan 'interlocking' pada 'manhole' di Jalan Kempas persimpangan Jalan 4 Kg. Melayu Tambahan (berdekatan jambatan) dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 14 Mac 2013.

Makluman

3.24 PEMBAIKAN JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja pembaikan jalan-jalan berlubang di hadapan Blok A hingga M Flat Pandan Indah 920 telah dilaksanakan.

Makluman

3.24 JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja penampalan jalan berlubang di Jalan Bukit Pandan berhampiran Pangsapuri Nusa Kurnia telah dilaksanakan.

Makluman**3.25 ADUAN LUBANG BESAR**

Kerja-kerja pembaikan lubang besar di lereng bukit di belakang rumah No. 15 Jalan 29/1, Taman Putra telah dilaksanakan oleh pihak JPS.

Makluman**3.26 LUBANG BESAR**

Kerja-kerja penampalan lubang besar di persimpangan masuk ke kawasan rumah kedai Taman Bukit Segar telah dilaksanakan.

Makluman**3.27 JALAN MENDAP**

Kerja-kerja pembaikan bahu jalan yang telah mendap di Jalan Cheras Hartamas (tepi Pangsapuri Cengal) telah dilaksanakan.

Makluman

3.28 SEMAKAN SEMULA GARISAN TANDA JALAN

Kerja-kerja mengecat semula semua garisan petak kuning, garisan pembeza jalan serta garisan bonggol di seluruh kawasan JKP Zon 11 sedang dilaksanakan oleh kontraktor dan dijangka siap pada 15 Mac 2013.

Makluman

3.29 PAPAN TANDA TUNJUK ARAH

Kerja-kerja meletakkan papan tanda tunjuk arah khas ke taman-taman perumahan di semua simpang yang bersesuaian telah dilaksanakan.

Makluman

3.30 PAPAN TANDA KUTIPAN SAMPAH

Jabatan memaklumkan papan tanda jadual kutipan sampah biasanya dibuat oleh kontraktor di kawasan Jalan 1, Kg Ampang Indah. Walau bagaimanapun, oleh kerana kontraktor yang ada adalah untuk 'back up' sahaja papan tanda tersebut tidak dapat disediakan.

Makluman

3.31 PAPAN TANDA JALAN ROSAK

Lawatan bersama ahli Majlis akan dibuat untuk kerja-kerja pembaikan papan tanda jalan yang telah patah dan rosak di pembahagi jalan berhampiran Danau Mas.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

3.32 PEMASANGAN PAPAN TANDA YANG KURANG SESUAI

Lawatan bersama Ahli Majlis kawasan akan dilaksanakan bagi menyemak papan tanda tunjuk arah ke taman Bukit Segar ditanam di sebelah kiri jalan dan tidak dapat dilihat dengan jelas oleh pemandu.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.33 PAPAN TANDA DEWAN

Jabatan memaklumkan kerja-kerja membaiki papan tanda Dewan Orang Ramai Kg. Sri Melor telah dicabut telah dilaksanakan. Kejadian papan tanda yang dicabut ini seringkali berulang.

Makluman

3.34 PENGHADANG BESI (GUARD RAIL) DI SEPANJANG PASAR PAGI TAMAN MUDA

3 lokasi pembinaan guardrail yang dikenalpasti iaitu di sekitar Taman Muda, Pasar Pagi Taman Muda dan Taman Putra (hadapan KFC). Pembinaan tersebut tidak mendapat persetujuan Majlis.

Wakil PTD Hulu Langat memaklumkan tiang-tiang yang telah dipasang telah ditanggalkan.

Wakil pihak JKR Hulu Langat memaklumkan tidak akan membenarkan apa-apa pembinaan atau pemasangan di atas rezab jalan JKR Hulu Langat.

Makluman

3.35 KEPERLUAN `RAILING`

Pihak JKR akan menyemak semula berkenaan isu permohonan untuk meletakkan `railing` di selekoh masuk ke Jalan Cempaka dari MRR2 (Taman Bakti).

Tindakan:

JKR Hulu Langat

3.36. `WALKWAY` BERBUMBUNG BERTENTANGAN PASAR PAGI TAMAN MUDA

Semakan dibuat terhadap pembinaan "walkway" berbumbung bertentangan pasar pagi Taman Muda dari segi spesifikasi dan aspek keselamatan dan tiada sebarang papan tanda makluman bagi pembinaan tersebut. Jabatan telah menghantar surat makluman kepada pihak JKR pada 30 Januari 2013 untuk tindakan selanjutnya. Jabatan dimaklumkan agensi pelaksana pembinaan tersebut adalah pihak Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat. Jabatan memaklumkan akan membangkitkan isu ini di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Hulu Langat yang akan datang untuk perkembangan selanjutnya.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.37 ISU LONGKANG DI MASJID MARDHIAH TAMAN MELAWATI

Perbincangan bersama Ahli Majlis dan Jawatankuasa Masjid telah diadakan pada 19 Februari 2013 mengenai perkara berikut:

- i) Pihak Majlis mengesyorkan longkang-longkang tersebut dikekalkan dan dibuat penambahbaikan (box culvert) bagi lokasi yang terlibat dengan aktiviti tambahan di dalam kawasan masjid.
- ii) Jawatankuasa masjid telah membuat permohonan supaya pihak Majlis memindahkan keseluruhan struktur longkang sedia ada di luar daripada kawasan masjid. Ianya berikutan pihak masjid telah mempunyai perancangan untuk membuat pembangunan tambahan di keseluruhan tapak masjid.

Jabatan memaklumkan anggaran kos akan dibentangkan setelah pihak jabatan menerima cadangan pembinaan ubahsuai masjid dari pihak jawatankuasa masjid.

Tindakan:

Jabatan Kejuruteraan

3.38 MOHON PEMBINAAN LONGKANG

Kerja-kerja pembinaan longkang di tepi jambatan utama ke Kg. Sungai Seputeh dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada bulan 15 Mac 2013.

Makluman

SULIT

3.39. LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di hadapan Pangsapuri Cengal dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada bulan 18 Mac 2013.

Makluman

3.40 LONGKANG ROSAK

Jabatan dalam proses perlantikan kontraktor bagi kerja-kerja pembaikan longkang yang merintang Jalan Cheras Hartamas di hadapan Pangsapuri Kempas dan dijangka siap pada bulan Mac 2013.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.41 LONGKANG ROSAK

Kerja-kerja pembaikan longkang berhampiran sump di Jalan 15, Taman Putra yang telah rosak telah dilaksanakan.

Makluman

3.42 LONGKANG TUTUP

Semakan Jabatan Kejuruteraan mendapati tiada sebarang kerosakan pada struktur longkang di kawasan Sekolah Agama Kg. Cheras Baru. Hanya kerja-kerja pembersihan yang perlu dilaksanakan.

Tindakan :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan
Kesihatan**

3.43 LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di Jalan Bunga Mawar 4 Taman Mawar dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 18 Mac 2013.

Makluman

3.44 LONGKANG RUNTUH DAN TERSUMBAT DI JALAN 12 KG BARU AMPANG

Kerja-kerja pembaikan longkang di hadapan rumah no 132. Jalan 12 Kg. Baru Ampang telah dilaksanakan

Makluman

3.45 'CULVERT' TERSUMBAT

Kerja-kerja membersihkan 'culvert' tersumbat di Larong E Kg Pandan kerana telah dipenuhi pasir telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama pihak IWK sedang melaksanakan kerja-kerja korekan pasir di kawasan tersebut.

Tindakan :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &
Kesihatan**

3.46 MOHON PEMANTAUAN KEADAAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan longkang di lorong Laman 7 (C7) Kg Pandan iaitu longkang di hujung lorong menghala ke Flat Pandan Utama sedang dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 14 Mac 2013.

Makluman

3.47 PENYELENGGARAAN 'MONSOON DRAIN'

Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan 'monsoon drain' (Sungai Kongsu 8) di Taman TAR akan dilaksanakan oleh pihak JPS Gombak. Pihak JPS telah menyediakan dokumen sebutharga untuk kerja-kerja tersebut dan dijangka diiklankan pada bulan April 2013.

Tindakan:
JPS Gombak

3.48 PENUTUP 'MAN HOLE'

Kerja-kerja pemasangan penutup 'man hole' antara Flat B2 dan B3 Flat Desa Lembah Permai, Lembah Jaya Utara dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 15 Mac 2013.

Makluman

3.49 HAKISAN TANAH

Pihak JPS Gombak memaklumkan kerja-kerja pembersihan hakisan tanah di Riana Ukay dan Kg Sering Ukay sedang dilaksanakan di tapak. Pihak JPS juga telah memaklumkan telah menyediakan kertas kerja bagi kerja-kerja pembaikan di tapak dalam mesyuarat yang lepas.

Jabatan Kejuruteraan memaklumkan telah membentangkan kertas dasar di dalam mesyuarat kewangan untuk kelulusan peruntukan kerja-kerja pembaikan hakisan tanah tersebut. Jabatan akan menyemak semula perkara ini dengan pihak JPS dan sekiranya tindakan belum diambil jabatan akan mengambil alih kerja-kerja di tapak.

Tindakan:

JPS Gombak / Jabatan Kejuruteraan

3.50. TANAH RUNTUH

Kerja-kerja penyelenggaraan tanah runtuh di Lot 205 & 206, Kg. Cheras Baru yang berbahaya kepada penduduk sekitar sedang dalam tindakan kontraktor dan dijangka siap pada 21 Mac 2013.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.51. TEBING RUNTUH

Jabatan telah menyenaraikan dalam perancangan kerja tahun 2013 bagi kerja-kerja pembaikan tebing runtuh (monsun drain) di Jalan Enggang 13. Kos pembaikan dianggarkan sekitar satu ratus ribu dan jabatan mencadangkan untuk mendapatkan peruntukkan MARRIS.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.52 LAMPU JALAN

Pihak JKR masih menunggu peruntukan untuk kerja-kerja pemasangan lampu jalan di Jalan Langat dari Tasek Tambahan ke Menara Tinjau kerana kawasan tersebut gelap.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.53 LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan yang telah rosak dan tidak menyala di Jalan Bukit Belacan (depan kuari sehingga ke simpang Kg Muhibbah) adalah di bawah tanggungjawab pihak JKR. Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan surat kepada pihak JKR untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :
JKR Hulu Langat

3.54 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan yang tidak menyala di sepanjang Lorong Bunga Matahari 1B (tepi padang Taman Maju Jaya Fasa 3) dalam proses permohonan kelulusan.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

3.55 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan tidak menyala di hadapan Balai Polis Pandan Indah, Jalan Pandan Ilmu telah dilaksanakan.

Makluman

3.56 HALANGAN LALUAN KE PANGSAPURI SRI HIJAUAN

Halangan pagar yang dibina oleh penduduk Pangsapuri Sri Puteri adalah di luar kawasan JMB telah dibuka. Halangan yang terdapat di Jalan UP 2/1 juga telah dialihkan dan jalan tersebut dibuka untuk laluan awam.

Berkenaan isu dewan di Pangsapuri Sri Hijauan, jabatan memaklumkan mesyuarat telah diadakan pada 26 Februari 2013 untuk membincangkan isu tersebut bersama pihak pemaju Talam. Pihak pemaju memaklumkan dewan yang terdapat di kawasan pangsapuri berkenaan adalah milik Pangsapuri Sri Hijauan. Jabatan telah meminta pemaju untuk menyediakan tapak dewan ganti untuk penduduk-penduduk di Ukay Perdana. Pengerusi memaklumkan dewan tersebut juga akan digunakan untuk pilihanraya akan datang.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

3.57 LORONG TEPI RUMAH YANG BERPAGAR

Lorong tepi rumah antara rumah No. 21 dan 23 Jalan Melur 11, Taman Melur telah dipagar dan dijadikan hak individu oleh pemilik rumah. Notis telah dikeluarkan kepada pemilik rumah pada 7 Oktober 2012 dan telah tamat tempoh notis. Tindakan perobohan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Jabatan Bangunan dan Senibina memaklumkan sedang menyediakan kertas siasatan untuk tindakan undang-undang.

Tindakan:

Jabatan Bangunan Dan Senibina

3.58 PEMBINAAN PAGAR TANPA KEBENARAN

Susulan aduan dari penduduk di Jalan Melur 27, Taman Melur di mana ada pihak yang telah memagar hujung jalan tersebut dan menghalang penduduk di kawasan tersebut untuk meletakkan kenderaan, pihak jabatan telah mengambil tindakan membuka pagar tersebut pada 8 Mac 2013.

Makluman

3.59 BINA PAGAR DI TANAH PERKUBURAN

Kerja-kerja pembinaan pagar di Tanah Perkuburan Islam CherasBaru dalam tindakan kontraktor HNI Cemerlang. Lawatan tapak akan dibuat pada 13 Mac 2013.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.60 PROGRAM 'RIVER OF LIFE'

Jabatan dalam proses mengemaskini inventori dan maklumat bagi penyediaan kertas kerja berkenaan program tersebut dan akan di bawa ke peringkat Kerajaan Negeri. Jabatan sentiasa membuat pemantauan ke atas projek ROL tersebut. Pihak jabatan akan mengadakan mesyuarat penyelarasan sekiranya terdapat permasalahan di tapak yang melibatkan kawasan MPAJ.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.61 CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok-pokok besar di sekeliling Flat Ampang Hilir iaitu di Jalan Hilir 4 dalam tindakan jabatan dan dijangka akan dilaksanakan pada bulan April 2013.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.62 CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di kawasan Bukit Indah berhadapan Sekolah Menengah Bukit Indah dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.63 CANTAS POKOK

Kerja- kerja cantasan pokok di Jalan Putra (sebelum papan tanda ke Kg Ampang Indah dan selepas Carefour Ampang telah dilaksanakan pada 24 Februari 2013.

Makluman

3.64. POKOK KELAPA SAWIT MENGHALANG PENGLIHATAN

Kerja-kerja penebangan pokok kelapa sawit telah tumbuh di tengah-tengah pembahagi jalan sebelum persimpangan masuk ke Flat A1 Bukit Segar telah dilaksanakan pada 20 Februari 2013.

Makluman

3.65 CANTASAN POKOK

Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja cantasan pokok-pokok berhadapan Pangsapuri Kempas dan dijangka siap pada bulan April 2013.

Tindakan :

Jabatan Belia & Masyarakat

3.66 POKOK TUMBANG

Kerja-kerja pembersihan pokok tumbang di belakang Pangsapuri Bukit Segar A1 berhampiran tokong tepi tapak permainan kanak-kanak telah dilaksanakan pada 23 Februari 2013.

Makluman**3.67 POKOK TUMBANG**

Kerja-kerja pembersihan pokok tumbang di tapak permainan kanak-kanak sebelah Pangsapuri Kempas telah dilaksanakan pada 1 Mac 2013.

Makluman**3.68 MENAIKTARAF PADANG DI TAMAN SRI WATAN**

Kerja-kerja menambak pasir untuk mengatasi air bertakung di padang Taman Sri Watan dalam penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:**Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.69 PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG

Jabatan memaklumkan kerja-kerja pembersihan kawasan takungan air di padang rekreasi di Flat Bukit Segar blok A6 dan A7 telah dilaksanakan oleh jabatan.

Makluman

3.70 MENAIKTARAF PADANG DI TAMAN MAJU JAYA FASA 3

Kerja-kerja menaiktaraf padang di Padang Taman Maju Jaya Fasa 3 Jalan Bunga Matahari 1 telah dilaksanakan.

Makluman

3.71 PEMBAIKAN GELANGGANG BOLA KERANJANG

Kerja-kerja pembaikan papan gelanggang dan lampu di gelanggang bola keranjang Kuala Ampang dalam tindakan jabatan dan akan selesai dalam tempoh terdekat.

Makluman

3.72 LALUAN TREK JOGGING

Kerja-kerja pembaikan laluan trek jogging di kawasan lapang Flat Pandan Indah 3/3 berhampiran Dewan Orang Ramai dalam proses penyelenggaraan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia dan Masyarakat

3.73 PENYELENGGARAAN KAWASAN LAPANG

Pihak TNB telah mengadakan lawatan tapak bagi kawasan lapang di bawah kabel TNB di sekitar Lorong Enggang 15 dan Jalan Enggang Timur 1 yang ditumbuhi semak samun dan belukar. Pihak TNB akan menjalankan tindakan pembersihan di kawasan tersebut.

Tindakan:

TNB

3.74 PENYELENGGARAAN DI PENCAWANG ELEKTRIK TNB

Penyelenggaraan pencawang-pencawang elektik TNB di sekitar Taman Keramat terutama di AU 1B, AU 1A, AU 3/1 Keramat Permai perlu dilaksanakan memandangkan kebanyakan pencawang telah dipenuhi rumput dan memberi pemandangan yang tidak elok seterusnya mencemarkan imej Majlis. Pihak TNB akan memastikan penyelenggaraan dilaksanakan di lokasi seperti yang dinyatakan.

Tindakan :

TNB

3.75 SEMAK SAMUN DI JALAN MASUK KE CHERAS HARTAMAS

Jabatan memaklumkan notis pembersihan telah dikeluarkan kepada pemilik tanah berhubung keadaan semak samun seumpama kawasan hutan dan pokok-pokok telah tumbuh hampir ke jalan di laluan masuk ke Cheras Hartamas.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.76 PEMBERSIHAN SEMAK SAMUN

Jabatan akan menyemak semula isu berkenaan rumput panjang dan tumbuhan subur di tepi jalan berhampiran dengan Bayu Mas yang diminta untuk dibersihkan.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.77 PEMBERSIHAN KOLAM

Kerja-kerja pembersihan sekeliling kawasan kolam di hadapan Danau Mas telah dilaksanakan. Walaubagaimana pun kerja-kerja pembersihan mendapan kolam masih dalam tindakan kontraktor.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.78 RUMAH KEDAI TERBIAR

Kerja-kerja pembersihan 'Roftiles' di sebuah rumah kedai yang terbiar di No. 161, Jalan Besar Ampang telah dilaksanakan.

Makluman

3.79 MENUTUP TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH

Pihak pengurusan sedang mencari dana untuk mendirikan 'boomgate' di laluan masuk jalan yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Flat Pandan Indah 3/6 berhampiran rumah teres Jalan 3/6. Jabatan telah mengeluarkan surat kepada pihak LT untuk mendirikan boomgate di lokasi tersebut.

Mesyuarat juga mencadangkan supaya diadakan program pendidikan kepada masyarakat di kawasan tersebut berkenaan kaedah pembuangan sampah dengan cara yang betul.

Tindakan:

COB

3.80 TONG KITAR SEMULA

Jabatan memaklumkan tindakan penguatkuasaan untuk tong-tong kitar semula yang diletakkan tanpa kebenaran di kawasan Majlis akan dilaksanakan bermula pada 14 Mac 2013 sehingga selesai disebabkan terdapat lagi operator yang masih tidak mengangkat tong sampah di lokasi-lokasi yang tidak dibenarkan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.81 SAMPAH DAN KABEL YANG DITINGGALKAN

Terdapat pihak utiliti yang meninggalkan 2 gulung besar kabel dan sampah setelah melaksanakan kerja-kerja di tapak Zon Hijau di hadapan Bulatan Segar Jaya 2. Pihak jabatan akan menyemak semula isu ini dan menghubungi pihak yang berkaitan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.82 PEMBERSIHAN DI BAWAH 'FLYOVER' HADAPAN HOTEL FLAMINGO

Pihak JKR memaklumkan 'Flyover' di hadapan Hotel Flamingo adalah di bawah tanggungjawab pihak JKR. Manakala kawasan di bawah flyover adalah di bawah tanggungjawab pihak DBKL. Pihak JKR akan menyelaraskan perkara ini dengan pihak DBKL untuk kerja-kerja pembersihan di bawah 'Flyover' tersebut.

Makluman

3.83 SAMPAH HARAM DI PANDAN UTAMA

Kerja kutipan dan pembersihan sampah haram di kawasan rumah kedai Pandan Utama Fasa 1 telah dibuat pada 11 Januari 2013 dan 12 Januari 2013 (tempat pembuangan sampah haram). Walau bagaimanapun, aktiviti pembuangan sampah haram tersebut sering kali berulang.

Mesyuarat juga memohon supaya dipasang papan tanda 'Dilarang Membuang Sampah' di lokasi tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.84 SAMPAH SISA BINAAN HARAM

Kerja-kerja pembersihan sampah sisa binaan haram di bawah Lebuhraya MRR2 dan berhampiran bulan AU2 telah dilaksanakan oleh kontraktor kawasan.

Makluman

3.85 ISU KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN KAWASAN DI SEKITAR TAMAN KERAMAT

Jabatan telah mengambil tindakan dengan menamatkan kontrak kontraktor pembersihan di kawasan Keramat terutama di AU 1B Keramat Permai kerana prestasi yang tidak memuaskan. Kerja-kerja pembersihan dilaksanakan oleh kontraktor 'back up'.

Makluman

3.86 RUMAH SAMPAH BERBAU BUSUK DI FLAT PANDAN UTAMA

Jabatan memaklumkan rumah sampah di lokasi tersebut telah ditutup dan jabatan mencadangkan rumah sampah di situ perlu dibaiki kerana ruang/pintu masuk/keluar tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Pihak Jabatan

dikehendaki untuk memaklumkan pada pihak pemaju Sri Wijaya untuk mengkaji semula rumah sampah tersebut.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.87 TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Kerja-kerja pembersihan tempat pembuangan sampah haram di belakang Mydin Mart di Pandan Utama Fasa 2 telah dilaksanakan.

Makluman

3.88 AMARAN KEPADA PEKEDAI YANG MEMBUANG SAMPAH

Amaran dan makluman telah diberikan kepada pemilik kedai di Lorong B Jalan Matahari 1B Taman Maju Jaya Fasa 3 kerana membiarkan sampah sarap mereka di tepi longkang dan ditepi jalan. Semakan yang dibuat tiada lagi sampah di kawasan berkenaan. Pemantauan dari masa ke semasa akan dilaksanakan.

Makluman

3.89 KUTIPAN SAMPAH DI RUMAH SAMPAH PASAR KUALA AMPANG

Kerja-kerja kutipan sampah domestik dan pukal di rumah sampah pasar Kuala Ampang telah dilaksanakan.

Makluman

3.90 LAPORAN PRESTASI KONTRAKTOR

Jabatan sedang dalam proses penyelarasan bagi menyediakan laporan prestasi kontraktor Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan kawasan bagi Zon 15 bermula pada tahun 2012 hingga Februari 2013.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.91 TONG KITAR SEMULA TANPA KEBENARAN

Tindakan penguatkuasaan akan dibuat pada 14 Mac 2013 berhubung isu tong kitar semula yang tidak ada kebenaran diletakkan ditepi Pangsapuri Cengal .

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.92 ANJING LIAR

Jabatan sedang mengambil tindakan berhubung anjing liar yang berkeliaran di sekitar Pangsapuri Bukit Segar dan Pangsapuri Cemara yang sangat merbahaya.

Tindakan :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &
Kesihatan**

3.93. STRUKTUR GERAJ YANG DITINGGALKAN

Semakan telah dilakukan pada 15 Februari 2013, mendapati terdapat khemah telah ditinggalkan di atas bahu jalan BS9, Taman Bukit Segar. Notis telah dikeluarkan kepada pemilik berkenaan. (No. Notis : 11351 dan 11352). Tindakan penguatkuasaan akan dibuat pada 14 Mac 2013.

Tindakan :

**Jabatan Perkhidmatan Perbandaran &
Kesihatan**

3.94 PEMBAIKAN DEWAN ORANG RAMAI

Pihak jabatan telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dewan orang ramai di Dewan Taman Cempaka dan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan segera.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.95 MEMBAIK PULIH DEWAN SRI WATAN

Kontraktor akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan Dewan Sri Watan yang telah berlaku litar pintas disebabkan sistem pendawaian yang tiada kabel bumi serta rekaan pada lantai (luar).

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.96 PENGAMBIL ALIHAN DEWAN

Jabatan telah membuat penyelarasan berkenaan kunci bagi Dewan Orang Ramai Jalan 9, Kg Ampang Indah (sebelah padang) yang dikendalikan oleh individu dan telah menyerahkan kunci dewan kepada pihak JKP.

Makluman

3.97 PERMOHONAN MENGADAKAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

Pihak jabatan sedang menyelaraskan permohonan mengadakan tempat pusat jagaan kanak-kanak di Taman Cheras Hartamas dengan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mewartakan tapak tersebut sebagai rezab tadika. Jabatan memohon supaya proses pewartaan dibuat secepat mungkin.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.98 MOHON PEMBAIKAN TANDAS DI MEDAN SELERA AU5

Jabatan memaklumkan tandas tersebut telah ditutup dan kunci diberikan kepada peniaga-peniaga di situ. Pengunjung perlu mendapatkan kunci dari peniaga sekiranya mahu menggunakan tandas. Mesyuarat juga mencadangkan supaya IBU Tunggal dilantik sebagai operator tandas untuk menjaga tandas tersebut.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.99 MENAIK TARAF PASAR PEKAN AMPANG

Kelulusan bagi kerja-kerja menaiktaraf pasar Pekan Ampang telah diperolehi dan kerja-kerja dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mac 2013.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.100 KABIN DI KAWASAN CEMPAKA

Jabatan memaklumkan 2 buah kabin telah disita di kawasan Dun Cempaka. Manakala terdapat 3 lagi kabin yang digunakan oleh KRT dan Pusat Gerakan RELA.

Makluman

3.101 PEMBINAAN 'HOARDING' DI TAPAK PEMBINAAN 'THE MARKS'

Pihak pemaju 'The Marks' telah membaiki 'hoarding' di tapak pembinaan. Semakan selanjutnya akan dilaksanakan oleh Jabatan Bangunan dan Senibina untuk memastikan hoarding tersebut dibina mengikut spesifikasi.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.102 TEMPAT LETAK KERETA DISALAHGUNA

Jabatan telah mengeluarkan kompaun terhadap pemilik kenderaan berat yang meletakkan kenderaan di kawasan tapak tempat letak kereta bersebelahan TNB di Jalan 6/11 Tasek Tambahan. Maklumat berkenaan lori sampah yang diletakkan di situ juga telah dipanjangkan ke Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.103 MOHON BAIKI 'BUS STOP'

Kerja-kerja membaiki 'bus stop' di Ampang Avenue dalam proses permohonan kelulusan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

3.104 SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Lawatan tapak (pilot survey) telah diadakan pada 19 Februari 2013 di Jalan Sri Idaman, Kg Muhibbah. Terdapat 4 buah rumah setingan yang didiami oleh warga asing (Indonesia). Status tapak adalah rezab balai raya yang dizonkan sebagai lain-lain kemudahan masyarakat dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

3.105 PEMBINAAN TANGKI AIR

Mesyuarat dengan pemaju telah dilaksanakan pada 21 Disember 2012 berkenaan pembinaan tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan fasa 1 dan 2 dan tindakan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam.

Pihak Syabas telah mengeluarkan surat kepada pihak pemaju untuk kerja-kerja pembaikan 'meter stand' yang telah dipasang tetapi tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Kerja-kerja pembaikan dalam tindakan pemaju.

Tindakan:

Jabatan Bangunan dan Senibina

3.106 ISU PEMBINAAN TEMBOK DI TAMAN SERAYA

Mesyuarat dimaklumkan dengan isu pembinaan tembok keselamatan di hujung Jalan Bunga Melati 1 dan 3 Taman Seraya. Tembok tersebut didirikan oleh penduduk di kawasan perumahan tersebut iaitu pemilik rumah di lot hujung no. 42 dan 29 Jalan Bunga Melati 3 dan pemilik rumah no. 40 Jalan Melati 1. Tujuan mereka mendirikan tembok tersebut untuk tujuan menjaga keselamatan rumah mereka. Tembok tersebut belum mendapat kelulusan majlis dan pihak majlis telah mengarahkan pemohon untuk mendapatkan kebenaran dari Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

Ahli Majlis kawasan juga memaklumkan penduduk yang terlibat tidak datang semasa sesi perbincangan berkenaan isu tersebut diadakan.

Semakan kekukuhan tembok tersebut telah dibuat oleh Jabatan Kejuruteraan dan pemilik rumah tersebut diminta melantik jurutera bertauliah untuk membuat pengesahan kekukuhan struktur tersebut. Pemilik rumah tersebut juga diminta mengemukakan surat tanggungjawab terhadap apa-apa yang berlaku terhadap tembok tersebut.

Walau bagaimanapun sebarang kelulusan pembinaan tembok tersebut bergantung kepada kebenaran Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

Tindakan :

Jabatan Bangunan dan Senibina

Jabatan Kejuruteraan

4. HAL-HAL LAIN**TUAN HAMSAH BIN DJABIR****4.1 JALAN BERLUBANG**

Mohon tindakan pembaikan jalan berlubang di lampu isyarat (Spektrum) Jalan Besar Ampang dan di Jalan Memanda berdekatan Petronas dan Restoran Kayu Nasi Kandar.

Tindakan :**Jabatan Kejuruteraan****4.2 MENGECAT SEMULA TANDA JALAN DAN BONGGOL**

Mohon supaya dicat semula tanda jalan dan bonggol di jalan 2 dan 4 Ampang Jaya.

Tindakan :**Jabatan Kejuruteraan****TUAN ABDUL LATIF BIN SHAARI****4.3 MOHON PEMBAIKAN LAMPU ISYARAT**

Mohon disemak semula lampu isyarat dari Ukay Perdana ke MRR2 kerana tempoh masa lampu hijau dan merah terlampau singkat sehingga menyebabkan kesesakan kepada lalulintas dilokasi tersebut pada waktu petang terutama laluan turun dari Ukay Perdana ke MRR2.

Tindakan :**Jabatan Kejuruteraan**

TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS

4.4 PERMOHONAN MENGECAT GARISAN KUNING

Mohon tindakan jabatan untuk mengecat garisan kuning pada bonggol di Jalan Cempaka 1 berhadapan surau Al Falah Taman Cempaka.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.5 PEMBAIKAN TAMAN PERMAINAN

Mohon kerja-kerja pembaikan pagar di kawasan taman permainan di padang Jalan 1/9 Taman Dagang. Terdapat juga gelanggang bola keranjang yang perlu diselenggara serta mohon lampu di gelanggang tersebut dilokasi yang sama.

**Tindakan :
Jabatan Belia dan Masyarakat**

4.6 PENIAGA MENINGGALKAN SISA BUANGAN KELAPA

Terdapat peniaga yang menjual air kelapa di Jalan 1/11 Taman Dagang yang meninggalkan sisa buangan kelapa di bahu jalan. Mohon tindakan jabatan yang berkenaan.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

TUAN ABDUL JALIL BIN HASSAN

4.7 MOHON PAGAR DI DEWAN ORANG RAMAI JALAN 3/3

Beliau memaklumkan terdapat kegiatan tidak bermoral seperti maksiat dan menghidu gam yang dilakukan oleh remaja di sekitar Dewan Orang Ramai Jalan 3/3 Pandan Indah. Mohon jabatan untuk membina pagar disekeliling dewan tersebut untuk mengelakkan aktiviti tidak bermoral ini.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.8 TURAP JALAN

Mohon kerja-kerja turapan jalan di Pangsapuri Sri Inai Pandan Indah.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.9 PERMOHONAN MENAIKTARAF JALAN

Beliau memohon menaiktaraf bahu Jalan Ampang berhampiran Sekolah Rendah Pandan Indah yang sering menjadi takungan air dan rosak apabila hujan lebat dan sering berdebu apabila waktu panas.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.10 SEMAK SAMUN BERSEBELAH SEKOLAH RENDAH PANDAN INDAH

Beliau memaklumkan terdapat semak samun bersebelahan Sekolah Rendah Pandan Indah dan mohon pemilik tanah membersihkan segera.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.11 PEMBERSIHAN KAWASAN TEPI SUNGAI

Mohon pihak JPS untuk membersihkan kawasan tepi sungai di belakang kuarters Sekolah Rendah Pandan Indah.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN LIM FONG LEN

4.12 LONGKANG ROSAK DAN BERLUBANG

Beliau memohon untuk pembaikan longkang yang rosak dan berlubang di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.13 SAMPAH TIDAK DIKUTIP

Terdapat sampah yang tidak dikutip dengan sempurna oleh kontraktor kawasan di Jalan Bunga Tanjung 8, Taman Muda. Beliau juga mencadangkan dipasang CCTV dikawasan tersebut kerana terdapat orang asing membuang sampah merata-rata di situ.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.14 MAKLUMAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN LONGKANG

Beliau memohon supaya Jabatan Kejuruteraan memaklumkan sebarang kerja-kerja pembaikan longkang yang dilaksanakan di kawasan ahli majlis supaya ahli majlis kawasan boleh turut membantu memantau kerja-kerja tersebut.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.15 PEMBAIKAN LONGKANG

Mohon kerja-kerja pembaikan longkang di Jalan Bunga Tanjung 10 Taman Muda kerana sering dipenuhi lumpur yang berpunca dari saluran air padang yang terlalu banyak.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

TUAN ABDUL AZIZ BIN AHMAD

4.16 PERMOHONAN PEMBAHAGI JALAN DAN TANDA ARAH JALAN

Penduduk memohon supaya diadakan pembahagi jalan dan tanda arah jalan di Jalan Bukit Indah 5 hadapan kawasan rumah kedai kerana terdapat kenderaan yang masuk bertentangan arah jalan.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.17 PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BUKIT INDAH UTAMA

Beliau memaklumkan jalan sering berlubang di Jalan Bukit Indah Utama. Mohon penggunaan 'primix' ditukar kepada 'concrete brick' kerana jalan sering berlubang walaupun kerap kali ditampal.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.18 PERMOHONAN LAMPU LIMPAH

Beliau memohon lampu limbah tambahan di padang permainan di Jalan Kosas 2/6, Taman Kosas fasa 2 dan di padang permainan Jalan Indah 3/7, Taman Ampang Indah Fasa 3.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

TUAN MAT JUSOH BIN DOLLAH

4.19 LAMPU ISYARAT TIDAK BERFUNGSI DENGAN BAIK

Beliau memaklumkan lampu isyarat di persimpangan Carefour (hadapan satay station) tidak berfungsi dengan baik. Tiada isyarat kuning dan lampu bertukar dari hijau terus ke merah.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

4.20 MOHON SELENGGARA LONGKANG

Longkang di tepi Sekolah Agama Lembah Jaya tidak diselenggara dengan baik dan menyebabkan air melimpah apabila hujan lebat berlaku.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.21 GERAJ UPEN DI TAMAN SRI WATAN

Beliau memaklumkan Gerai UPEN di Taman Sri Watan tiada tempat pembuangan sampah menyebabkan peniaga membuang sampah di celah-celah lorong bangunan.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

4.22 ISU DEWAN ORANG RAMAI TAMAN HALAMAN

Dewan Orang Ramai Taman Halaman telah dijadikan sebagai bilik Gerakan parti politik. Minta ambil tindakan sewajarnya.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.23 CANTAS POKOK

Penduduk di Taman Sri watan memohon kerja-kerja cantasan pokok-pokok besar di sekitar taman perumahan mereka.

Tindakan :

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.24 PADANG PERMAINAN SEMENTARA DI FLAT AMPANG SAUJANA

Penduduk di Flat Ampang Saujana memohon supaya diwujudkan padang permainan sementara di tapak Blok A3 yang terbiar.

Tindakan :

Jabatan Belia dan Masyarakat

4.25 LONGKANG TERSUMBAT

Terdapat longkang tersumbat di Lot 1452, Jalan Indah 1, Kg Ampang Indah menyebabkan banjir berlaku apabila hujan lebat.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

TUAN SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL

4.26. KEPERLUAN LAMPU JALAN DI TAMAN MESTIKA

Tambahan lampu jalan diperlukan di Taman Mestika kerana kawasan tersebut agak gelap.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

TUAN RAZALI BIN RAMLY

4.27. PEMBUANGAN SAMPAH KE JALAN SUSUR HILLVIEW

Beliau memohon supaya tindakan penguatkuasa diambil ke atas masalah pembuangan sampah ke jalan susur Hillview.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan/

Jabatan Penguatkuasa

4.28. MASALAH BANJIR DI JALAN KOLAM AIR

Beliau difahamkan bahawa peruntukan mengatasi masalah banjir telah diluluskan. Beliau memohon supaya agensi yang bertanggungjawab dapat melaksanakan projek ini dengan segera bagi mengatasi banjir di kawasan berkenaan.

Tindakan :

JPS Gombak

SULIT

5. PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
18Mac2013

5.6.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL.5/2013

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 05/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 08HB MAC 2013 (JUMAAT)

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
5.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
6.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
7.	En. Mohd Zuwahir B. Wandu	Pej. Tanah & Daerah Gombak
8.	En. Ahmad B. Muhamad Yusoff	Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
9.	Pn. Faridah Hanim Bt. Salaton	JPBD Selangor
10.	En. Muhammad Ezwan B. Dahlan	Jab. Mineral & Geosains Selangor
11.	En. Faizad Amirul B. Abdul Razak	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
12.	DSP Hj. Abd. Rahman B. Hj. Hasnan	PDRM (Daerah Ampang)
13.	Pn. Farahana Bt. Abu Bakar	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
14.	En. Azhar B. Ramli	Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat
15.	Pn. Salkiah Mohamad Salleh Tan	Jab. Alam Sekitar Selangor
16.	En. Muhammad Najib B. Alias	Indah Water Konsortium (IWK)
17.	En. Mohd Fazizi B. Mohd Zaid	SYABAS
18.	Pn. Seetha a/p Mariappan	TNB Distribution Sdn. Bhd.
19.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
20.	Pn. Asiah Bt. Borhan	SKMM Wilayah Tengah
21.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
22.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
23.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
24.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
25.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
26.	En. Zafrul Fazry B. Mohd Fauzi	Jab. Kejuruteraan (Bhg. Cerun)
27.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
28.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
29.	Pn. Rozita Bt. Razali	Urusetia OSC Pembangunan

30. Pn. Rahah Bt. Jalaludin
31. Pn. Siti Raudah Bt. Idris
32. Pn. Noor Ismezah Bt. Ismail

Urusetia OSC Pembangunan
Jab. Perbandaran & Kesihatan
Jab. Belia Masyarakat

TURUT HADIR

- | | |
|---|------------------------|
| 1. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari | Jab. Perancang Bandar |
| 2. En. Syed Noornekman B. Syed Abdullah | Jab. Perancang Bandar |
| 3. Pn. Nurul Husna Bt. M. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 4. Tg. Norhani Bt. Tg. Hamzah | Jab. Perancang Bandar |
| 5. Pn. Norliza Bt. Masri | Jab. Perancang Bandar |
| 6. Pn. Norizan Bt. Ibrahim | Jab. Perancang Bandar |
| 7. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf | Jab. Bangunan Senibina |
| 8. Pn. Maslinda Bt. Mohd Yusof | Jab. Bangunan Senibina |
| 9. En. Zahari B. Mohd Nor | Jab. Kejuruteraan |
| 10. En. Ahmad Faizal B. Jailani | Jab. Kejuruteraan |
| 11. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak | Jab. Kejuruteraan |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | |
|--------------------------------------|--------------------|
| 1. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd | TIDAK HADIR |
| 2. Jab. Kerja Raya Hulu Langat | TIDAK HADIR |
| 3. Jab. Kerja Raya Gombak | TIDAK HADIR |
| 4. Jab. Pengairan & Saliran Selangor | TIDAK HADIR |
| 5. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) | TIDAK HADIR |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.03/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2012 telah diadakan pada 8 Mac 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1) permohonan telah ditolak dan satu (1) permohonan telah diluluskan dengan syarat.

2.1.2 Lima (5) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1) permohonan telah ditolak dan empat (4) permohonan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 1)

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 3)

2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Tiga (3) cadangan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan. Dua (2) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 4)

2.5 PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

Dua (2) cadangan Pelan Kerja Tanah telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah ditangguhkan dan satu (1) permohonan telah ditolak.

(LAMPIRAN 5)

2.6 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)

Dua (2) cadangan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 6)

2.7 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (PERUMAHAN)

Satu (1) cadangan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 7)

2.8 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (PELBAGAI)

Satu (1) cadangan Pelan Bangunan (Pelbagai) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

(LAMPIRAN 8)

2.9 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Tiga (3) cadangan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 9)

2.10 HAL-HAL LAIN

2.10.1 Sebanyak 16 permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 12 permohonan Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2013.

2.10.2 Sebanyak 1 Permohonan Pelan Lanskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 05/2013. *(LAMPIRAN 10)*

LAMPIRAN 1

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Dua (2) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.1.(i)(a) TETUAN AMAN KEMENSAH SDN BHD (PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon	:	Tetuan Aman Kemensah Sdn Bhd.
No. Fail PBT	:	MPAJ.KEJ.C.720-3/7/13/B
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/01/12
Tajuk	:	Permohonan Kerja Tanah Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Skim 'Gated Community' Di Bawah Seksyen 6(1a), Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 584, 585 Dan 599 Seluas 14.72 Ekar, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	:	G&P Professionals Sdn. Bhd.
ADUN	:	Y.B. Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
Ulasan & Pertanyaan	:	<u>Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ</u> Beliau memaklumkan jabatan mengesyorkan pemohon ditolak memandangkan pihak pemohon masih gagal mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi dalam tempoh yang ditetapkan.
Keputusan	:	Mesyuarat memutuskan permohonan ini ditolak kerana pemohon gagal mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan dalam tempoh yang ditetapkan.

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.1.1.(i)(b) TETUAN AMAN KEMENSAH SDN BHD (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Aman Kemensah Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/2-17/12
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/01/12
Tajuk : Cadangan Pembangunan Perumahan Skim 'Gated Community' Di Bawah Seksyen 6 (1a) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 584, 585 Dan 599, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor, Darul Ehsan Yang Mengandungi:
Fasa 1:
1. 51 Unit Rumah Superlink
2. 1 Unit Rumah Kelab
3. 1 Unit Pondok Pengawal
4. 1 Pencawang Tnb
Fasa 2: (Pembangunan Akan Datang)
1. 52 Unit Rumah Berkembar
Perunding : Kumpulan Senireka Architect
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditolak** selaras penolakan Pelan Infrastruktur.

*Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.*

2.1.1.(ii)(a) TETUAN TRIPLE ESTEEM SDN BHD (PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Tetuan Triple Esteem Sdn Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ KEJ.C.720-2/15/12/A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/82/11
Tajuk : Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Termasuk 1 Separa Bawah Tanah) Di Atas Lot 6842 (4784), Jalan Teberau 1, Taman Ukay Height, Bandar Ulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : ABS Consult
ADUN : Y.B. Mohamed Azmin B. Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan permohonan ini telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan. Walau bagaimanapun

permohonan belum mendapat sokongan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Dato' Pengerusi

Dato' Pengerusi bertanya apakah ulasan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) yang masih belum dipatuhi.

Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ

Elemen untuk kelulusan Jabatan Pengairan Dan saliran adalah berkenaan aliran longkang sediada dan pembinaan kolam takungan OSD.

Jurutera Jabatan Kejuruteraan, MPAJ

Beliau memaklumkan hasil semakan di tapak mendapati kawasan cadangan adalah berdekatan dengan kawasan cerun dan tidak memerlukan kolam takungan supaya air dapat mengalir cepat dan tidak bertakung. Walau bagaimanapun pihak jabatan memerlukan kelulusan daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) berhubung perkara tersebut.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan & Saliran (JPS),
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

Pemohon : **Tetuan Triple Esteem Sdn Bhd.**
 No. Fail PBT : MPAJ KEJ.C.720-2/15/12/A
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/82/11
 Tajuk : Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Termasuk 1 Separa Bawah Tanah) Di Atas Lot 6842 (4784), Jalan Teberau 1, Taman Ukay Height, Bandar Ulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.
 Perunding : ABS Consult
 ADUN : Y.B. Mohamed Azmin B. Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
 Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** selaras dengan kelulusan Pelan Kerja Tanah iaitu permohonan perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS).

Tindakan : Jabatan Pengairan & Saliran (JPS),
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.

2.1.1.(ii)(c) TETUAN TRIPLE ESTEEM SDN BHD (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Triple Esteem Sdn. Bhd.**
 No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/1-02/13
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/82/11
 Tajuk : Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat (Termasuk 1 Separa Bawah Tanah) Di Atas Lot 6842 (4784), Jalan Teberau 1, Taman Ukay Heights, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.
 Perunding : Neuformation Architects Sdn. Bhd.
 ADUN : Y. B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
 Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki :-

i. Mengemukakan salinan surat dan pelan kelulusan Kerja Tanah & Infrastruktur, Jabatan Kejuruteraan, MPAJ.

ii. Mengemukakan surat dan Pelan Struktur dan

kiraan dari Jurutera yang berkelayakan.

iii. Menjelaskan cukai taksiran yang terkini.

*Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.*

2.1.2 Lima (5) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah tertangguh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) terdahulu dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.2.(i) TETUAN FORWARD ESTEEM SDN. BHD. (KEBENARAN MERANCANG)

Pemohon : **Tetuan Foward Esteem Sdn. Bhd.**
 Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina 3 Blok "Service Apartment" 40 - 41 Tingkat Terdiri Daripada 33 – 34 Tingkat "Service Apartment" ,6 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta, 1 Tingkat Kemudahan Dan 1 ½ Tingkat "Basement" Tempat Letak Kereta , Melalui Serah Dan Bermilik Semula Tanah Dibawah Seksyen 204A Kanun Tanah Negara Di Atas Lot 847, Jalan Hulu Kelang,Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : AHA Planning Consultant Sdn. Bhd
 No. Fail PBT : MPAJ 11/2/2/15-2012
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/40/12
 ADUN : Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali
 (DUN Bukit Antarabangsa)

Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
 i) Pn. Zuraina memaklumkan bahawa permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Jawatankuasa OSC Bil. 10/2012 pada 18/5/2012 sehingga pihak jabatan mengadakan satu taklimat pembangunan projek kepada semua pembantah dan penduduk berhampiran bagi mendengar bantahan dan pandangan penduduk setempat serta perlu memperolehi pengesahan kedudukan jajaran cadangan lebuhraya SUKE yang melibatkan tapak pembangunan untuk tujuan pengambilan balik tanah daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Pej. Tanah Daerah Gombak (PTDG). Pemohon juga perlu mematuhi Garispanduan

Perancangan dan Piawaian Negeri Selangor yang telah ditetapkan.

- ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk ditolak kerana pemohon tidak mematuhi Garis Panduan Perancangan dan Piawaian Negeri Selangor serta masih belum mendapat pengesahan kedudukan jajaran cadangan lebuh raya SUKE yang melibatkan tapak pembangunan untuk tujuan pengambilan balik tanah daripada Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) dan Pej. Tanah Daerah Gombak (PTDG).

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** berdasarkan perkara-perkara:

- i) Tidak mematuhi lokasi perletakan pembangunan 'servis apartment' yang menyatakan lokasi pembangunan perlu berada di dalam kawasan pusat bandar, berhampiran terminal pengangkutan, berhampiran institusi pengajian tinggi dan dalam kawasan pembangunan semula bandar. Didapati pembangunan yang dicadangkan tidak termasuk dalam salah satu lokasi yang dinyatakan dalam garis panduan tersebut.
- ii) Tidak mematuhi plot ratio maksima yang dibenarkan iaitu 1:4 manakala yang dicadangkan adalah 1:6.
- iii) Cadangan pembangunan ini didapati memberi kesan terhadap keperluan penyediaan kemudahan awam iaitu perlu menyediakan sekolah rendah, tadika dan surau mengikut Manual Garis Panduan Perancangan dan Piawaian Negeri Selangor kerana bilangan unit 'servis apartment' yang dicadangkan adalah 1000 unit dengan anggaran penduduk 4500 orang.
- iv) Masih belum mendapat pengesahan kedudukan jajaran cadangan lebuh raya SUKE yang melibatkan tapak pembangunan untuk tujuan pengambilan balik tanah daripada Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) dan Pej. Tanah Daerah Gombak (PTDG) .
- v) Fail permohonan ini telah diproses terlalu lama

iaitu melibatkan tempoh masa 365 hari.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar, MPAJ**

**2.1.2.(ii) TETUAN SIME DARBY MELAWATI DEVELOPMENT SDN. BHD
(KEBENARAN MERANCANG)**

- Pemohon : **Tetuan Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Mendirikan Bangunan Bagi Cadangan Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan, Podium Tempat Letak Kenderaan Dan Kemudahan Berkaitan Yang Mengandungi:
- i) 6 Tingkat Podium Tempat Letak Kenderaan (Aras 1-6) Dan Tempat Letak Kenderaan Aras Bawah Tanah (Aras B1 Dan B2)
 - ii) 1 Tingkat Kemudahan Berkaitan (Aras 7)
 - iii) 23 Tingkat Pangsapuri Perkhidmatan (Aras 8-30)
- Di Atas Lot 14811, 29244, 14725 – 14742, Bandar Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Metropolis planning Sdn. Bhd.
No. Fail PBT : MPAJ 11/2/3/46-2012
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/126/12
ADUN : Y.B. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 23/2012 pada 17/12/2012 kerana perlu membuat pindaan pada tajuk permohonan, mematuhi keperluan teknikal berkaitan serta perlu mendapatkan kelulusan penyatuan tanah daripada Kerajaan Negeri.
ii) Permohonan ini disyorkan untuk diluluskan dengan syarat mendapatkan kelulusan penyatuan tanah daripada Kerajaan Negeri sebelum pelan bangunan diluluskan.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
i) Meminda tajuk permohonan kepada

- (Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Meroboh Dan Membina.....)
- ii) Meminda keluasan surau daripada 358 kp kepada 40' x 40' (ruang berasingan bagi lelaki 20' x 20' dan perempuan 20' x 20' serta lengkap dengan tempat mengambil air sembahyang dan tandas).
 - iii) Mendapatkan kelulusan penyatuan tanah daripada Kerajaan Negeri.
 - iv) Pelan bangunan tidak boleh diluluskan sehingga kelulusan penyatuan tanah diperolehi.
 - v) Kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan MMKN berkaitan penyatuan tanah.
 - vi) Perlu mendapatkan ulasan dan sokongan daripada SYABAS.
 - vii) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.2.(iii) TETUAN ACACIA FABRICS SDN. BHD. (KEBENARAN MERANCANG)

- Pemohon : **Tetuan Acacia Fabrics Sdn. Bhd.**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Membina Sebuah Gudang 3 Tingkat Dan Tempat Kenderaan Separa Basement Di Atas HSM 2615 Lot PT 7680 (No.5) Lorong Enggang 31, Taman Keramat AU2, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Yuniq Planning Consultant
- No. Fail PBT : MPAJ 11/2/2/55-2012
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/148/12
- ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (DUN Hulu Kelang)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan bahawa permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Jawatankuasa OSC Bil. 02/2013 pada 18/1/2013 kerana masih belum mematuhi keperluan teknikal berkaitan.
 - ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini

disyorkan untuk diluluskan dengan mematuhi syarat-syarat dan keperluan teknikal berkaitan.

Ulasan Dato' Pengerusi

- Keputusan :
- i) Dato' Pengerusi memaklumkan oleh kerana permohonan merupakan cadangan membina gudang, penguatkuasaan dan pemantauan perlu dibuat sekiranya bangunan diluluskan untuk dibina di atas tapak bagi memastikan kegunaan bangunan adalah semata-mata sebagai gudang dan bukan dijadikan sebagai kilang pemprosesan
- Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mengemukakan surat kebenaran daripada United Overseas Bank (M) Berhad kerana terdapat gadaian menjamin wang pokok (No. Perserahan : 5785/2011, 5786/2011 dan 6587/2012).
 - ii) Menyediakan kemudahan surau (20' x 20') secara bersepadu dengan tempat mengambil air sembahyang dan ia perlu dinyatakan dalam pelan susunatur.
 - iii) Menyediakan ruangan kantin dengan luas lantai 2% daripada jumlah keluasan lantai binaan (kilang) dan 0.5% daripada jumlah keluasan lantai binaan (gudang).
 - iv) Menyediakan kemudahan tandas lelaki dan perempuan secara berasingan di dalam tapak cadangan.
 - v) Menyediakan 1 unit rumah sampah dengan tong sampah yang berkapasiti 1100 liter untuk sampah industri dan lokasi rumah sampah tersebut hendaklah berbeza dengan lokasi kebuk sampah.
 - vi) Mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ iaitu:
 - a) Mengemukakan Pelan Akui (CP).

- b) Mengemukakan Pelan Ukur keseluruhan kawasan dan sekitar termasuk menunjukkan rizab jalan dan parit yang bersambung ke jalan utama dan parit utama. Pelan ukur hendaklah disertakan dengan pelan kontur serta platform level bagi kawasan pembangunan dan sekitarnya. Keratan rentas melintang dan menegak perlu dikemukakan. Pelan Ukur hendaklah disahkan oleh Jurukur Berdaftar.
- c) Mengemukakan laporan siasatan tanah (S.I)
- d) Menunjukkan discharge outlet dengan jelas sehingga ke Sungai Kelang.
- e) Mengemukakan cadangan menaiktaraf jalan sekitar pembangunan.
- f) Mengemukakan cadangan bagi menaiktaraf longkang sedia ada.
- g) Mendapatkan kelulusan dan sokongan JPS.
- vii) Mematuhi ulasan JPS iaitu:
 - a) Mengemukakan semula 4 salinan pelan susunatur yang menunjukkan dengan jelas cadangan kolam takungan.
 - b) Mengemukakan semula 2 salinan laporan hidrolik (MSMA) yang lengkap.
 - c) Mengemukakan 2 salinan pelan ukur dari Jurukur bertauliah.
- viii) Mematuhi ulasan TNB iaitu menyediakan 1 unit pencawang elektrik (11/.415kV) jenis Stesen Suis Utama.
- ix) Mematuhi ulasan JPBD iaitu mendapatkan pengesahan dan persetujuan bertulis daripada JPS / LUAS terhadap aktiviti yang ingin dijalankan kerana tapak cadangan terletak bersempadanan dengan rezab sungai.
- x) Perlu mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

- Pemohon : **Pn. Nor Aishah Bt Mohd Arif**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Sesebuah 2 Tingkat Diatas Lot PT 39, (HSM 191), Lorong Hillview 1A, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Metropolis Planners
- No. Fail PBT : MPAJ 11/2/3/54-2012
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/150/12
- ADUN : Y.B. Mohammad Azmin Bin Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Jawatankuasa OSC Bil. 02/2013 pada 18/1/2013 kerana masih belum mematuhi ulasan kebenaran merancang. Walau bagaimanapun, mengesyorkan permohonan ini diluluskan dengan syarat membuat penyerahan tanah di Pejabat Tanah Daerah Gombak (PTD Gombak) kerana sebahagian longkang yang berada di dalam lot pemohon merupakan longkang pihak Majlis (MPAJ).
- Ulasan Dato' Pengerusi
- i) Dato' Pengerusi mengesyorkan pihak majlis (MPAJ) membantu pemohon dari segi pembayaran bagi penyediaan pelan ukur halus untuk permohonan penyerahan tanah di pejabat tanah berkaitan.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Pemohon perlu membuat penyerahan tanah di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTD Gombak) bagi kawasan longkang sediaada berkelebaran 10 kaki dan baki di antara sempadan lot dan longkang yang dianggarkan berukuran 6 kaki dalam tapak pembangunan.

- ii) Pemohon perlu meminda pelan susunatur bagi mematuhi garis anjakan bangunan sisi kanan iaitu 10 kaki susulan daripada serahan kawasan longkang 10 kaki.
- iii) Mengemukakan consent letter daripada "CIMB Bank Berhad" kerana tanah digadai atas nama bank tersebut.
- iv) Mematuhi ulasan daripada JPS Daerah Gombak.
- v) Mengemukakan surat Aku janji untuk memastikan bangunan yang didirikan adalah untuk tujuan bangunan kediaman sahaja.
- vi) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.2.(v) TADIKA DANISHA (KEBENARAN MERANCANG)

- Pemohon : **Taska Danisha**
 Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Menukar Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Taska Di Atas Lot PT 32847 H.S.D 55344, Beralamat Di Lot 166 Lorong Ikan Jelawat, Ampang Campuran, Mukim Ampang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- No. Fail PBT : MPAJ 11/2/4/41-2012
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/147/12
 ADUN : Y.B. Khasim Bin Abd. Aziz
 (DUN Lembah Jaya)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Jawatankuasa OSC Bil. 02/2013 pada 18/1/2013 kerana pihak jabatan diminta untuk membuat semakan terhadap sijil menduduki bagi bangunan taska tersebut sebelum dibentangkan semula pada Mesyuarat jawatankuasa OSC akan datang.
 - ii) Walau bagaimanapun, permohonan ini disyorkan untuk diluluskan dengan syarat membayar 10 kali jumlah proses pelan kerana

telah membuat tambahan dan pengubahsuaian sebelum kelulusan bangunan serta perlu mengemukakan pelan bangunan sedia ada atau pelan tambahan ubah suai.

- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan tukar guna ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina iaitu mengemukakan pelan bangunan sedia ada atau pelan tambahan ubah suaian bangunan untuk kelulusan Majlis dan menjelaskan bayaran gandaan 10 kali jumlah proses pelan kerana telah membuat tambahan dan pengubahsuaian sebelum kelulusan bangunan.
 - ii) Kelulusan tukar guna bangunan ini diberikan secara sementara dan lesen akan dikeluarkan secara tahunan iaitu dari tahun ke tahun. Sekiranya terdapat bantahan awam atau penyalahgunaan kelulusan atau perancangan pihak Majlis pada masa hadapan, kelulusan akan ditarikbalik atau dikaji semula.
 - iii) Menyediakan kemudahan dan infrastruktur di tapak cadangan mengikut keperluan semasa.
 - iv) Tidak menghalang lalulintas sekitar dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.
 - v) Mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada Jabatan Perlesenan, MPAJ.
 - vi) Mematuhi ulasan dan syarat serta keperluan daripada jabatan-jabatan teknikal yang terlibat.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.2 PERMOHONAN SERENTAK**2.2.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.****2.2.1(i)(a) TETUAN SIME DARBY MELAWATI DEVELOPMENT SDN. BHD.
(PELAN KERJA TANAH)**

Pemohon : **Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-280B
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/10
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Kompleks Perniagaan 13 Tingkat Yang Mengandungi :-
a) 8 Tingkat Ruang Perniagaan Di Aras Bawah Hingga Aras 7.
b) 5 Tingkat Tempat Letak Kereta Di Basemen 1 Dan 2, Aras 8 Hingga 10
Di atas Lot Pt 5036, Seksyen 1, Pusat Bandar Melawati, Bandar Ulu Kelang, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Nik Jai Associates Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)
Ulasan & : **Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan Beliau memaklumkan daripada semakan jabatan pemohon masih belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan serta belum mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) .

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ serta mendapat kelulusan daripada jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) ,
Jabatan Kerja Raya (JKR) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.2.1(i)(b) TETUAN SIME DARBY MELAWATI DEVELOPMENT SDN. BHD.

(PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.**
 No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03-185B
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/10
 Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Kompleks Perniagaan 13 Tingkat Yang Mengandungi :-
 c) 8 Tingkat Ruang Perniagaan Di Aras Bawah Hingga Aras 7.
 d) 5 Tingkat Tempat Letak Kereta Di Basemen 1 Dan 2, Aras 8 Hingga 10
 Di atas Lot Pt 5036, Seksyen 1, Pusat Bandar Melawati, Bandar Ulu Kelang, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Nik Jai Associates Sdn. Bhd.
 ADUN : Y.B. Tuan Hj. Saari Bin Sungib (Dun Hulu Kelang)
 Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** selaras dengan penangguhan Pelan Kerja Tanah sehingga pemohon mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ serta mendapat kelulusan daripada jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) ,
 Jabatan Kerja Raya (JKR) ,
 Bah. OSC MPAJ,
 Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

**2.2.1(i)(c) TETUAN SIME DARBY MELAWATI DEVELOPMENT SDN. BHD.
 (PELAN BANGUNAN)**

Pemohon : **Tetuan Sime Darby Development Sdn. Bhd.**
 No. Fail PBT : MPAJ BS. KB 740 -1/4-03/2013
 No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/34/10
 Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Komplek Perniagaan 13 Tingkat Yang Mengandungi:-
 - 8 Tingkat Ruang Perniagaan Di Aras Bawah Hingga Aras 7.
 - 5 Tingkat Tempat Letak Kereta Di Besmen 1 Dan 2, Aras 8 Hingga 10.
 Diatas Lot Pt 5036, Seksyen 1, Pusat Bandar Melawati, Bandar Hulu Kelang, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Ahmad Izaham Architect
 ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib

(DUN Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** selaras penangguhan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur, MPAJ dan pemohon dikehendaki mematuhi ulasan Jabatan Bangunan dan Senibina melalui surat rujukan no.(2) MPAJ.KB.740-1/4-03/13 bertarikh 5 Mac 2013.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

LAMPIRAN 3

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.3.1 TETUAN RILIL (M) SDN. BHD

- Pemohon : **Tetuan Rilil (M) Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pelan Susunatur 1 Blok Bangunan Perniagaan (Strata), 3 Tingkat & 1 Tingkat Sub-Basement Tempat Letak Kereta Secara Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204b(Ktn) Di Atas Pt 12802 Dan Pt 12803, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor
- Perunding : AHA Planning Consultant
No. Fail PBT : MPAJ .KP/2-2/2013
No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.10.13
ADUN : Y.B. Mohamed Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
i) Pn. Zuraina memaklumkan permohonan ini disyorkan ditangguhkan terlebih dahulu kerana jalan keluar masuk ke tapak cadangan pembangunan terlalu hampir dengan persimpangan Jalan Nirwana/ Jalan Dagang iaitu dianggarkan 30 meter dan dikehendaki mengemukakan TIA untuk semakan dan ulasan JKR kerana Jalan Dagang Besar adalah di bawah selenggaraan agensi tersebut.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:
i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar Bandar iaitu:
a) Jalan keluar masuk ke tapak cadangan pembangunan terlalu hampir dengan persimpangan Jalan Nirwana/ Jalan Dagang iaitu dianggarkan 30 meter. Disyorkan untuk mengemukakan TIA untuk semakan dan ulasan JKR kerana Jalan Dagang Besar adalah di bawah selenggaraan agensi tersebut.
ii) Mematuhi ulasan Tenaga Nasional Berhad iaitu:
a) Menyediakan pencawang elektrik

(11/.415kV) satu ruang bersaiz 7.6m x 5.1m x 3.3m.

- iii) Mendapatkan ulasan serta sokongan daripada Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Mineral & Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), PTD Hulu Langat, JPS Hulu Langat, Indah water Konsortium (IWK), JKR Hulu Langat, Jabatan Perancangan Bandar & Desa (JPBD) dan Syarikat Bekalan Air (SYABAS).

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

SULIT

LAMPIRAN 4

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (RUMAH SESEBUAH)

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang (Sesebuah) dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.4.1 EN MOHD ZAHIR B. MOHD YUSUFF

Pemohon	:	Mohd Zahir B. Mohd Yusuff
Tajuk	:	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Meroboh Sebuah Rumah Banglo 1 Tingkat Sediada Dan Membina Semula Sebuah Rumah Banglo 3 Tingkat Di Atas Hsm 6924 Pt 9497(No. 4), Lorong Enggang 15, Taman Keramat, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan
Perunding	:	Neo Urban Consult
No. Fail PBT	:	MPAJ/PB.KP/3-9/2013
No. Fail OSC	:	MPAJ.OSC.DEV.06.13
ADUN	:	Y.B. Mohammad Azmin Bin Ali (DUN Bukit Antarabangsa)
Keputusan	:	Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat berikut: i) Meminda tajuk permohonan kepada Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Sebuah Rumah Banglo 1 Tingkat Sediada Dan Membina Semula Sebuah Rumah Banglo 3 Tingkat Di Atas HSM 6924 PT 9497, Lorong Enggang 15, Taman Keramat, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor. ii) Menunjukkan lokasi on site detention dalam pelan susunatur. iii) Kegunaan di bahagian tingkat atas bangunan adalah untuk tujuan tangki air semata-mata. iv) Mematuhi ulasan JPS iaitu mengemukakan semula pelan susunatur yang menunjukkan dengan jelas cadangan kolam takungan berukuran 4.0m x 1.5m x 1.5m (warnakan cadangan OSD). v) Mendapatkan ulasan dan sokongan Jabatan Bangunan dan Senibina dan Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ. vi) Mendapatkan ulasan dan sokongan PTD Gombak. iv) Mematuhi ulasan jabatan-jabatan teknikal lain yang berkaitan

Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ

2.4.2 EN MOHD SOUFIAN BIN ZAKARIA DAN PN FAUZIAH HANIM BT ABDUL RAHIM

- Pemohon : **Mohd Soufian Bin Zakaria Dan Fauziah Hanim Bt Abdul Rahim**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Meroboh Dan Membina Semula Rumah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot 4098, H.S.(M) 357, Jalan Meranti, Kampung Melayu Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Minda Unggul Consult
- No. Fail PBT : MPAJ .PB.KP/3-7 (2013)
- No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.08.13
- ADUN : Y.B. Mohammad Azmin Bin Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Ulasan : Ulasan Pejabat Tanah & Daerah Hulu Langat
i) Pihak pejabat tanah memaklumkan permohonan ini disyorkan untuk ditangguhkan terlebih dahulu sehingga keluasan sebenar tapak dapat ditentukan melalui hakmilik terbaru yang akan dikeluarkan di pejabat tanah.
- Ulasan Dato' Pengerusi
i) Dato' Pengerusi berpandangan permohonan ini disyorkan untuk diluluskan dengan syarat kerana pemohon telah mematuhi keperluan teknikal berkaitan. Sekiranya terdapat perbezaan yang ketara dari segi keluasan tanah pada tapak tersebut, mohon permohonan ini dikemukakan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
i) Mematuhi ulasan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan kepada pemohon iaitu:
a) Menunjukkan lokasi 'discharge outlet' di pelan susunatur.
b) Mohon penjelasan berkaitan perbezaan maklumat luasan tanah iaitu dalam pelan

ukur, pelan akui (PA) dan pelan susunatur dinyatakan sebagai 5096.5 kp manakala maklumat dalam carian rasmi dan dokumen hakmilik adalah 4920 kp.

- c) Menunjukkan lokasi on site detention (OSD) mengikut spesifikasi JPS Daerah Hulu Langat.
- ii) Mendapatkan ulasan daripada PTD Hulu Langat dan Jabatan Pengairan dan Saliran Hulu Langat.
- iii) Mengemukakan surat akujanji kepada Jabatan Perancang Bandar bahawa bangunan cadangan adalah sebagai kediaman.
- iv) Mematuhi ulasan dan syarat serta memenuhi keperluan daripada lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.4.3 BRIG . JEN. (B) DATO' HJ MOHD ZAKI BIN HJ. WAN MAHMOOD

Pemohon : **Brig. Jen. (B) Dato' Hj. Mohd Zaki Bin Hj. Wan Mahmood**

Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 34185, Kg. Tasik Permai, Seksyen 15, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan

Perunding : Neo Urban Consult

No. Fail PBT : MPAJ .PB.KP/3-8 (2013)

No. Fail OSC : MPAJ.OSC.DEV.09.13

ADUN : Y.B. Tn. Hj. Khasim Bin Abd Aziz
(DUN Lembah Jaya)

Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i) Mematuhi ulasan Jabatan Perancang Bandar iaitu:
 - a) Cadangan brick wall setinggi 1.2 meter di belakang bangunan tidak dibenarkan memasuki anjakan bangunan.
 - b) Mengemukakan surat akujanji kepada Jabatan Perancang Bandar bahawa

bangunan cadangan adalah sebagai kediaman.

- c) Mengemukakan 1 salinan pelan ukur, pelan susunatur dan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) untuk dipanjangkan ke Jabatan Mineral dan Geosains kerana dikhuatiri tapak permohonan kawasan bercerun.
- d) Meminda pelan susunatur dengan meminda cadangan balkoni di bahagian hadapan tapak dan tidak dibenarkan memasuki anjakan hadapan bangunan iaitu 20 kaki.
- ii) Mematuhi ulasan jabatan Bangunan & Senibina iaitu:
 - a) Menyediakan anjakan 20 kaki bagi ' terrace garden' selaras dengan Manual Garispanduan Piawaian perancangan Selangor.
- iii) Pemohon perlu menyediakan jalan akses daripada Lorong Indah 7 ke tapak permohonan.
- iv) Mendapatkan ulasan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Hulu Langat serta Jabatan kejuruteraan, MPAJ.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.5 PERMOHONAN PELAN KERJA TANAH

Dua (2) permohonan Pelan Kerja Tanah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.5.1 TETUAN VERTILOT DEVELOPMENT SDN.BHD

Pemohon : **Tetuan Vertilot Development Sdn.Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ .KEJ.KB.720-02-165A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/60/12
Tajuk : Cadangan Kerja Tanah Untuk Tujuan Mendirikan 1 Blok 144 Unit Rumah Pangsa Kos Rendah 20 Tingkat Termasuk Tingkat Satu Untuk Kemudahan, Kedai Dan Tempat Letak Kereta Di Atas Lot Pt 45 (Hsd 76459), Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Perunding Rekacekap Sdn. Bhd.
ADUN : Y.B. Tn. Hj. Abd. Khasim B. Abd. Aziz (Dun Lembah Jaya)
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan daripada semakan jabatan pemohon masih belum mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan serta belum mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS).

Beliau memaklumkan isu tanah juga masih belum diselesaikan.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mematuhi ulasan Jabatan Kejuruteraan, MPAJ serta mendapat kelulusan daripada jabatan teknikal yang berkaitan.

**Tindakan : Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) ,
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.5.2 UNTUK PN. NOOR HASLINA & EN. ROHAIZAD DARUS.

Pemohon : **Untuk Pn. Noor Haslina & En. Rohaizad Darus.**
No. Fail PBT : MPAJ .KEJ.KB.720-02-166A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/101/11
Tajuk : Cadangan Meroboh 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Sediada Dan Membina Semula 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Atas Pt 1942, Jalan 14, Taman Tun Abdul Razak , Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Ingenieur Bersekutu Consulting Engineers.
ADUN : Y.B. Tn. Hj. Abd. Khasim B. Abd. Aziz (Dun Lembah Jaya)
Ulasan & : **Pengarah Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan
Beliau memaklumkan jabatan mengesyorkan permohonan ini di tolak kerana kelulusan Kebenaran Merancang yang diberikan telah tamat tempoh.

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **ditolak** .

**Tindakan : Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ**

LAMPIRAN 6

2.6 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)

Dua (2) Permohonan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.6.1 EN. ZULKIFLI BIN AHMAD

Pemohon : **Encik Zulkifli Bin Ahmad**
No. Fail PBT : MPAJ BS. KB 740-1/1-08/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/102/12
Tajuk : Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Rumah Banglo Tiga Tingkat Di Atas Lot 1235 (Pt 33310 Hsd 55569) Jalan Susur, Kampung Tasek Permai, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Hisham Mohamad Architect
ADUN : Y. B. Khasim bin Abdul Aziz
(DUN Lembah Jaya)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki :-

- i. Mengemukakan permohonan Permit Meroboh serta 'Method Statement' dan menjelaskan bayaran tong sampah bagi bahan binaan yang diroboh sebelum bangunan sedia ada dirobohkan.
- ii. Mengemukakan surat pengecualian Pengemukaan Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur, Jabatan Kejuruteraan, MPAJ.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.6.2 EN. MOHAMED BIN MD NOH

Pemohon : **Encik Mohamed Bin Md Noh**
No. Fail PBT : MPAJ BS. KB 740-1/1-07/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/67/12
Tajuk : Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 2
Tingkat Beserta Kolam Renang Diatas Gm 396 Lot
18127 Dan Gm 395 Lot 18128, Jalan 5/1a, Taman
Kemensah Height, Mukim Hulu Kelang, Daerah
Gombak, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Intan Jasmine Architect
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh
8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan
Bangunan ini **ditangguhkan** kerana ;
i. Ia melibatkan isu cantuman tanah,
ii. Pemohon masih belum mematuhi ulasan Jabatan
Bangunan dan Senibina, MPAJ seperti surat
bil.(2)d/m. MPAJ BS.KB 740-1/1-07/13 bertarikh
4/3/2013.
iii. Pemohon perlu mengemukakan Pelan Kerja Tanah
kepada Jabatan Kejuruteraan, MAPJ.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

LAMPIRAN 7

2.7 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PERUMAHAN)

Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan (Perumahan) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.7.1 DAMANSARA RESIDENCES SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Damansara Residences Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS. KB 740-1/2-04/2009-1
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/14/09
Tajuk : Permohonan Pecahan Fasa Bagi Kelulusan Pelan Bangunan (30)Dlm.MPAJ.04/1/1/2-04/09 Bertarikh 26 Mac 2010 Bagi:
Cadangan Pembangunan 41 Unit Rumah "Courtyard Villa Gated Community" Yang Mengandungi:-
Jenis A1a-3 Unit (3 Tingkat-'Intermediate')-(Lot 36,38,40),
Jenis A1b-2 Unit (3 Tingkat-'Corner Lot')-(Lot 7,34),
Jenis A2a-4 Unit (3 Tingkat-'Intermediate')-Lot 32,35,37,39),
Jenis A2b-2 Unit (3 Tingkat-'Corner Lot')-(Lot 5,9),
Jenis A3-1 Unit (3 Tingkat-'Corner Lot')-(Lot 33),
Jenis A4-1 Unit (3 Tingkat-Corner Lot')-(Lot 41),
Jenis A5-1 Unit (3 Tingkat-Special Unit)-(Lot 12),
Jenis B1a-2 Unit (3 Tingkat-Intermediate)-(Lot 29,31),
Jenis B1b-1 Unit (3 Tingkat-Corner Lot)-(Lot 8)
Jenis B2a-1 Unit (3 Tingkat-Intermediate)-(Lot 30),
Jenis B2b-1 Unit (3 Tingkat' corner Lot)-(Lot 6),
Jenis B2c-1 Unit (3 Tingkat-Corner Lot)-(Lot 1),
Jenis B2d-1 Unit (3 Tingkat-Corner Lot)-(Lot 10),
Jenis B3-1 Unit (3 Tingkat-Special Unit)-(Lot 3),
Jenis B4-1 Unit (3 Tingkat-Special Unit)-(Lot 4),
Jenis B5-1 Unit (3 Tingkat-Special Unit)-(Lot 2),
Jenis C1-5 Unit (3 ½ Tingkat- Intermediate)-(Lot 13,15,17,19,21),
Jenis C2a-4 Unit (3 ½ Tingkat-Intermediate)-(Lot 14,16,18,20),
Jenis C2b-1 Unit (3 Tingkat-Corner Lot)-(Lot 22),
Jenis D1a-2 Unit (3 ½ Tingkat-Intermediate)-(Lot 25,27)
Jenis D1b-1 Unit (3 ½ Tingkat-Corner Lot)-(Lot 23),
Jenis D2-3 Unit (3 ½ Tingkat-Intermediate)-(Lot 21,26,28),
Jenis D3-1 Unit (3 ½ Tingkat-Special Unit)-(Lot 11),
Serta 1 Unit Rumah Kelab 1 Tingkat Berserta Pencawang Elektrik Dan 1 Unit Pondok Pengawal

Keselamatan Di Atas Lot 504, Mukim Hulu Kelang,
Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.

Pecahan Fasa :

1. Fasa 1 (36 Unit Rumah): Lot 1 Hingga Lot 22 Dan Lot 28 Hingga Lot 41

2. 2. Fasa 2 (5 Unit Rumah): Lot 23 Hingga Lot 27

Perunding : Marc Architecture
ADUN : Y. B. Saari Bin Sungib
(DUN Hulu Kelang)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki memasukkan pondok pengawal, rumah kelab dan pencawang elektrik di dalam Fasa 1 dan menjelaskan bayaran cukai taksiran terkini.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

LAMPIRAN 8

2.8 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PELBAGAI)

Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan (Peibagai) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.8.1 TENAGA NASIONAL BERHAD

Pemohon	:	Tetuan Tenaga Nasional Berhad
No. Fail PBT	:	MPAJ BS. KB 740-1/5-05/2013
No. Fail OSC	:	MPAJ/OSC/DEV/43/11
Tajuk	:	Permohonan Bagi Cadangan Membina, Menyiapkan Dan Mentaulliah Pencawang Masuk Utama 132/33/11 Kv Gis Pandan Mesra Di Atas Tanah Lot 49266, (Pt 11395) Seksyen 15, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding	:	Perunding ZE Consulting Engineers
ADUN	:	Y. B. Khasim bin Abdul Aziz (DUN Lembah Jaya)
Keputusan	:	Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini diluluskan dengan syarat pemohon dikehendaki mengemukakan salinan geran terkini dan membayar denda Pelan Bangunan sebanyak 10 kali ganda bayaran proses pelan iaitu RM 22,700.00

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

LAMPIRAN 9

2.9 PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (TELEKOMUNIKASI)

Tiga (3) Permohonan Pelan Bangunan (Telekomunikasi) telah dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.9.1 TETUAN OCK SETIA ENGINEERING SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan OCK Setia Engineering Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS. SBBT. 740-1/1-04/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/TC/04/13
Tajuk : Cadangan Pembinaan 2 Batang Boom Setinggi 6m Dan Peralatan Telekomunikasi Di Atas Bangunan 2 Tingkat Di Lot Pt 26741, No.48, Jalan Saga 20, Taman Saga, 68000 Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Sazryan Resources Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Jenice Lee Ying Ha.
(DUN Teratai)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mengemukakan maklumat carian rasmi.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.9.2 TETUAN DIGI TELECOMMUNICATIONS SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Digi Telecommunications Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS. SBBT. 740-1/1-05/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/TC/05/13
Tajuk : Cadangan Membina Dan Menyiapkan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Jenis 'Boom' Setinggi 3 Meter Di Atas Bumbung Bangunan Kedai Pejabat 3 Tingkat Dan Peralatan Suis Telekomunikasi Di Tingkat 2 Yang Sediada Di Atas Lot 49009, Seksyen 15, Premis No. B-1-1, Jalan Mpl 3, Merdeka Place, Off Jalan Merdeka, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : DE Perunding Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz.
(DUN Lembah Jaya)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan

Bangunan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mengemukakan maklumat carian rasmi dan surat sokongan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.9.3 TETUAN U MOBILE SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan U Mobile Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS. SBBT. 740-1/1-06/2013
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/TC/06/13
Tajuk : Cadangan Pembinaan Tiga (3) Unit Tiang Pemancar (Floor Mount Bipod Boom) Setinggi 3m Dan Peralatan Telekomunikasi Di Atas Bumbung Pangsapuri, Lot Pt 9266, Apartment Permai Ria, Jalan M, Bukit Ampang Permai, 68000 Ampang, Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Sepakat Runding Sdn. Bhd.
ADUN : Y. B. Khasim Bin Abdul Aziz.
(DUN Lembah Jaya)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.5/2013 bertarikh 8 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **ditangguhkan** sehingga pemohon mengemukakan surat sokongan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan juga minit mesyuarat persatuan penduduk (AGM/EGM).

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

LAMPIRAN 10

2.10 HAL-HAL LAIN**2.10.1 Makluman Kelulusan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai), Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalam.**

- a. Sebanyak 16 permohonan Tambahan Dan Pindaan (Ubahsuai) telah diproses dan diluluskan.
- b. 12 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalam telah diproses dan diluluskan.

2.10.2 Makluman Permohonan Pelan Landskap

Sebanyak 1 Permohonan Pelan Landskap Jalan telah diproses dan diluluskan.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:05 pagi.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

5.7

**LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT OSC BIL.6/2013**

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
BIL. 06/2013
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 25 HB MAC 2013 (JUMAAT)

KEHADIRAN AHLI-AHLI MESYUARAT

BIL	HADIR	JABATAN / AGENSI
1.	Y. Bhg. Dato' Mohammad B. Yacob	Yang DiPertua MPAJ (Pengerusi)
2.	Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain	Timbalan Yang DiPertua MPAJ
3.	Tn. Razali B. Ramly	Ahli Majlis MPAJ
4.	Tn. Abdul Aziz B. Ahmad	Ahli Majlis MPAJ
5.	Tn. Abdul Jalil B. Hassan	Ahli Majlis MPAJ
6.	Pn. Sian Keng Eng	Ahli Majlis MPAJ
7.	En. Mohd Zuwahir B. Wandu	Pej. Tanah & Daerah Gombak
8.	Cik Nurfaeza Saleha Bt. Sahlan	JPBD Selangor
9.	En. Qalam A'zad Rosle	Jab. Mineral & Geosains Selangor
10.	En. Mohd Azri B. Md Baharudin	Jab. Kerja Raya Hulu Langat
11.	En. Muhammad Zuhairi B. Zanudin	Jab. Bomba & Penyelamat Selangor
12.	Pn. Farahana Bt. Abu Bakar	Jab. Pengairan & Saliran Gombak
13.	Pn. Salkiah Mohamad Salleh Tan	Jab. Alam Sekitar Selangor
14.	Pn. Noor Izzati Bt. Abbas	Indah Water Konsortium (IWK)
15.	Pn. Seetha a/p Mariappan	TNB Distribution Sdn. Bhd.
16.	En. Mohd Fauzi B. Embong	POS Malaysia Berhad
17.	En. Muhammad Wafiy B. Md Wazir	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
18.	Pn. Zuraina Bt. Said	Jab. Perancang Bandar MPAJ
19.	En. Hasrolnizam B. Shaari	Jab. Kejuruteraan MPAJ
20.	En. Yazid B. Sarkom	Jab. Bangunan & Senibina MPAJ
21.	En. Johari B. Atli	Jab. Undang-Undang MPAJ
22.	En. Khairulazmi B. Abd Rahman	Jab. Penilaian & Pengurusan Harta
23.	Pn. Rohana Bt. Mohd Nor	Ketua Bahagian OSC
24.	En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim	Urusetia OSC Pembangunan
25.	En. Muhammad Hanafi B. Othman	Urusetia OSC Pembangunan
26.	Pn. Rahah Bt. Jalaludin	Urusetia OSC Pembangunan
27.	Pn. Yasmin B. Hadi	Jab. Perbandaran & Kesihatan
28.	Pn. Marlina Bt. Mokhtar	Jab. Belia Masyarakat
29.	En. Muhazi B. Jayrah	Jab. Penguatkuasa

TURUT HADIR

1. En. Mohd Azli B. Othman	Jab. Perancang Bandar
2. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari	Jab. Perancang Bandar
3. En. Kamarulnizam B. A. Ghani	Jab. Perancang Bandar
4. En. Mohd Al-Asad B. Idris	Jab. Perancang Bandar
5. Pn. Nurul Husna Bt. M. Ibrahim	Jab. Perancang Bandar
6. Pn. Ruziana Bt. Leemon	Jab. Perancang Bandar
7. Pn. Norliza Bt. Masri	Jab. Perancang Bandar
8. Pn. Norizan Bt. Ibrahim	Jab. Perancang Bandar
9. Pn. Juhaida Bt. Kassim	Jab. Perancang Bandar
10. Cik Maizan Bt. Mazlan (Praktikal)	Jab. Perancang Bandar
11. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf	Jab. Bangunan Senibina
12. Pn. Masni Manja Bt. Md Sidek	Jab. Bangunan Senibina
13. Pn. Salehah Bt. Ismail	Jab. Bangunan Senibina
14. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak	Jab. Kejuruteraan
15. En. Mohd Khairudin Muhamed	Jab. Kejuruteraan
16. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil	Jab. Kejuruteraan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat	TIDAK HADIR
2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd	TIDAK HADIR
3. Jab. Kerja Raya Gombak	TIDAK HADIR
4. PDRM (Daerah Ampang)	TIDAK HADIR
5. Jab. Pengairan & Saliran Selangor	TIDAK HADIR
6. Jab. Pengairan & Saliran Hulu Langat	TIDAK HADIR
7. SYABAS	TIDAK HADIR
8. SKMM Wilayah Tengah	TIDAK HADIR

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.03/2013**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2012 telah diadakan pada 25 Mac 2013 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.4 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.4.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah diluluskan dengan syarat.

2.4.2 Sepuluh (10) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Lapan (8) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan dua (2) permohonan telah ditolak.

(LAMPIRAN 1)

2.5 PERMOHONAN SERENTAK

2.5.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

2.5.2 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan telah diluluskan.

(LAMPIRAN 2)

2.3 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG

Satu (1) cadangan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 3)

2.4 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG**(RUMAH SESEBUAH)**

Satu(1) cadangan Kebenaran Merancang (Rumah Sesebuah) dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 4)

2.5 PERMOHONAN CADANGAN KEBENARAN MERANCANG**(CADANGAN NAMA PEMBANGUNAN)**

Satu(1) cadangan Kebenaran Merancang (Cadangan Nama Pembangunan) dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 5)

2.6 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)

Dua (2) cadangan Pelan Kejuruteraan (Pelbagai) telah dikemukakan. Satu (1) telah diluluskan dan satu (1) telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 6)

2.7 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (RUMAH SESEBUAH)

Satu(1) cadangan Pelan Bangunan (Rumah Sesebuah) telah dikemukakan telah diluluskan.

(LAMPIRAN 7)

2.8 PERMOHONAN CADANGAN PELAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Satu(1) cadangan Pelan Bangunan (Struktur Telekomunikasi) telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

(LAMPIRAN 8)

2.9 HAL-HAL LAIN

2.9.1 Sebanyak 8 permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 23 permohonan Permit Pelbagai dan Ubahsuai Dalam telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2013.

2.9.2 Sebanyak 3 Permohonan Pengecualian Pelan Infrastruktur Jalan dan Perparitan telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah

dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2013.

2.9.3 Sebanyak 3 Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur Jalan dan Perparitan telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2013.

2.9.4 Sebanyak 1 Permohonan Pelan Lanskap telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 06/2013.

(LAMPIRAN 9)

2.2 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang ditangguhkan dikemukakan semula dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.1.(i)(a) TETUAN WANGSURI (PELAN KERJA TANAH)

Pemohon : **Tetuan Wangsuri Marketing Sdn.Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-02-164A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/73/12
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Gudang 3 Tingkat Di Atas Pt 14697, Jalan Kencana 20, Taman Kencana Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat , Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Pax Engineering services
ADUN : Y.B. Cik Jennice Lee.(DUN Teratai)
Ulasan & : **Jurutera Jab. Kejuruteraan, MPAJ**
Pertanyaan

Beliau memaklumkan permohonan telah mematuhi ulasan jabatan dari aspek teknikal, garis panduan dan spesifikasi yang ditetapkan , walau bagaimanapun permohonan belum mendapat sokongan daripada Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS) .

Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon perlu mendapatkan sokongan Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS),
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.1.1.(i)(b) TETUAN WANGSURI (PELAN INFRASTRUKTUR)

Pemohon : **Tetuan Wangsuri Marketing Sdn Bhd**
No. Fail PBT : MPAJ.KEJ.KB.720-03-177A
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/73/12
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Gudang 3 Tingkat Di Atas Pt 14697 , Jalan Kencana 20, Taman Kencana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.

Perunding : Pax Engineering Services
ADUN : Y.B. Cik Jennice Lee (Dun Teratai)
Keputusan : Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan dengan syarat** selaras dengan Pelan Kerja Tanah sehingga pemohon mendapatkan sokongan Jabatan Pengairan Dan saliran (JPS).

**Tindakan : Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS),
Bah. OSC MPAJ,
Jab. Kejuruteraan, MPAJ.**

2.1.1.(i)(c) TETUAN WANGSURI (PELAN BANGUNAN)

Pemohon : **Tetuan Wangsuri Marketing Sdn. Bhd.**
No. Fail PBT : MPAJ BS.KB 740-1/3-01/13
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/73/12
Tajuk : Cadangan Membina Sebuah Gudang 3 Tingkat Di Atas Pt 14697 , Jalan Kencana 20, Taman Kencana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
Perunding : Pax Engineering
ADUN : Y. B. Jenice Lee Ying Ha (DUN Teratai)
Keputusan : Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.6/2013 bertarikh 25 Mac 2013 telah memutuskan permohonan Pelan Bangunan ini **diluluskan dengan syarat** pemohon dikehendaki mengemukakan Pelan Kelulusan BOMBA.

**Tindakan : Jab.Bangunan dan Senibina, MPAJ.
& OSC Pembangunan.**

2.1.2 Sepuluh (10) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah tertangguh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) terdahulu dikemukakan dalam mesyuarat pada kali ini.

2.1.2 (i) TETUAN TIMBUNAN TUNAS DEVELOPMENT SDN. BHD.

Pemohon : **Tetuan Timbunan Tunas Development Sdn. Bhd.**
Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Cadangan Bagi Tujuan Cantuman Lot (Rumah Kelab & Pangsapuri 10 Tingkat) Kepada Rumah Bandar (31 Unit) Di Atas Lot Pt 1332 & Pt 4157, Di Bawah Seksyen 204 A, Kanun Tanah Negara Mukim Ulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan

- Perunding : HRC Planning Consultant Sdn. Bhd.
No. Fail PBT : MPAJ 11/2/3/49-2012
No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/130/12
ADUN : Y.B. Mohamed Azmin B. Ali
(DUN Bukit Antarabangsa)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan bahawa permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 03/2013 pada 8/2/2013 kerana masih belum mematuhi keperluan anjakan belakang bangunan, ketinggian bangunan yang tidak mematuhi garis panduan serta keperluan teknikal berkaitan yang masih belum diperolehi.
 - ii) Pn. Zuraina memaklumkan lagi bahawa permohonan ini melibatkan pindaan pelan susunatur yang diluluskan oleh JPBD Neg. Selangor pada 25/10/2002. Pelan susunatur tersebut menunjukkan lot PT 1332 sebagai rumah kelab manakala lot PT 4157 sebagai pembangunan pangsapuri kos tinggi 10 tingkat (40 unit).

Ulasan Dato' Pengerusi

- i) Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan ini masih menggunakan syarat-syarat keperluan teknikal terdahulu yang telah pun mendapat kelulusan daripada JPBD Neg. Selangor. Walau bagaimanapun, permohonan ini juga perlu mematuhi syarat-syarat keperluan teknikal yang telah ditetapkan oleh pihak majlis.

- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini **diluluskan** dengan syarat-syarat berikut:
- i) Meminda tajuk permohonan iaitu "Permohonan Kebenaran Merancang bagi meroboh rumah kelab sediaada (lot PT1332) dan membina pangsapuri kos tinggi 31 unit, 6 tingkat dan 2 aras tempat letak kereta separa bawah tanah , serentak dengan serah balik dan bermilik semula tanah lot PT 1332 dan PT 4157 dibawah seksyen 204B KTN, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor".
 - ii) Mendapatkan kelulusan bagi permohonan

serah balik dan beri milik semula bagi lot PT 1332 dan PT 4157 dibawah 204B KTN di Pejabat Tanah Daerah Gombak.

- iii) Keputusan kelulusan berkenaan tanah adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).
- iv) Permohonan pelan kerja tanah tidak boleh diluluskan dan pelan bangunan tidak boleh dikemukakan sehingga bayaran premium dan hal tanah diselesaikan terlebih dahulu.
- v) Mematuhi ulasan dari Jabatan Kejuruteraan iaitu:
 - a) Pihak pemohon perlu mengemukakan laporan geoteknikal dan kestabilan cerun sediaada di tapak.
 - b) Menunjukkan dengan jelas "discharge outlet" daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - c) Mengemukakan cadangan bagi menaiktaraf longkang sediaada.
 - d) Mengemukakan laporan "Traffic Impact Assessment" (TIA) bagi kawasan pembangunan serta kesan terhadap kawasan persekitaran termasuk cadangan dan langkah penyelesaian.
- vi) Mematuhi ulasan Jabatan Bangunan & Senibina iaitu;
 - a) Pastikan turning radius dan ruang lega ketinggian di ruang TLK dalam bangunan berkait rapat dengan susunatur petak TLK dan juga tiang.
- vii) Mematuhi ulasan dan syarat-syarat Jabatan Teknikal berkaitan.

**Tindakan : OSC Pembangunan
Jab. Perancang Bandar,MPAJ**

2.1.2 (ii) RAYMOND LOH TOH YONG

- Pemohon : **Raymond Loh Toh Yong**
- Tajuk : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Unit 2 Kedai Pejabat 2 Tingkat Di Atas Lot PT 112 Dan PT 113, Jalan Pandan Indah, Pandan Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan
- Perunding : Asnatech Consult Sdn. Bhd.
- No. Fail PBT : MPAJ 11/2/3/50-2012
- No. Fail OSC : MPAJ/OSC/DEV/135/12
- ADUN : Y.B. Iskandar B. Abd. Samad (DUN Cempaka)
- Ulasan : Ulasan Pegawai Perancang Bandar, MPAJ
- i) Pn. Zuraina memaklumkan bahawa permohonan ini pernah ditangguhkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.01/2013 pada 10 Januari 2013 kerana masih belum mematuhi keperluan serta syarat-syarat kebenaran merancang serta lokasi TLK dan TLM yang perlu dipinda sebagaimana keperluan di dalam Pelan Tatatur Pembangunan 36 Unit Lot Kedai Teres 2 Tingkat.
 - ii) Pn. Zuraina juga mengesyorkan permohonan ini diluluskan dengan syarat mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk perletakkan pencawang TNB.
- Ulasan Dato' Pengerusi
- i) Dato' Pengerusi mengesyorkan permohonan ini diluluskan dengan syarat pemohon perlu mendapatkan persetujuan daripada pemilik-pemilik berjiran mengenai lokasi perletakan yang sesuai untuk TNB.
- Keputusan : Berdasarkan perkara yang dibincangkan, Mesyuarat memutuskan permohonan ini diluluskan dengan syarat-syarat berikut:
- i) Perlu mematuhi ulasan kebenaran merancang sepertimana berikut :
 - a) Memasukkan ayat berkaitan sepertimana keperluan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) di dalam pelan susunatur.
 - b) Meminda lokasi perletakan TLK dan TLM sebagaimana Pelan Tatatur Pembangunan

36 Unit Lot Kedai Teres 2 Tingkat.

- c) Menyediakan pelan ukur bagi keseluruhan 36 lot kedai teres.
- ii) Perlu mematuhi ulasan Jab. Kejuruteraan, MPAJ iaitu:
 - a) Mengemukakan Pelan Syit
 - b) Mengemukakan Pelan Akui (CP)
 - c) Mengemukakan Pelan Ukur keseluruhan kawasan dan sekitar termasuk menunjukkan rizab jalan dan parit yang bersambung ke jalan utama dan parit utama. Pelan Ukur hendaklah disertakan dengan pelan kontor serta platform level bagi kawasan pembangunan dan sekitarnya. Keratan rentas melintang dan menegak perlu dikemukakan. Pelan ukur hendaklah disahkan Jurukur Berdaftar.
 - d) Mengemukakan cadangan keluar masuk daripada tapak cadangan agar ia selaras dengan jalan keluar masuk sedia ada.
 - e) Pihak pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan dan sokongan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkenaan dengan 'discharge outlet' dari kawasan pembangunan ke Sungai Kelang/Sungai Ampang.
 - f) Menunjukkan dengan jelas 'discharge outlet' daripada tapak cadangan hingga ke longkang utama.
 - g) Menyedia dan menunjukkan di dalam pelan simpanan parit di dalam kawasan pembangunan.
 - h) Mengemukakan cadangan bagi menaiktaraf longkang sedia ada.
 - i) Mendapatkan kelulusan serta sokongan daripada JPS Hulu Langat.
- iii) Perlu mematuhi ulasan Jab. Bangunan, MPAJ iaitu:
 - a) Mengemukakan pelan bangunan yang lengkap untuk pihak jabatan membuat penyelarasan 'facade' bangunan bagi keseluruhan pembangunan teres di kawasan tersebut.
 - b) Mengemukakan cadangan pelan

- pandangan perspektif beserta skema warna untuk semakan dan ulasan jabatan.
- c) Pihak pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan dan sokongan dari pihak Indah Water Konsortium (IWK) berkenaan sistem pembentungan yang digunakan di kawasan tersebut.
 - iv) Perlu menunjukkan dan melabelkan lokasi kebuk sampah serta mematuhi ulasan daripada Jab. Perkhidmatan Perbandaran, MPAJ iaitu :
 - a) Membina kebuk sampah di hadapan premis bagi memudahkan kerja-kerja kutipan sampah dilaksanakan.
 - b) Kapasiti tong sampah boleh memuatkan tong sampah jenis 'two whee bin' berkapasiti 240 liter dan hendaklah sentiasa berada di dalam kebuk sampah.
 - v) Perlu mematuhi syarat-syarat PTD Hulu Langat iaitu:
 - a) Pemilik/pemaju hendaklah mendirikan bangunan di dalam tapak/tanah lot yang diluluskan oleh Kerajaan
 - b) Keluasan tapak yang dicadangkan untuk pembinaan hendaklah menggunakan keluasan Lot 42115 dan Lot 42114 di dalam Pelan JUPEM, PA 80543 CALS.
